

Jilid I  
Bil. 51



Hari Selasa  
17hb Mac, 1987

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

### PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Daim Zainuddin—Kebenaran [Ruangan 7921]

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 7921]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986)

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.30 [Ruangan 8055]

Maksud B.36 [Ruangan 8080]

Maksud B.44 [Ruangan 8092]

Maksud B.63 [Ruangan 8121]

### USUL-USUL:

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1985

Jawatankuasa—

Maksud P.24 [Ruangan 8031]

Maksud P.26 [Ruangan 8054]

## **KANDUNGANNYA—(Samb.)**

**Maksud P.51 dan P.52 [Ruangan 8094]**

**Maksud P.58 [Ruangan 8100]**

**Maksud P.61 [Ruangan 8112]**

**Maksud P.62 [Ruangan 8120]**

### **Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1986**

#### **Jawatankuasa—**

**Maksud P.21, P.22, P.23 dan P.24 [Ruangan 8031]**

**Maksud P.25 [Ruangan 8054]**

**Maksud P.26 [Ruangan 8054]**

**Maksud P.28 dan P.31 [Ruangan 8055]**

**Maksud P.33 [Ruangan 8075]**

**Maksud P.34 [Ruangan 8080]**

**Maksud P.35, P.36, P.37, P.40, P.41 dan P.42 [Ruangan 8080]**

**Maksud P.44, P.45 [Ruangan 8092]**

**Maksud P.47 [Ruangan 8093]**

**Maksud P.48, P.49 dan P.50 [Ruangan 8093]**

**Maksud P.51, P.52 dan P.54, P.55 dan P.56 [Ruangan 8094]**

**Maksud P.57, P.58 dan P.59 [Ruangan 8100]**

**Maksud P.60 [Ruangan 8112]**

**Maksud P.61 [Ruangan 8112]**

**Maksud P.62 [Ruangan 8120]**

**Maksud P.63 [Ruangan 8121]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 8103]**

#### **UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Balai Bomba di Rantau Panjang—**

**Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Yaacob [Ruangan 8129]**

**Kuil Sri Thanigamalai di Senawang—**

**Y.B. Dr Chen Man Hin [Ruangan 8132]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P.(Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAİK**, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Penerangan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).
- „ Menteri Pertahanan, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Luar Negeri, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, **DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD**, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S. B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMED SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

- Yang Berhormat DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat **TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N.** (Pasir Puteh).

„ **DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE** (Tambun).

„ **PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR** (Tebrau).

„ **DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P.** (Sik).

„ **DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.** (Besut).

„ **TUAN ZUBIR BIN EMBONG** (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 17hb Mac, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*PENGUMUMAN TIMBALAN  
YANG DI-PERTUA**Cuti Y.B. Tuan Daim Zainuddin—  
Kebenaran**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Daim Zainuddin, Ahli Kawasan Merbok dari 9hb Mac hingga 13hb Mac, 1987.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANASRAMA DI SMK PEKAN  
BELURAN—BANGUNAN  
TAMBAHAN

**1. Tuan Metah bin Asang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sudah ada rancangan untuk pembinaan bangunan tambahan asrama di SMK Pekan Beluran, memandangkan pada penggal pertama

tahun ini didapati hampir 100 orang penuntut tidak ada tempat tinggal dan sebilangan besar mereka balik ke kampung masing-masing sementara ibubapa mereka mencari dan merayu kepada sahabat-sahabat mereka yang tinggal di Pekan Beluran supaya anak-anak mereka dapat ditempatkan sementara di rumah-rumah sahabat mereka. PIBG Pekan Beluran di masa ini sedang mencari tapak rumah untuk pembinaan pondok bagi menampung penempatan penuntut-penuntut yang tidak ada tempat di asrama. Kalau belum ada rancangan bila, dan bolehkah Kementerian menggunakan peruntukan rancangan projek kilat untuk melaksanakan projek ini.

**Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Beluran boleh menampung 319 orang penghuni sekarang ini. Kementerian Pelajaran belum mempunyai rancangan berhubung dengan cadangan pembinaan bangunan tambahan asrama tersebut oleh kerana projek-projek seperti ini ditangguhkan buat sementara. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengutamakan projek-projek seperti ini selaras dengan dasar mengutamakan pembangunan kawasan luar bandar.

Pada masa sekarang Kerajaan sedang membina Sekolah Menengah Kebangsaan Pamul lengkap dengan asrama. Sebahagian daripada murid-murid Sekolah Menengah kebangsaan Pekan Beluran bolehlah dipindahkan

ke sekolah Menengah Kebangsaan Pamul oleh kerana sekolah tersebut berdekatan.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah syarat-syarat ataupun ciri-ciri yang diambil kira untuk sesebuah sekolah menengah untuk dilengkapi dengan asrama.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan dan penyediaan asrama di sekolah menengah mengutamakan kedudukan sosio-ekonomi keluarga berkenaan dan juga kawasan, kalau kawasan itu luar bandar—pendalaman mempersulitkan hubungan biasa, ini di antara pertimbangan yang dibuat oleh Kerajaan untuk menyediakan sama ada kelengkapan penuh asrama ataupun asrama sebahagian dari pelajar-pelajar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Drs Sulaiman bin Mohamed.

*(Soalan No. 2 Y.B. Drs Sulaiman bin Mohamed tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Dato Haji Mohammad Abu Bakar Rautin Ibrahim.

*(Soalan No. 3 Y.B. Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim tidak hadir).*

#### SEKOLAH RENDAH— PENGECEUALIAN CUKAI TANAH

4. **Dr Lim Ann Koon** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjelaskan kenyataan yang telah dibuat oleh beliau mengenai pengecualian sekolah-sekolah rendah daripada membayar cukai tanah.

Adakah semua sekolah-sekolah jenis kebangsaan dikecualikan daripada membayar cukai tanah tanpa memohon ataupun sekolah-sekolah tersebut perlu memohon secara individu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kanun Tanah Negara sekarang Kerajaan Negeri diberi kuasa mengurangkan cukai tanah sekiranya diperuntukkan di dalam peraturan yang dibuat di bawah Seksyen 14 (1) (j). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengadakan peruntukan bagi mengurangkan cukai tanah dalam peraturan tanah mereka. Pengurangan cukai tanah hendaklah dibuat secara permohonan.

Prosedur bagi permohonan mengurangkan cukai tanah bagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang dimaksudkan itu ialah pemilik tapak sekolah biasanya pemegang amanah sekolah itu akan membuat permohonan untuk mengurangkan cukai tanah bagi tapak sekolah tersebut kepada Pentadbiran Tanah Daerah di mana sekolah itu berada. Pentadbiran Tanah Daerah akan memproses permohonan tanah itu dan setelah diproses dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk diangkat seterusnya sama ada kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Menteri Besar sekiranya kuasa mengurangkan cukai telah diwakilkan kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri untuk keputusan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat itu lagi sekali menjelaskan sama ada cukai tanah dikurangkan atau dikecualikan?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, boleh dikurangkan mengikut permohonan

pemegang-pemegang amanah tanah masing-masing. Boleh dikurangkan, tidak dihapuskan.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan menimbang mengecualikan pembayaran cukai tanah selain dari sekolah-sekolah, kepada gereja, tokong-tokong, masjid dan sebagainya?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Soalan itu terkeluar daripada soalan asal, jadi tak perlu dijawab.

#### WANG DEPOSIT KERAJAAN DALAM BANK KERJASAMA PUSAT

**5. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan amaun wang deposit Kerajaan yang disimpan dalam Bank Kerjasama Pusat sejak bulan Oktober, 1986 dengan memberikan butir-butir lanjut mengenai deposit-deposit tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, sejak bulan Oktober, 1986 wang deposit yang disimpan oleh Kerajaan dalam Bank Pusat Kerjasama ialah \$405 juta. Pecahan deposit ini ialah seperti berikut:

<i>Tempoh/bulan</i>	<i>\$ (juta)</i>
1	160
2	25
6	45
9	60
12	105
JUMLAH ..	405

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ialah wang yang ditaruh dalam CCB selepas bulan Oktober dan bukannya

ini angka yang begitu besar, iaitu \$405 juta yang ditaruh oleh Kerajaan dalam CCB di mana menghadapi masalah liquidity khususnya oleh kerana pinjaman yang lapuk hampir \$500 juta, satu cara tidak langsung di mana Kerajaan cuba menyelamatkan CCB dan kalau Kerajaan boleh mengambil tindakan semacam ini secara tidak langsung untuk menyelamatkan CCB, kenapa Kerajaan enggan untuk dengan bentuk yang sama mengemukakan satu tabung \$600 juta untuk menyelamatkan 24 koperatif?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga tidak lupa tentang menolong masalah-masalah yang ada kaitan dengan koperatif, maka oleh itu berbagai tindakan telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelamatkan penyimpan-penyimpan. Cuma yang mungkin berbeza ialah dari segi tindakan-tindakan secara teliti. Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat dan faham bahawa CCB merupakan sebuah institusi kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi menerima simpanan dari agensi Kerajaan. Maka itu, Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memastikan bahawa semua penyimpan dengan CCB mendapat kembali wang mereka apabila dikehendaki. Simpanan tambahan oleh Kerajaan dengan CCB ialah untuk menemui keperluan penyimpan-penyimpan CCB yang lain apabila simpanan mereka matang ataupun tiba masa untuk dikeluarkan oleh penyimpan-penyimpan. Maka itu, tindakan memasukkan ataupun menyimpan wang Kerajaan di dalam CCB ini dilakukan dengan lebih tegas oleh pihak Kerajaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak menjawab langsung soalan

Yang Berhormat dari Tanjong. Jadi, adakah tindakan Kerajaan itu semata-mata untuk menyelamatkan CCB kerana ada penyelewengan di situ, yang mana ada orang mengambil wang dan tidak dapat bayar balik dan mengapa dalam masa yang sama tidak buat simpanan deposit di Malayan Banking, misalnya. Apakah sebab-sebab yang memaksa Kerajaan memilih CCB, bukan institusi kewangan yang lain? Bolehkah Yang Berhormat itu jawab?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Kementerian Kewangan yang mengendalikan wang Kerajaan pilih CCB, Yang Berhormat Wakil dari Kepong peduli apa. Kalau kita hendak simpan di Malayan Banking pun boleh juga. Soalan sekarang, kita hendak simpan di dalam CCB seperti saya katakan tadi bahawa kita tidak mahu mereka yang menyimpan di dalam CCB ini tidak berupaya mengambil wang mereka ataupun mengeluarkan wang mereka apabila tempoh simpanan mereka sudah matang. Maka itu kita menyimpan wang di dalam CCB.

Soalan kita memasukkan dalam Malayan Banking, kalau sekiranya perlu kita juga akan berbuat demikian. Soal kita hendak pilih CCB ataupun Malayan Banking terpulanglah kepada kita yang berkuasa membuat pemilihan.

### **EKONOMI—PROSES “DECOUPLING”**

**6. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah Kerajaan Malaysia untuk menghadapi kenyataan akibat daripada proses “decoupling” antara pertumbuhan ekonomi barangan utama di satu pihak dan pertumbuhan ekonomi negara industri di satu pihak yang lain.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai proses “decoupling” adalah satu pandangan yang dibuat oleh seorang ahli ekonomi. Pandangan beliau itu adalah satu pendapat peribadi dan tidak semestinya diterima oleh lain-lain pihak sebagai satu perkara yang muktamad dan mempunyai asas yang kukuh. Oleh yang demikian, tidaklah wajar satu kenyataan sedemikian rupa diberi perhatian yang mendalam.

### **PENYERAHAN PULAU LABUAN**

**7. Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa walaupun pemindahan/ penyerahan pentadbiran Pulau Labuan kepada Wilayah Persekutuan yang dikatakan telah dilakukan menerusi proses perundangan biasa yang tidak siap harus menyangsikan, namun demikian oleh sebab Pulau Labuan adalah merupakan satu-satunya benda yang paling berharga bagi Negeri Sabah, maka soal pemindahan/penyerahannya kepada Wilayah Persekutuan seharusnya dianggap amat penting sekali dan dengan demikian pungutan suara tidak seharusnya dihadkan kepada para pemimpin sahaja seperti Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan para Jemaah Menteri tetapi juga kepada seluruh lapisan masyarakat bukan saja yang tinggal di Pulau Labuan itu sendiri tapi di seluruh Sabah tanpa mengira bangsa, agama, kebudayaan dan pekerjaan; kegagalan Kerajaan berbuat demikian ianya boleh dianggap oleh rakyat sebagai suatu bukti bahawa proses demokrasi yang kita semua muliakan dan sanjung tinggi selama ini kini sudah malap dan tidak lagi dapat dinikmati dalam ertikata yang sebenarnya.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah berulang kali dijawab di Dewan yang mulia ini. Pertamanya, ialah semasa saya menjawab perbahasan Titah Ucapan Di Raja ketika Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketujuh ini pada 15hb Oktober 1986. Kemudian jawapan-jawapan yang sama juga telah diberi apabila menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Puchong pada 22hb Oktober, 1986, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pada 4hb November, 1986, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 17hb November, 1986 dan Ahli Yang Berhormat dari Rasah pada 18hb November, 1986. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan-jawapan yang telah diberikan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan ini ada barangkali dijawab, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rakyat Labuan dan pun penduduk-penduduk di negeri Sabah masih tidak mempersetujui dengan langkah di mana Labuan dikeluarkan daripada Sabah dan soalan saya ialah adakah Kerajaan Sabah (PBS) pernah bangkitkan perkara ini dengan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil langkah supaya mengenai perkara ini boleh didapati persefahaman, persetujuan rakyat Labuan dan rakyat Sabah, sama ada melalui referendum, melalui pembangunan atau apa-apa cara?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi sama ada sedar ataupun tidak, itu saya tidak sedar. Yang kedua, berkenaan dengan Kerajaan PBS pun tak ada apa-apa yang kita tahu.

#### **SISTEM POTONGAN MARKAH (DEMERIT SYSTEM)**

**8. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama

ada laporan Sistem Potongan Markah (Demerit System) yang dilancarkan di sekolah-sekolah secara percubaan pada tahun lepas telah siap. Jika ia, butir-butir laporan tersebut.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Sistem Potongan Markah atau Demerit System, dengan izin, mata markah diberi kepada pelbagai kesalahan yang dilakukan oleh murid-murid. Bilangan mata diberikan berdasarkan kes-kes dan beratnya kesalahan yang telah dilakukan. Tindakan tatatertib akan diambil apabila sesuatu bilangan mata tertentu telah terkumpul. Tujuan sistem ini ialah untuk memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar apakah tindakan yang diterimanya apabila melakukan sesuatu kesalahan. Begitu juga setiap guru akan bertindak sebagai "Guru Tatatertib" untuk menyelesaikan satu-satu masalah.

Sistem ini telah dilaksanakan pada awal tahun 1985 di Sekolah Menengah Kebangsaan Green Road (Sekolah Harian) sebagai percubaan. Idea ini telah diperkenalkan di sekolah-sekolah lain di Sarawak. Walau bagaimanapun laporan sistem ini yang telah mula dicuba dalam tahun 1986 di beberapa buah sekolah menengah untuk memperbaiki keadaan disiplin pelajar-pelajar masih dalam proses disiapkan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu memandangkan bahawa ada sistem potongan markah bagi murid-murid yang melakukan berbagai jenis kesalahan, adakah sistem seumpama ini juga dikenakan ke atas guru-guru yang melakukan berbagai jenis kesalahan ke atas murid-murid di atas nama disiplin. Umpamanya baru-baru ini terdapat satu kes di mana seorang murid terpaksa dibedah kerana kesalahan guru itu. Adakah demerit system juga akan diperkenalkan? Kalau sudah, berapa ramai guru-guru yang sudah

didapati terbabit dalam kesalahan-kesalahan yang dilakukan ke atas murid-murid?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai peraturan tertentu untuk mengawal disiplin guru-guru dan sekiranya didapati sabit kesalahan guru-guru, tindakan tegas akan diambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Kementerian pada dasarnya, pada prinsipnya menyokong tindakan Pengetua, Guru Besar dan guru-guru dalam memperketatkan dan mengawal disiplin di sekolah terutama di kalangan murid-murid, kita tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana guru yang didapati sabit dengan kesalahan sekiranya terbukti kesalahan itu dilakukan.

Saya tidak dapat memberikan angka yang tepat berapa ramai guru yang telah diambil tindakan tetapi saya ingin memberi jaminan bahawa tindakan tetap akan diambil sekiranya terdapat dan ternyata bukti-bukti kesalahan guru tersebut.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kejayaan yang dicapai selepas demerit system dilancarkan dan bagaimanakah penerimaan sekolah-sekolah tersebut?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya tegaskan sistem demerit ini adalah dalam percubaan yang kita telah perkenalkan di beberapa sekolah tertentu sahaja. Kita mendapatkan laporan dan maklumbalas dari guru-guru dan pelajar-pelajar dan ada pandangan-pandangan yang menegur dan meminta supaya sistem itu diubahsuai sedikit. Jadi, walaupun ternyata ada kejayaan, tetapi masih perlu diperbaiki.

Oleh yang demikian, saya tidaklah boleh memberi pengakuan sama ada sistem ini mahu diteruskan dalam bentuk yang ada sekarang.

## **ROMBONGAN MENARIK PELABURAN—KEJAYAAN**

**9. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa kali dan ke manakah rombongan Y.B. Menteri dan Y.B. Timbalan Menteri membuat lawatan ke luar Negeri menarik pelaburan. Berapa banyakkah perniagaan dan pelaburan yang telah didapati sejak 5 tahun yang lepas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1982 Kerajaan telah menganjurkan lima rombongan pelaburan yang diketuai oleh YBM Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang telah melawat negara-negara seperti Jepun, Jerman Barat, Hongkong, Amerika Syarikat, Switzerland, Kanada, Norway, United Kingdom, Austria, Belgium, Perancis, Sweden dan Finland.

Hasil daripada rombongan-rombongan ini ialah Malaysia telah dapat menarik permohonan yang melibatkan pelaburan asing sejumlah \$2,168 juta di antara tahun 1982 hingga 1986.

Selain daripada rombongan pelaburan, Kerajaan juga telah menganjurkan enam rombongan perdagangan yang diketuai oleh YBM Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Rombongan YBM Menteri itu telah melawat India, Belgium, Perancis, Sweden dan Finland, manakala rombongan Yang Berhormat Timbalan Menteri pula telah melawat Republik Islam Iran, Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Kanada, Yugoslavia, Russia, Poland dan Republik Demokratik Jerman.

Rombongan-rombongan Perdagangan yang diketuai oleh YBM Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini telah berjaya menghasilkan jualan serta merta bernilai \$79.68 juta dan dalam jangka masa yang sama telah dapat menambah eksport Malaysia ke negara-negara tersebut di antara 2%-30% setahun, kecuali Russia di mana ia menurun sebanyak 1%. Rombongan-rombongan ini telah juga memberi peluang kepada YBM Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menemui rakan-rakan sejawat mereka dan ini telah berjaya meningkatkan lagi usahasama dan memperkukuhkan hubungan perdagangan dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara yang dilawati mereka.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan memberitahu apakah jenis barangan dan berapa buah negara pelabur yang telah menghantar masuk ke negara kita dan apakah jenis pelaburan dan di mana ditempatkan. Bolehkah diterangkan berapakah angka-angka modalnya.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis bagi memberikan jawapan dengan lanjut.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini apabila rombongan/lawatan Menteri ke luar negeri seperti di Amerika Syarikat, jika rombongan itu menemui Zionis yang ingin menanam modal mereka ke negara kita, adakah pihak Kementerian menerima pelaburan Zionis dari Amerika Syarikat itu?

**Tuan M. G. Pandithan:** Tidak.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976—LANTIKAN AHLI MAJLIS

**10. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada cadangan menggubal Akta Kerajaan Tempatan 1976 supaya (a) peruntukan Fasal 10.3 mengenai Perlantikan Ahli Majlis Perbandaran dan Tempatan dikuatkuasakan untuk melantik sahaja orang-orang profesional yang berlayak sebagai Ahli-ahli, dan bukan ahli-ahli politik parti-parti Barisan Nasional sahaja yang biasanya berkepentingan peribadi sahaja; (b) peruntukan Fasal 23 mengenai Mesyuarat Majlis Perbandaran dan Tempatan dikuatkuasakan tanpa kecualian memastikan semua Mesyuarat Majlis jadi terbuka kepada semua orang ramai dan orang pemberita; (c) sesiapa yang ada kepentingan komersial atau ada percanggahan kepentingan dalam tugasnya sebagai seorang ahli Majlis disuruh meletak jawatan atau dipecat secara automatik, berkaitan (c), adalah misalan di Majlis Perbandaran Petaling Jaya di mana seorang ahli Datuk Lee Shin Cheng sepatutnya letak jawatan atau dipecat sebab dianya ada mengambil bahagian rundingan dan keputusan berkenaan projek Perumahan Taman Mayang dan Taman Mayang Jaya pemilikan syarikat-syarikatnya di mana dia menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah juga, dan sekarang didapati kawasan perumahan tersebut banyak penyelewengan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian tidak bercadang untuk meminda Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, mengenai peruntukan Fasal 10 Akta tersebut mengenai kriteria perlantikan Ahli Majlis, kerana peruntukan Akta tersebut memang membolehkan ahli-ahli profesional turut dilantik. Kriteria

yang ditentukan oleh Akta tersebut adalah seperti berikut:

Biasanya pemastautin dalam kawasan pihak berkuasa tempatan dan pada pendapat Kerajaan Negeri mempunyai pengalaman yang luas dalam hal ehwal Kerajaan tempatan atau memperoleh kelayakan terpuji dalam sebuah profesion, perdagangan atau perindustrian atau mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum dalam kawasan pihak berkuasa tempatan berkenaan.

Keputusan terakhir adalah terpujang kepada Kerajaan Negeri untuk menentukan nisbah perlantikan antara golongan profesional dan ahli-ahli politik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b), peruntukan Fasal 23 Akta Kerajaan Tempatan memang telah mensyaratkan bahawa semua mesyuarat pihak berkuasa tempatan, kecuali mesyuarat jawatankuasa, hendaklah terbuka kepada orang ramai dan wakil-wakil akhbar tetapi menurut peruntukan Akta ini juga mesyuarat ini boleh menjadi tertutup jika diputuskan oleh sesebuah penguasa tempatan dengan ketetapan dalam mesyuarat tersebut.

Dalam hal ini, penguasa tempatan biasanya akan menimbang sama ada berbangkit perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut sulit atau tidak, sehingga mesyuarat tersebut harus menjadi tertutup. Jadi, soal sama ada mesyuarat tersebut harus menjadi tertutup kepada orang ramai atau tidak, akan terpujang kepada budibicara dan pertimbangan sesebuah penguasa tempatan.

Bagi menjawab (c), adalah menjadi satu peruntukan dalam Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan bahawa seseorang Ahli Majlis itu boleh diberhentikan sebagai Ahli Majlis jika ia dibuktikan

ada percanggahan dalam kepentingan dalam tugasnya, sebagai Ahli Majlis dan perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Oleh itu mengenai dakwaan yang berlaku di Majlis Perbandaran Petaling Jaya bahawa Dato Lee Shin Cheng ada mengambil bahagian dalam rundingan dan keputusan berkenaan dengan projek perumahan Taman Mayang dan Taman Mayang Jaya pemilik-pemilik syarikat-syarikatnya, perkara ini hendaklah dibuktikan dahulu akan kesahihan dakwaan ini.

Perlu ditegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, setakat ini belum menerima aduan secara formal terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya. Saya percaya, tindakan sewajarnya akan diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan sekiranya aduan secara formal diterima.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Tanggahan saya semalam saya ada membangkitkan isu yang sama yakni saya sudah membangkitkan isu ini dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, adakah pihak Kementerian akan mengambil kajian atau siasatan teliti mengenai semua perkara yang saya ada beri butir-butiran dalam ucapan saya, di mana semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jawapan yang tidak tepat, walaupun beliau mengatakan hendaklah buat aduan secara formal. Maka saya hendak menimbulkan perkara ini, apakah siasatan atau kajian yang Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sudah buat atas aduan saya?

Tetapi saya ada menerima cabaran Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya sudah memberi butir-butiran, semua aduan saya dan tuduhan saya kepada Biro Siasatan Nasional atas

percanggahan kepentingan Dato Lee Shin Cheng dan juga minat dan kepentingan Dato' Lee Kim Sai dan Dato' Yap Pian Hon yang semua mengikut sumber-sumber saya adalah terlibat dalam perkara ini dan saya harap Biro Siasatan Nasional akan mengambil tindakan jika pihak Kementerian tidak akan mengambil apa-apa kajian atau siasatan atau tindakan.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa Ahli Yang Berhormat merujuk tentang tindakan beliau untuk menghantar butir-butir mengenai perkara ini kepada Biro Siasatan Nasional. Ini adalah hak Ahli Yang Berhormat dan terpulanglah kepada Biro Siasatan Nasional untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kes ini.

Untuk menjelaskan lagi sedikit, saya telah pun menjelaskan bahawa Pihak Berkuasa Majlis Perbandaran Petaling Jaya adalah berkuasa di bawah Akta tersebut untuk mengambil tindakan sekiranya mereka menerima aduan-aduan yang tertentu ataupun dengan bukti-buktinya.

Suka saya menjelaskan mengikut kajian yang telah dibuat oleh Kementerian saya sendiri kita telah pun dimaklumkan bahawa mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di peringkat Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk membincangkan taman-taman perumahan yang disebut dalam soalan ini telah tidak dihadiri oleh Dato Lee Shin Cheng atau jika dihadiri dalam satu mesyuarat, beliau keluar dari mesyuarat selepas mengisytiharkan kepentingannya dalam perkara tersebut. Maka selain dari ini kalau ada apa-apa butir-butir, Yang Berhormat bolehlah mengemukakan perkara-perkara ini kepada Majlis Perbandaran itu.

Perkara-perkara yang Ahli Yang Berhormat kata bahawa beliau telah ucap dalam Ucapan Tangguhan, itu

saya tidak tahulah, saya belum menengok butir-butir dan saya belum mendengar ucapan itu. Saya haraplah tujuan Ucapan Tangguhan adalah lain dan saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberi butir-butir kalau ada perkara-perkara yang selanjutnya mengenai perkara ini.

## PEMBIAKAN IKAN DI LAUT

**11. Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah dan program pembiakan sumber ikan di laut yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian memandangkan dasar Kementerian yang liberal dengan pukat tunda dan apakah justifikasi kepada dasar liberal itu selain dari faktor pengimportan ikan dari luar negeri.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian Pertanian mengenai perusahaan pukat tunda tidak boleh dianggap sebagai "liberal". Ini adalah kerana semenjak tahun 1979 lesen-lesen untuk pukat tunda di bawah 12 batu dari pantai telah dibekukan. Selain daripada itu, dasar Kementerian Pertanian untuk tahun 1986 sehingga tahun 2,000 adalah untuk mengurangkan nelayan-nelayan termasuk pengusaha-pengusaha pukat tunda ke satu bilangan yang boleh ditampung oleh sumber-sumber yang boleh diperolehi di laut Malaysia. Skim Pampasan dan Skim Pinjaman adalah diperuntukkan untuk memberi insentif untuk nelayan keluar daripada sektor perikanan pantai.

Langkah-langkah yang telah dijalankan untuk pembiakan sumber laut adalah mengharamkan pukat tunda daripada menangkap ikan di kawasan 5 batu dari pantai iaitu kawasan pembaikbiak ikan dan udang, menubuhkan Taman Laut untuk

melindungi kawasan pembaikbiakan ikan dan menubuhkan tukun tiruan daripada tayar dan konkrit untuk menambahkan produktiviti laut Malaysia.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa walaupun dengan dasar-dasar yang sedang diamalkan oleh Kementerian untuk mengurangkan nelayan-nelayan, tetapi masih terdapat ramai pemilik-pemilik lesen pukut tunda bukan pengusaha? Jadi, adakah angka-angka daripada Kementerian berapakah jumlah pengusaha pukut tunda yang sebenarnya yang telah diluluskan dan berapakah jumlah pemilik bukan pengusaha?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pukut tunda, jumlah lesen yang dikeluarkan adalah:

Zon B .. .. .	3,741
Zon C .. .. .	672

Tetapi saya tidak ada anggaran untuk pemilik yang tidak turun ke laut dan kalau kita ada bukti berkenaan pemilik yang tidak turun ke laut, lesen mereka mesti dibatalkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pukut-pukat tunda daripada negara-negara jiran itu adalah terlibat dalam kegiatan untuk mengurangkan sumber ikan di negara ini?

Yang kedua, adakah pembiakan sumber ikan ini dilakukan di dalam 5 batu sahaja, bukan di tempat-tempat yang lain dan akhirnya dengan cadangan perjanjian di antara Malaysia dengan Thai itu bukankah ini satu langkah yang akan mengurangkan sumber ikan lagi?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar ada bot-bot

pukat tunda yang ada mencerobohkan perairan kita dan kita ada satu pusat pengawalan yang dijalankan untuk mengawal bot-bot asing yang masuk ke perairan Malaysia dan di tahun lalu iaitu tahun 1986, kita sudah menangkap lebih kurang 172 bot asing yang menceroboh perairan kita.

Berkenaan soalan kedua, memang ada bot-bot pukut tunda yang menceroboh perairan dalam kawasan 5 batu dan sekiranya pihak penguatkuasa boleh menangkap bot-bot itu kita memang menangkap, tetapi pihak penguatkuasa tidak cukup bot-bot untuk menguatkuasa dan bot-bot pukut tunda ini melebihi bot-bot penguatkuasa.

Berkenaan dengan soalan ketiga ini, memang kita ada satu Jawatankuasa Bersama dengan negara Thai dan setakat ini Jawatankuasa ini ada jalankan dan kita ada cadangan yang diberikan kepada pihak Kerajaan Thai dan sekarang kita tunggu jawapan daripada Kerajaan Negeri Thai.

## PROGRAM KHAS PENYERTAAN BUKAN BUMIPUTERA

**12. Puan Ling Chooi Sieng** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementeriannya ada merancang program-program khas untuk menggalakkan penyertaan bukan bumiputera ke dalam kegiatan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana selama ini penyertaan bukan bumiputera adalah tidak menggalakkan.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, program-program yang dirancang oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak dikhususkan kepada mana-mana kaum, ia adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia.

Masalah yang timbul ialah kekurangan penyertaan satu-satu kaum dalam bidang-bidang tertentu kerana kurang kefahaman dan kurang minat. Walau bagaimanapun, bagi memastikan program-program Kementerian ini mendapat penyertaan yang positif, maka usaha-usaha sepanjang masa dijalankan dengan mengadakan program-program yang khusus menggalakkan penglibatan semua kaum, umpamanya kegiatan-kegiatan dalam bidang kesenian sezaman seperti seni lukis, seni foto, seni muzik dan juga kegiatan-kegiatan yang berbentuk rekreasi seperti perkhemahan belia, kem budaya, ekspedisi, berbagai bentuk kegiatan rekreasi luar, kursus-kursus latihan serta rancangan pertukaran belia dalam dan luar negeri. Bidang-bidang seperti ini didapati mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari semua kaum.

#### **HARGA BARANGAN MENTAH— MENSTABILKAN**

**13. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk menstabilkan harga barangan mentah negara kita seperti getah, kelapa sawit, bijih, kayu-kayan dan lain-lain. Apakah kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh misi-misi perdagangan yang dihantar keluar negeri untuk menggalakkan pembelian barangan mentah kita.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menstabilkan harga barangan-barangan utama kita.

Bagi getah asli, Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) melalui operasi stok penimbalnya telah berjaya untuk menahan kejatuhan harga getah ke paras yang lebih rendah.

Bagi timah, Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) telah bersetuju untuk mengurangkan eksport menerusi kuota eksport oleh negara-negara ahli ATPC.

Bagi minyak kelapa sawit pula, langkah-langkah untuk menstabilkan harga termasuk meluaskan pasaran dan meningkatkan lagi daya saing, dengan izin, "competitiveness" minyak kelapa sawit negara kita.

Bagi kayu-kayan pula, rundingan telah dibuat oleh pihak industri dengan pihak industri di Indonesia bagi merasionalisasikan pengeksportan papan lapis. Malaysia juga menganggotai Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITO) yang bertujuan antara lain untuk meningkatkan maklumat pasaran kayu tropika.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1986 Kerajaan telah menghantar beberapa misi perdagangan dan teknikal untuk menggalakkan pembelian barangan utama Malaysia di beberapa buah negara. Bagi getah, misi teknikal dan ekonomi getah ke Korea Selatan, Jepun dan China telah berjaya memperkenalkan penemuan-penemuan baru dalam teknologi getah asli serta penggunaannya di negara-negara tersebut. Manakala misi perdagangan ke Eropah Barat telah berjaya mendapat kontrak bagi pembelian getah sebanyak 40,000 tan yang bernilai lebihkurang \$100 juta.

Bagi minyak kelapa sawit, misi teknikal ke Republik Korea, Jepun dan Amerika Syarikat pada tahun 1986 telah berjaya menambah import minyak kelapa sawit oleh negara-negara tersebut dan memperkenalkan penemuan-penemuan penyelidikan dan pembangunan terbaru serta merapatkan lagi perhubungan dengan sektor awam dan industri, di samping mengenalpasti masalah-masalah dan peluang-peluang yang ada di negara-negara tersebut.

Untuk kayu-kayan pula, misi perdagangan kayu-kayan ke Republik Rakyat China pada bulan November, 1986 telah menghasilkan tempahan sebanyak \$15 juta, sementara penyertaan Malaysia dalam pasaran perabot antarabangsa di Cologne, Jerman Barat pada bulan Januari lalu telah menghasilkan tempahan bernilai \$4.8 juta.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya dapati negara-negara ATPC telah mengamalkan satu sistem pakatan yang merupakan sistem yang telah diamalkan dalam zaman terdahulu di mana kita pun telah digagalkan untuk menstabilkan harga bijih timah. Saya ingin dapat tahu apa sebab Kerajaan kita menyokong satu sistem yang telah pun dibuktikan sebagai satu sistem yang tidak boleh dijayakan dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk menggulungkan semua negara-negara, khasnya negara Brazil dan negara China untuk menjadi ahli di dalam pakatan ini.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju bahawa pakatan ini tidak akan menghasilkan kejayaan sebab mengikut kuota eksport timah oleh negara-negara ATPC yang dipersetujui bagi tahun ini dihadkan kepada paras 96,000 tan dan Malaysia percaya bahawa jika negara-negara pengeluar boleh mengekalkan kepada taraf ini dan tidak melebihinya, kita boleh mengawasi harga timah antarabangsa.

Berkenaan dengan negara Brazil dan China, kita memanglah berharap bahawa negara Brazil dan China akan kesudahannya menganggotai pertubuhan "Association of the Tin Producing Countries", dengan izin.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa

negara EEC bercadang untuk menaikkan cukai atau tarif terhadap minyak sayur-sayuran yang mana minyak kelapa sawit turut terlibat dan saya pula difahamkan bahawa kenaikan ini lebih kurang 100%. Jadi, apakah tindakan Kerajaan kita dan juga langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan termaklum bahawa ada cadangan oleh pihak EEC untuk menaikkan levi ke atas minyak dan lemak sayuran dan ikan. Oleh kerana memandangkan bahawa negara kita merupakan negara pengeluar utama minyak kelapa sawit di dunia, maka kita telah membuat beberapa bantahan. Mengikut kadar levi yang dicadangkan adalah sebanyak lebih kurang 950 setan metrik dan jika penguatkuasaan levi ini dijalankan juga, ini akan menyebabkan kenaikan harga sebanyak lebih kurang 112% daripada paras harga pasaran minyak kelapa sawit kita.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membantah pelaksanaan cadangan ini termasuklah:

- (i) mengemukakan bantahan-bantahan secara bersama dengan negara-negara anggota ASEAN dalam bentuk aide-memoire melalui Pengerusi AEM, iaitu Menteri-menteri Ekonomi ASEAN kepada President European Economic Council dan menyampaikan ASEAN demarche melalui ASEAN Brussel Committee kepada Directorate General for External Relations of the Commission of the EEC, dengan izin;
- (ii) kita telah menyampaikan juga bantahan dan pandangan berat negara kita terhadap cadangan

ini di persidangan AFO dan menggesa pertubuhan tersebut menyampaikan hasrat mesyuarat berkenaan;

- (iii) kita telah menjalankan secara langsung pendirian tegas negara kita terhadap cadangan ini melalui perbincangan di antara Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dengan Duta Besar Belgium dan pertemuan Yang Berhormat Menteri Luar kita dengan Duta-duta negara-negara EEC.

Ekoran daripada bantahan-bantahan yang dikemukakan ini, maka pihak EEC telah menangguhkan hasrat mereka untuk meluluskan cadangan tersebut dan kita berharaplah cadangan ini tidak akan dilaksanakan.

#### NILAI/NORMA KUMPULAN ETHNIK

**14. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan hasil kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Kementerianya mengenai nilai-nilai dan norma-norma bersama kumpulan-kumpulan ethnik yang berlainan itu.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tuan Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, hasil-hasil kajian mengenai nilai dan norma masyarakat Malaysia berbagai kaum telah menunjukkan banyak terdapat unsur-unsur persamaan yang bersifat positif. Ini membuktikan bahawa masyarakat Malaysia mempunyai sistem pemikiran yang sama. Unsur-unsur persamaan ini yang akan dipupuk sebagai nilai bersama yang harus diamalkan oleh seluruh rakyat ke arah mencapai hasrat pembinaan satu masyarakat tunggal Malaysia yang bersatupadu.

Di antara unsur-unsur persamaan yang jelas bentuknya termasuklah sifat-sifat menghormati orang tua, saling hormat-menghormati antara satu dengan lain, budibahasa dan

kesopanan, gotong-royong, kerjasama, kerajinan kerja, kebersihan, amanah, kecintaan kepada negara, taat setia kepada pemimpin, tolenransi beragama dan seumpamanya. Kajian-kajian mengenai perkara ini telah dibuat oleh pakar-pakar tempatan dan dibentangkan di dalam 4 seminar yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan 2 seminar anjuran Kementerian Penerangan di antara tahun 1980 hingga 1984.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Dari jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menunjukkan bahawa terdapat persamaan dari segi nilai-nilai dan juga norma-norma di antara kumpulan ethnik. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa wujudnya perbezaan oleh kerana ianya telah dimainkan oleh parti-parti politik yang bercorak perkauman seperti PAS, DAP dan lain-lain lagi. Apakah Yang Berhormat bercadang untuk membuat kajian yang sama kepada parti-parti yang berkenaan.

**Dato Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada peranan yang dimainkan oleh parti-parti politik yang mengeksploitasikan unsur-unsur perbezaan di antara kaum. Apa yang diharapkan oleh Kerajaan ialah supaya parti-parti politik di dalam negara kita ini akan membawa ke arah penekanan nilai-nilai bersama dan bukan memperbesarkan jurang perbezaan di antara kaum.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai efforts yang dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan untuk mentaksirkan nilai-nilai dan norma-norma ethnik di negara kita ini, saya ingin tahu adakah Kementerian yang berkenaan sedar kadang-kadang mereka ada membuat kesilapan. Misal kata, baru-baru ini di "Suara Melaka", satu siaran keluaran Kerajaan Negeri

Melaka ada berkata, "Main judi merupakan sebahagian perayaan Tahun Baru Cina". Ini adalah satu konsep yang salah, sebab main judi boleh dilakukan pada bila-bila masa, tidak payah tunggu hari besar baru main judi. (*Ketawa*)

Apakah langkah akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan memandangkan Kementerian melantik pakar-pakar tempatan membuat assessment ataupun membuat nilai-nilai dan norma-norma ethnik itu?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, bermain judi bukanlah satu unsur yang akan digalakkan dari segi kajian Kerajaan. Oleh itu apa yang hendak dilibatkan oleh Kerajaan ialah dari segi unsur-unsur yang positif sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, bahawa nilai-nilai universal di antara semua kaum ialah kejujuran, keiklasan dan amanah. Saya ingat unsur-unsur ini juga diterima oleh segenap lapisan masyarakat dan adakah teladan yang dibayangkan oleh Kementerian Yang Berhormat adalah baik memandangkan bahawa Timbalannya sendiri tidak membayangkan ciri-ciri ini seperti Yang Berhormat Menteri sedia maklum, Timbalannya telah dihadapkan ke mahkamah kerana pecah amanah dan menipu. Adakah ini satu aspek kepimpinan melalui teladan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak perlu dijawab, keluar daripada soalan asal.

#### MATAPELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH-SEKOLAH

**15. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama

ada beliau sedar bahawa sejak kebelakangan ini kebangkitan semula Islam begitu ketara sekali. Dalam bidang pelajaran pula, kecenderungan ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Menengah Agama begitu ketara sekali, sehingga begitu ramai mereka yang kecewa kerana tidak mendapat tempat, jika ya:

- (a) apakah rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut; dan
- (b) apakah Kementerian bercadang untuk membina sekurang-kurangnya sebuah Sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh di setiap daerah dan bilakah ia akan dapat dilaksanakan.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar tentang kecenderungan masyarakat terhadap pendidikan Islam dan penghayatannya. Lantaran itu kita dapati meningkatnya permohonan ibubapa untuk memasukkan anak-anak ke Sekolah Menengah Agama. Kementerian Pelajaran berusaha sedaya upaya meyakinkan ibubapa agar memahami bahawa sistem pendidikan yang ada hari ini sebenarnya telah memenuhi falsafah pendidikan Islam itu sendiri. Kerana apa yang kita tekankan dalam sistem pendidikan merangkumi aspek ilmu, ikhlak dan disiplin, tambahan lagi mata pelajaran pendidikan Islam dan suasana pembelajaran memang diberikan keutamaan.

Walau bagaimanapun, oleh kerana permohonan meningkat, Kerajaan terus merangka untuk membina banyak lagi Sekolah-sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh walaupun tidak mungkin di setiap daerah. Kementerian sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi kekurangan tempat di sekolah-sekolah yang sedia ada.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyedari akan kecenderungan ibubapa sejak kebelakang ini untuk menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Menengah Agama begitu ketara, sedangkan sekolah agama ternyata amat berkurangan, apakah pihak Kementerian bercadang menyemak kembali sukatan atau pelajaran agama yang lebih menekankan kepada aspek pelajaran Islam sebagai suatu usaha mengurangkan desakan permintaan ibubapa bagi membuka Sekolah Menengah Agama, kerana ini memerlukan tenaga, masa dan kewangan yang banyak.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jelaskan, dua aspek ini memang ditekankan. Pertama, di mana yang kita mampu, kita memang bersedia untuk mewujudkan lebih banyak lagi Sekolah-sekolah Menengah Agama. Tetapi sebagai satu langkah dan aspek jangka panjang, kita perlu meyakinkan ibubapa bahawa Sekolah-sekolah Menengah Agama yang ada yang boleh diubahsuaikan kurikulumnya, suasana pembelajarannya, penekanan tentang Islam agar dapat dihayati dan penekanan tentang moral dan disiplin akan mencakup dan memenuhi konsep dan falsafah pendidikan Islam itu sendiri, lantaran itu tidak perlu difikirkan agar dapat kita melahirkan insan solleh di kalangan pelajar-pelajar hanya melalui Sekolah-sekolah Menengah Agama.

**Tuan Haji Basri bin Bajuri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada kemungkinan ibubapa menghantarkan anak-anak mereka ke Sekolah Menengah Agama ialah kerana mereka mahukan anak-anak mereka mengetahui bahasa Arab. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan Guru-guru Bahasa Arab di Sekolah-sekolah Menengah yang

barangkali mempunyai murid yang mencukupi untuk diajar.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, penekanan dari segi bahasa di sekolah-sekolah sekarang tentulah bahasa Malaysia kerana ia merupakan bahasa rasmi dan bahasa pengantar. Di samping itu kita telah menekankan keperluan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar sebagai bahasa kedua. Bagi pelajar-pelajar sesuai dengan peruntukan Akta Pelajaran 1961, maka bahasa Cina dan bahasa Tamil juga diadakan. Dan kini kerana minat yang bertambah di kalangan pelajar-pelajar terhadap bahasa Arab, maka latihan guru-guru agar dapat mengajar bahasa Arab juga disediakan dan dipertingkatkan. Saya percaya sekiranya keperluan itu mendesak, kita boleh menyediakan guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar bahasa Arab walaupun sepertimana kita sedia maklum begitu banyak bahasa-bahasa diperkenalkan di sekolah-sekolah kita akan mempersulitkan pelajar-pelajar kerana banyak lagi kurikulum lain yang perlu dikuasai.

#### BAYARAN BALIK PINJAMAN BANK

**16. Tuan Adam bin Abdul Kadir** minta Menteri Kewangan menyatakan sikap bank-bank yang boleh dikatakan "overreaction" terhadap skandal BMF, Multi-Purpose, Pan-El dan DTC, iaitu mengambil tindakan-tindakan terhadap pelanggan-pelanggan seperti tiada hari esok, apakah langkah-langkah konkrit yang diambil selain dari pujukan dan arahan bagi memastikan bank-bank tidak mencetuskan keranapan pasaran hartanah dan kemungkinan keranapan pasaran-pasaran lain yang berkaitan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar mengenai beberapa pinjaman tulin

yang menghadapi berbagai masalah dalam membayar balik pinjaman mereka oleh sebab kemelesetan ekonomi sekarang. Maka itu Bank Negara telah mengarahkan institusi-institusi kewangan agar lebih memahami masalah yang dihadapi oleh peminjam sedemikian dan mereka patutlah membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggan mereka secara mendalam dan mencari cara dan jalan untuk membantu mereka yang menghadapi suasana yang susah ini.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara telah meminta institusi-institusi kewangan agar menubuhkan Unit Pemulihan Khas untuk meneliti akar umbi masalah yang dihadapi oleh pelanggan mereka dan mencadangkan penyelesaian yang sesuai bagi pembiayaan semula dan penyusunan semula pinjaman, jika perlu. Institusi-institusi kewangan telah memberi jaminan kepada Bank Negara bahawa tindakan undang-undang untuk menutup, mengambilalih dan perlelongan hanya akan diambil oleh mereka sebagai langkah terakhir dan cuma sekiranya peminjam-peminjam tidak mengambil berat untuk membayar pinjaman dan setelah mereka kehabisan segala daya untuk menolong peminjam-peminjam. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, jika terdapat sesiapa yang berasa bahawa tindakan yang diambil oleh satu-satu institusi kewangan itu tidak wajar maka yang berkenaan bolehlah menghantar aduan kepada Kementerian Kewangan ataupun terus kepada Bank Negara untuk dibuat penyiasaan lanjut.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai dengan unit pemulihan khas yang dimaksudkan ditubuhkan oleh bank-bank hasil

daripada arahan Bank Negara. Sejauh manakah Unit Pemulihan Khas ini berkesan membantu para peniaga terutamanya bumiputera yang menghadapi masalah terhadap perniagaan masing-masing kerana kita tahu yang diminta oleh bank-bank ialah proposal, dengan izin, cadangan-cadangan, tetapi bukan perbincangan dua hala yang boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli perniagaan, seperti kata dalam soalan asal reaksi kepada masalah-masalah yang berbangkit semasa sekarang ini.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terlebih dahulu saya ingin memaklumkan bahawa semua institusi-institusi kewangan telah pun menubuhkan Unit Pemulihan Khas bagi membantu di dalam pemulihan seperti saya katakan tadi. Dan buat sekarang ini oleh sebab Unit Pemulihan Khas ini baru sahaja ditubuhkan maka agak terlalu awal untuk kita memberi jawapan secara terperinci berkenaan dengan pencapaian yang telah diperolehi oleh unit-unit tersebut. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, walaupun seperti yang dikatakan oleh saudara saya dari Pasir Mas tadi, ini hanya untuk membuat proposal, dengan izin, tetapi sebenarnya Unit Pemulihan Khas ini lebih daripada itu tugasnya, yakni termasuk juga perbincangan-perbincangan di mana dan jika perlu di antara institusi kewangan dan peminjam-peminjam yang menghadapi kesulitan sama ada yang terdiri daripada bumiputera ataupun bukan bumiputera.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3 dan 17 hingga 91 adalah diberi di bawah ini).*

## PELABURAN ASING— GALAKAN

**2. Drs Sulaiman bin Mohamed** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan usaha-usaha baru yang dijalankan oleh Malaysia bagi menarik pelaburan dari Amerika Syarikat ke Malaysia di samping menarik pelaburan dari negara-negara Timur.

**Tuan M. G. Pandithan:** Untuk menarik pelaburan asing termasuk pelaburan daripada Amerika Syarikat dan negara-negara Timur, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah-langkah baru untuk memperbaiki lagi suasana pelaburan negara ini. Langkah-langkah ini termasuklah kelonggaran peraturan, memperkenalkan langkah-langkah mengurangkan kos dan galakan-galakan cukai yang lebih menarik dan memudahkan peraturan-peraturan serta tatacara-tatacara yang wujud.

Bagi melonggarkan peraturan pelaburan, Kerajaan telah mengecualikan syarikat-syarikat yang mempunyai saham-saham modal kurang daripada \$2.5 juta dan mempunyai pekerja kurang daripada 75 orang daripada Lesen Pengilang sebelum memulakan pengilangan. Bagi projek-projek yang diluluskan di dalam tempoh 1hb Oktober, 1986 dan 31hb Disember, 1990 pelabur-pelabur asing dibenarkan untuk memegang ekuiti sehingga 100 peratus asalkan mereka mengeksport 50% daripada pengeluarannya atau menjual kepada syarikat yang ditempatkan di Kawasan Perdagangan Bebas (FTZ) atau Gudang-gudang Perkilangan Berlesen (LMW). Mereka juga dibenarkan memegang 100% ekuiti sekiranya mereka mempunyai sekurang-kurangnya 350 orang pekerja sepenuh masa yang terdiri daripada rakyat Malaysia. Tambahan pula, sekiranya mereka melabur sekurang-kurangnya US\$2 juta mereka akan ditawarkan 5

jawatan asing termasuk sekurang-kurangnya satu jawatan penting.

Kadar tarif elektrik dan telekomunikasi telah diturunkan baru-baru ini. Dalam masa yang sama, beberapa galakan cukai tambahan yang menarik telah diperkenalkan. Syarikat-syarikat boleh juga melayakkan diri untuk beberapa galakan eksport.

Untuk memastikan projek-projek perindustrian boleh dilaksanakan segera, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah untuk memastikan bahawa permohonan projek segera dipertimbangkan. Semua permohonan untuk galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 mestilah diputuskan di dalam masa tidak lebih daripada 2 bulan daripada tarikh permohonan. Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah diarahkan supaya membuat keputusan terhadap semua permohonan tanah perindustrian dan pelan bangunan dalam masa satu bulan daripada tarikh permohonan diterima.

## KESALAHAN LALULINTAS— LAPORAN PEGAWAI KERAJAAN

**3. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Pengangkutan menjelaskan:

(a) setelah pihak Kementerian Pengangkutan memberi kebenaran kepada Pegawai-pegawai Awam (Kumpulan A) membuat aduan mengenai kesalahan yang dibuat oleh pemandu, berapa ramaikah mereka yang bersalah dan didenda; dan

(b) berapakah jumlah kereta yang berdaftar di negara ini dan berapakah jumlah kemalangan berlaku di sepanjang tahun 1984, 1985 dan 1986.

**Timbalan Menteri Pengangkutan  
(Datin Paduka Hajjah Rahmah binti  
Othman:)**

- (a) Sehingga tarikh ini saya berpuashati di atas sambutan yang telah diberi oleh pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kumpulan A yang telah bersedia melaporkan kesalahan-kesalahan lalulintas semenjak surat Pekeliling Am Bi. 3/86 dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri mulai 1hb Oktober 1986 dan saya kira lebih ramai lagi akan membuat laporan. Sehingga penghujung bulan Februari sebanyak 580 laporan telah diterima daripada pegawai Kumpulan A. Sebanyak 10 orang telah didapati bersalah dan didenda. Sejumlah 570 masih lagi dalam siasatan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kenderaan yang berdaftar dan jumlah kemalangan yang berlaku dalam tahun 1984, 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

	1984	1985	1986
(i) Jumlah kenderaan berdaftar	3,565,564	3,825,492	3,937,147 (sehingga bulan Jun 1986)
(ii) Jumlah kemalangan berlaku	80,536	82,059	60,514 (sehingga bulan September 1986)

**PENGANGGUR DI SABAH/  
SARAWAK**

**17. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) bilangan penganggur di Sabah dan Sarawak dalam tahun 1984, 1985 dan 1986; dan
- (b) apa langkah-langkah yang telah diambil untuk memberi pekerjaan kepada mereka selain daripada memberi pekerjaan

sementara kepada mereka di setengah-setengah Jabatan Kerajaan.

**Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai):**

- (a) Bilangan penganggur di Sabah dan Sarawak tidak dapat dinyatakan dengan tepat kerana tidak semua penganggur mendaftarkan diri dengan pejabat-pejabat pekerjaan di bawah Kementerian Buruh. Walau bagaimanapun, mengikut rekod pendaftaran Jabatan Tenaga Rakyat di Sabah dan Sarawak, bilangan penganggur bagi tahun 1984, 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Penganggur	
	Sabah	Sarawak
1984 ..	1,866	2,643
1985 ..	1,889	2,080
1986 ..	1,772	2,314

- (b) Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan ke arah memulihkan ekonomi negara kita oleh kerana peluang pekerjaan bergantung kepada kadar pertumbuhan ekonomi. Selain daripada itu Kementerian Buruh mengambil langkah-langkah sampingan di antara lain adalah seperti berikut:

— Menggalakkan mereka yang tidak bekerja supaya mendaftarkan diri di Jabatan Tenaga Rakyat yang terdapat di seluruh negara. Tujuan pendaftaran ini ialah untuk membantu menempatkan mereka ke dalam pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan, pengalaman dan minat mereka;

- Menubuhkan “Briged Kerja” untuk memperkenalkan penganggur-penganggur kepada kerja kerja di sektor perladangan. Penganggur-penganggur yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat dibawa melawat ke ladang-ladang yang memerlukan pekerja-pekerja untuk menyaksikan sendiri corak kerja serta kemudahan yang diberi serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Lawatan tersebut akan membantu penganggur-penganggur tersebut membuat keputusan untuk bekerja di ladang-ladang;
- Bagi siswazah yang menganggur, mereka diletakkan di bawah suatu Kor Siswazah yang boleh menempatkan mereka membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang mereka dengan upah yang berpatutan. Mereka ini akan kekal dalam Kor ini bagi menjalankan kerja-kerja itu sehingga mereka mendapat pekerjaan tetap;
- Melatih anak-anak muda dalam berbagai-bagai kemahiran yang sesuai dengan keperluan sektor pembuatan. Dengan latihan ini jaminan bagi mereka memperoleh kemahiran dalam pekerjaan sama ada dengan makan gaji atau bekerja sendiri menjadi cerah. Memberikan latihan kemahiran ini adalah suatu langkah yang positif bagi mengurangkan pengangguran di masa hadapan.

Pendek kata, para penganggur sendiri hendaklah mengubah sikap supaya mereka lebih realistik dan sanggup bekerja walaupun upah pada permulaannya lebih rendah dari jangkaan mereka.

#### **PERKHIDMATAN INTENSIVE CARE UNIT/CARDIO CARE UNIT DI HOSPITAL**

**18. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa buah hospital besar di negara kita belum lagi dilengkapi dengan “Intensive Care Unit” dan “Cardio Care Unit” dan sebutkan nama-nama hospital ini;
- (b) sebab-sebab mengapa Kerajaan gagal melengkapkan hospital-hospital ini dengan ICU dan CCU; dan
- (c) adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk melengkapkan tiap-tiap hospital besar dengan ICU dan CCU dan bilakah semua hospital besar dan dilengkapi dengan ICU dan CCU, jika tidak mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan):** Sekarang ini semua 14 buah hospital besar di negara kita telah pun dilengkapi dengan perkhidmatan “Intensive Care Unit” (ICU) dan “Cardio Care Unit” (CCU).

#### **HARGA MINYAK KELAPA SAWIT**

**19. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan bagi mengekalkan paras harga minyak kelapa sawit seperti yang terdapat sekarang. Berapakah jangkaan keuntungan hasil kelapa sawit bagi tahun 1987 jika harga minyak kelapa sawit seperti sekarang.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Di antara usaha-usaha dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengekalkan harga minyak kelapa sawit di paras yang baik termasuklah:

- (i) menghantar misi-misi galakan pasaran dan teknikal minyak kelapa sawit ke luar negeri;
- (ii) memberikan pengecualian duti eksport ke atas minyak kelapa sawit bertapis untuk tempoh satu tahun mulai 29 Ogos 1986;
- (iii) memperkemaskan kemudahan Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport dengan memanjangkan tempoh pembiayaan daripada 90 hari kepada 180 hari;
- (iv) mempelbagaikan dan memperbaiki mutu keluaran menerusi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- (v) mengatasi masalah-masalah halangan tariff dan bukan tariff melalui rundingan dengan Kerajaan negara-negara berkenaan;
- (vi) menggalakkan pihak perusahaan kelapa sawit negara mempertingkatkan tahap kecekapan dan mengurangkan kos pengeluaran; dan
- (vii) menggesa negara-negara pengeluar lain supaya mengelakkan diri daripada mengamalkan dasar-dasar perdagangan yang tidak adil seperti pemberian subsidi dan konsesi.

Kesemua langkah-langkah yang dinyatakan tadi adalah bertujuan memperluaskan pasaran bahan ini, memandangkan pertambahan permintaan adalah dianggap jalan yang sebaiknya mewujudkan kestabilan harga.

Jangkaan keuntungan hasil minyak kelapa sawit dalam tahun 1987, jika

paras harga sekarang pada \$700 setan metrik kekal di sepanjang tahun adakah berbeza-beza mengikut kos pengeluaran dan kecekapan pihak-pihak yang terlibat. Memandangkan terdapatnya beberapa aspek di peringkat pengeluaran masih boleh diperbaiki, Kerajaan sentiasa menggesa pihak perusahaan mengurangkan kos pengeluaran yang pada masa ini dianggarkan lebih kurang \$600.00 setan metrik ke paras yang lebih rendah.

### INDUSTRI TEMPATAN— PERLINDUNGAN

**20. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan satu dasar untuk melindungi barangan serta keluaran tempatan dan pada masa yang sama untuk memastikan barangan tempatan adalah setaraf dengan barangan pasaran asing.

**Tuan M. G. Pandithan:** Kerajaan memang mempunyai dasar untuk memberi perlindungan kepada industri-industri tempatan jika perlu. Langkah biasa yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi industri-industri tempatan ialah secara mengenakan duti import dan kadangkala sekatan import, jika difikirkan perlu.

Tujuan utama Kerajaan memberi perlindungan ialah untuk memastikan industri-industri tempatan dapat bersaing secara berkesan dengan barangan-barangan yang diimport dan dengan demikian industri-industri berkenaan dapat dijalankan dengan sempurna. Walau bagaimanapun, adalah juga menjadi harapan Kerajaan supaya industri-industri yang diberi perlindungan dapat menambahkan kecekapan atau "efficiency" mereka dalam masa tertentu dan dengan ini dapat bersaing dengan barang-barang

import dengan tahap perlindungan yang minima. Dengan demikian, industri-industri berkenaan juga akan dapat bersaing dengan lebih berkesan di pasaran antarabangsa. Selaras dengan hasrat Kerajaan dalam perkara ini kajian semula dijalankan dari masa ke semasa ke atas industri-industri tempatan yang telah diberi perlindungan.

Di samping itu, Kerajaan juga sedia memberi berbagai-bagai dorongan untuk memastikan "competitiveness" barangan buatan tempatan di pasaran antarabangsa. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah memberi kemudahan pengecualian duti kastam ke atas bahan-bahan mentah/bahagian-bahagian komponen yang diimport untuk membuat barangan siap bagi pasaran eksport dan juga menerusi galakan beberapa eksport.

#### **SENJATAPI DISELUDUPKAN KE HOSPITAL PULAU PINANG**

**21. Tuan Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah senjatapi boleh diseludupkan ke dalam bilik tahanan di Hospital Pulau Pinang pada 15-2-1987 untuk seorang banduan menggunakannya bagi melarikan diri dari kawalan polis. Adakah pihak Kementerian bercadang mengambil tindakan keras terhadap orang-orang yang bertanggungjawab dan menyebabkan perkara ini boleh berlaku.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis masih lagi menjalankan siasatan ke atas kes ini. Tindakan tegas mengikut lunas undang-undang akan diambil ke atas mereka yang terbukti bertanggungjawab menyebabkan perkara ini berlaku.

#### **KAD PENGENALAN— KELEWATAN**

**22. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar berlakunya kelewatan di dalam memproses Kad Pengenalan, dan apakah tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya dan mengiriskan kad-kad pengenalan kepada pemiliknya. Ini adalah kerana ramai penduduk di Negeri Sabah menghadapi masalah di dalam menunggu Kad Pengenalan mereka.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Memang terdapat kelewatan dalam memproses permohonan-permohonan kad pengenalan di Negeri Sabah. Ini adalah kerana kad-kad pengenalan itu terpaksa dihantar melalui saluran biasa yang mengambil masa. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak akan berlaku lagi sekarang kerana satu prosedur baru telah dilaksanakan bagi menyegerakan proses pengeluaran kad-kad pengenalan. Adalah diharapkan prosedur baru ini akan dapat memendekkan masa menunggu bagi mendapatkan kad pengenalan.

#### **KELULUSAN SPM MELANJUT- KAN PELAJARAN**

**23. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar yang berpeluang melanjutkan pelajarannya ke peringkat Diploma dan Ijazah daripada kelulusan pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sejak tahun 1983. Apakah rancangan Kerajaan agar pelajar-pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pelajarannya ini diberikan latihan tertentu agar mereka mempunyai satu-satu kemahiran yang berguna dan boleh mereka gunakan untuk berdikari dan menjadi tenaga yang produktif kepada ekonomi negara.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1983 hingga tahun 1986, seramai 531 orang pelajar yang berkelulusan SPM berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma di Politeknik dan 19,963 orang yang berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dan ijazah di universiti-universiti tempatan. Pelajar-pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma dan ijazah di institusi pelajaran tinggi berpeluang mengikuti kursus-kursus dan latihan kemahiran di peringkat sijil di beberapa institusi dan pusat latihan di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran, MARA, Kementerian Buruh dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

#### BUKU TEKS—BANTUAN

**24. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan bantuan buku teks kepada semua murid di sekolah rendah tanpa mengira keupayaan dan kemampuan ibu bapa dan penjaga.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang menjadi hasrat Kementerian Pelajaran untuk memberikan bantuan buku teks kepada semua murid yang tidak mampu. Justeru itu dasar Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) telah disemak semula bagi mencapai hasrat tersebut.

Mengikut dasar kelayakan SPBT yang baru ini, Kementerian Pelajaran memang mengambilkira keupayaan dan kemampuan ibu bapa atau penjaga dalam memberikan bantuan buku teks kepada murid-murid di Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil Sekolah Menengah. Walau bagaimanapun bantuan buku teks bagi semua murid di Sekolah Kebangsaan akan diteruskan seperti biasa.

#### KOMPUTER MIKRO DI PEJABAT TANAH DAERAH

**25. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan memandangkan bahawa didapati urusan pentadbiran tanah dengan komputer lebih memberi kesan, cepat serta dapat menyelesaikan satu-satu perkara dengan lebih sistematik, berapa banyakkah Pejabat Tanah dan Jajahan (Daerah) yang telah menggunakan sistem komputer dalam urusan harian pentadbiran hal-hal tanah serta perhubungan dengan orang awam yang ada di seluruh negara hari ini. Jika sistem ini memberi kemudahan yang lebih cepat dan cekap dalam urusan tanah, maka adakah Kerajaan atau Kementerian Tanah hendak menggunakan sistem komputer di semua Jabatan-jabatan Tanah di semua negeri dan bilakah sistem ini dapat diseragamkan secara menyeluruh.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Pihak Kementerian sedang membangun dan memperkembangkan sistem maklumat tanah dan pentadbiran cukai tanah dengan menggunakan komputer mikro di Pejabat-pejabat Tanah Daerah. Sistem ini sedang dijalankan di dalam dua Fasa.

Fasa Pertama sedang dijalankan di mana 31 buah Pejabat-pejabat Tanah Daerah telah dibekalkan dengan perkakasan komputer jenis Burroughs di mana pembeliannya telah menelan belanja sebanyak \$2 juta. Sehingga kini sebanyak 19 buah Pejabat-pejabat Tanah Daerah telah menggunakan sistem kutipan cukai dan hasil tanah berkomputer dengan sepenuhnya.

Kementerian juga sedang merancang untuk meluaskan penggunaan sistem ini ke seluruh Semenanjung dalam Fasa Kedua. Pembelian perkakasan komputer telah

pun dibuat dengan kos sebanyak \$4 juta. Adalah dijangka sistem ini dapat diseragamkan secara menyeluruh, pada 1hb Januari, 1988.

#### **KENDERAAN BERAT— KAWALAN**

**26. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk mengawal kenderaan-kenderaan berat dari membawa lebih muatan dan mengawal penyalahgunaan lesen dan permit kenderaan perniagaan di Sabah. Jika tidak, apakah sebabnya.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan merancang untuk menubuhkan Unit Penguatkuasaan di Jabatan Pengangkutan Jalan Sabah. Tetapi disebabkan oleh masalah ekonomi yang kurang mengizinkan, penubuhan ini tidak dapat dilaksanakan sekarang.

Untuk masa sementara waktu sehingga Unit Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan ditubuhkan, tindakan kawalan dan penguatkuasaan ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan di Sabah adalah diserahkan kepada pihak Polis untuk melaksanakannya.

#### **TAHANAN LARI DARI LOKAP**

**27. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil bagi mengelakkan berlakunya tahanan lari dari lokap, culik sebagai tebusan di dalam penjara dan banduan yang lari dari penjara seperti yang berlaku di Penjara Pudu, Penjara Kuantan dan Balai Polis Melaka baru-baru ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai langkah telah

diambil bagi mengelakkan berlakunya tahanan lari dari lokap pols antaranya:

- (i) mempertingkatkan disiplin anggota polis;
- (ii) memperketatkan kawalan berasaskan peraturan yang sedia ada;
- (iii) mengambil tindakan tegas mengikut lunas undang-undang terhadap anggota polis yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan;
- (iv) memperbaiki dan mengubah-suai bentuk fizikal lokap-lokap polis.

Mengenai keselamatan di Penjara pula, ekoran dari peristiwa di Penjara Pudu dan Kuantan baru-baru ini, langkah-langkah keselamatan telah dipertingkatkan termasuklah:

- (i) orang tahanan dan banduan dibawa seorang demi seorang sewaktu dirawat oleh Pegawai Perubatan yang juga diiring dan dikawal oleh 3 orang Pegawai Penjara;
- (ii) menggaru tangan banduan dan orang tahanan apabila mereka perlu dirawat kecuali atas nasihat doktor;
- (iii) membina pagar keselamatan di kawasan-kawasan yang perlu;
- (iv) mengadakan jaringan besi pemisah di antara banduan dan majistret semasa mahkamah bersidang.

#### **IMPORT BAHAN MAKANAN— SEKATAN**

**28. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyekat pengimportan bahan-bahan makanan yang boleh diusahakan oleh petani-petani atau rakyat Malaysia demi mengelakkan pengaliran wang negara yang melebihi

\$3,200 juta setahun untuk bahan-bahan makanan. Apakah dengan keadaan ini dapat menjamin petani-petani khususnya belia-belia yang menganggur dapat menumpukan kepada hasil pertanian dan pasarannya terjamin.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kementerian Pertanian telah mengambil langkah-langkah perlu untuk menggalakkan pengeluaran bahan-bahan makanan yang selama ini diimport. Walau bagaimanapun Kementerian tidaklah boleh menyekat pengimportan bahan-bahan makanan tersebut secara tergesa-gesa tanpa mengambilkira keupayaan petani-petani kita untuk mengeluarkan sendiri bahan makanan tersebut dan kesan sosio-ekonomi ke atas negara keseluruhannya. Setakat ini Kementerian telah mengenalpasti sebanyak 14 jenis sayur-sayuran dan bahan-bahan makanan lain yang boleh dikeluarkan secara ekonomik dan sesuai dengan keadaan agro-iklim tempatan.

Kementerian Pertanian akan menggalakkan penglibatan pihak swasta yang mempunyai pengalaman dan sumber kewangan supaya perusahaan ini dapat dijalankan secara besar-besaran. Keutamaan juga akan diberi kepada petani siswazah dan belia yang berminat untuk menerokai bidang pertanian. Kejayaan pelaksanaan skim ini amat bergantung kepada kerjasama pihak berkuasa Kerajaan Negeri untuk menyediakan tanah kepada pihak yang berminat dan juga sambutan pihak swasta dan petani-petani untuk tampil ke hadapan merebut peluang mengeluarkan bahan-bahan makanan tersebut.

Sukalah dimaklumkan bahawa Pasukan Petugas terdiri daripada pegawai-pegawai kanan agensi-agensi pusat, Kementerian Pertanian dan Jabatan/Agensi yang berkaitan telah membuat beberapa siri lawatan ke

negeri-negeri bertujuan untuk menerangkan rancangan program pengeluaran bahan makanan ini. Setakat ini sambutan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri amatlah menggalakkan. Beberapa insentif dan galakan seperti jaminan harga, kawalan import, peluang pasaran dan penyelidikan sedang dilaksanakan/dirangka untuk menjamin supaya program ini akan mendatangkan hasil dan pendapatan yang berpatutan kepada mereka yang terlibat.

### PENGANGGURAN—JUMLAH

**29. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar** minta Menteri Buruh menyatakan jumlah pengangguran tiap-tiap tahun sejak 1980 hingga Disember, 1986. Dari jumlah ini berapa ramai mereka yang berijazah yang masih belum mendapatkan pekerjaan. Jumlah pengangguran dijangka pada tahun ini sehingga Disember, 1987.

**Dato' Lee Kim Sai:** Menurut rekod pendaftaran yang ada dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Buruh dari 1980 hingga 1986 jumlah pengangguran ialah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pencari Kerja Keseluruhannya	Yang Berijazah
1980 .. ..	82,082	469
1981 .. ..	85,227	428
1982 .. ..	80,188	526
1983 .. ..	67,467	856
1984 .. ..	70,059	1,589
1985 .. ..	80,681	2,186
1986 .. ..	86,896	4,208

Jumlah penganggur pada tahun ini sehingga Disember, 1987 tidak dapat diberi pada masa ini oleh kerana maklumat-maklumat pengangguran bagi bulan Januari dan Februari, 1987 masih sedang diproseskan dan tambahan pula maklumat bagi bulan-bulan selepas itu hingga Disember, 1987 belum dapat diadakan.

**PENGGAL PERSEKOLAHAN—  
MENYUSUN SEMULA**

**30. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian Pelajaran untuk menyusun semula Jadual Penggal Persekolahan dan Pusat Pengajian Tinggi, sebagai langkah mengatasi masalah calon-calon peperiksaan dari kawasan yang sering dilanda banjir. Dalam penyusunan tersebut, sama ada diambilkira juga bahawa bulan Ramadhan (bulan puasa) akan dijadikan masa cuti penggal persekolahan seperti yang berlaku dalam tempoh 3-40 tahun dahulu.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (1) Kementerian Pelajaran sememangnya mempunyai cadangan untuk menyusun semula penggal persekolahan yang ada sekarang ini. Walau bagaimanapun, perkara itu masih di peringkat pengumpulan maklumat dan kajian.
- (2) Bagi pusat-pusat pengajian tinggi pula, Kementerian Pelajaran tidak ada cadangan untuk menyusun semula penggal pengajian oleh kerana pusat-pusat pengajian tersebut telah melaksanakan sistem semester.

**MALAYSIA COCOA RESEARCH  
AND DEVELOPMENT BOARD**

**31. Tuan James Jimbun Punga** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementerian berniat untuk menubuhkan Malaysia Cocoa Research and Development Board untuk mengawal taraf pengeluaran dan juga menjaga penyakit-penyakit seperti kes yang telah dibuat berkaitan dengan Getah dan Kelapa Sawit.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan telah pun membuat keputusan untuk menubuhkan Lembaga Koko Malaysia yang akan menjalankan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan termasuk kemajuan pemasaran dan pengawalan industri koko melalui persijilan, pendaftaran dan pelesenan. Dengan penubuhan Lembaga ini, industri koko Malaysia akan dapat dimajukan lagi secara teratur.

**GURU PELATIH DARI  
SARAWAK**

**32. Tuan Tieu Sung Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah jumlah:

- (a) guru-guru pelatih dari Sarawak yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk menjadi guru-guru terlatih bagi tahun 1985 dan tahun 1986;
- (b) guru-guru terlatih dari Semenanjung yang sedang berkhidmat di Sarawak pada masa ini;
- (c) guru-guru pelatih baru dari Sarawak akan diambil untuk menjadi guru-guru terlatih bagi tahun 1987; dan
- (d) guru-guru terlatih dari Sarawak yang sedang berkhidmat di Semenanjung pada masa ini.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah guru-guru pelatih dari Sarawak yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1985 ialah 931 orang;

Bagi tahun 1986 ialah 1,035 orang.

- (b) Jumlah guru terlatih dari Semenanjung yang sedang berkhidmat di Sarawak ialah seramai 2,119 orang.

- (c) Pengambilan guru pelatih baru dari Sarawak bagi tahun 1987 ialah 1,121 orang, berdasarkan Unjuran Pengambilan 1987.
- (d) Setakat ini guru-guru terlatih dari Sarawak tidak ditempatkan di Semenanjung. Walau bagaimanapun terdapat 9 orang guru dari Sarawak yang bertukar ke Semenanjung kerana mengikut suami.

### RUMAH KOS RENDAH DI SABAH/SARAWAK

33. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan;

- (a) bilangan rumah kos rendah yang telah siap dibina sehingga akhir tahun 1986; dan
- (b) bilangan rumah kos rendah yang akan dibina bagi tahun 1987, 1988 dan 1989.

**Dato' S. Subramaniam:**

- (a) Bilangan rumah awam kos rendah yang telah siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelima sehingga tahun 1986 bagi negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah seperti berikut:
- (i) Sabah—450 unit
- (ii) Sarawak—98 unit
- (iii) Wilayah Persekutuan Labuan—Tiada

Bilangan rumah kos rendah yang telah siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat sehingga akhir tahun 1985 pula adalah seperti berikut:

- (i) Sabah—910 unit
- (ii) Sarawak—3,257 unit
- (iii) Wilayah Persekutuan Labuan—Tiada

- (b) Bagi tahun 1987, 1988 dan 1989, bilangan unit rumah kos rendah yang dijangka akan dibina di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan ialah sebanyak 17,455 unit. Jumlah ini adalah meliputi kedua-dua program perumahan-perumahan awam kos rendah dan juga program khas perumahan kos rendah. Pecahan mengikut program dan negeri adalah seperti berikut:

(1) *Di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah*

- (i) Sabah—7 projek  
(3,004 unit)
- (ii) Sarawak—8 projek  
(2,026 unit)
- (iii) Wilayah Persekutuan Labuan—Tiada

(2) *Di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah*

- (i) Sabah—8 projek  
(7,707 unit)
- (ii) Sarawak—8 projek  
(4,238 unit)
- (iii) Wilayah Persekutuan Labuan—1 projek  
(480 unit)

### KLINIK KECIL—RAWATAN

34. Tuan Muhammad Yusof bin Abdul Latiff minta Menteri Kesihatan menyatakan berhubung dengan kadar bilangan penduduk untuk mendirikan klinik kecil. Sekiranya sesebuah kawasan yang bilangan penduduknya kurang daripada kadar yang ditentukan, dan kedudukan kawasan itu jauh daripada pusat kesihatan yang ada, tidakkah boleh dipertimbangkan untuk mendirikan sebuah klinik kecil bagi memudahkan penduduk-penduduk mendapat rawatan dan nasihat kesihatan. Perkara ini telah

berlaku di Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara yang baru-baru ini telah diserang wabak taun. Ini disebabkan penduduk-penduduk yang berkenaan tidak mendapat kemudahan rawatan dan nasihat kesihatan kerana pusat kesihatan terlalu jauh.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Pada masa ini kadar bilangan penduduk yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan sebagai panduan am untuk membina kemudahan kesihatan di luar bandar adalah seperti berikut:

<i>Kemudahan Kesihatan</i>	<i>Kadar Bil. Penduduk</i>
Klinik Kesihatan ..	15,000-20,000
Klinik Desa .. ..	2,000-4,000

Bagaimanapun kadar ini tidaklah diikuti dengan ketatnya oleh sebab beberapa faktor yang lain seperti kepadatan penduduk, kemudahan-kemudahan perhubungan yang ada, jarak jauhnya daripada pusat kesihatan yang terdekat dan keadaan taraf kesihatan penduduk tempatan adalah juga diambil kira sebelum sesuatu kemudahan itu dibina.

Sekiranya kemudahan kesihatan tidak dapat dibina di satu-satu tempat yang tertentu Kementerian Kesihatan mengadakan perkhidmatan kesihatan melalui klinik bergerak yang berpunca daripada pusat kesihatan yang terdekat sekali ke tempat tersebut. Dengan cara ini penduduk-penduduk yang berkenaan akan dapat rawatan perubatan dan nasihat kesihatan.

#### **PENALTI KESALAHAN PECAH AMANAH (CBT)**

**35. Tuan Ting Chek Miing** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan akan meminda undang-undang untuk menambah penalti terhadap Pengarah-pengarah, pengurus-pengurus syarikat yang sabit kesalahan CBT dan akan merampas

harta benda mereka sebagai satu langkah pencegah memandangkan bilangan yang terlibat dalam kes-kes jenayah tersebut semakin bertambah. Kalau tidak, berikan sebab-sebab.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Kerajaan tidak nampak apakah faedahnya meminda undang-undang yang berkenaan untuk menambah penalti bagi kesalahan-kesalahan pecah amanah (CBT) dan membuat peruntukan merampas harta benda orang yang didapati bersalah sekiranya pihak Mahkamah tidak bersedia mengenakan hukuman yang bersesuaian dengan maksud undang-undang itu. Apa yang menjadi masalah sekarang ialah bukan hukuman yang kini termasuk dalam undang-undang tidak mencukupi tetapi keengganan pihak-pihak tertentu menjatuhkan hukuman yang seberat-beratnya terhadap orang yang didapati bersalah. Oleh yang demikian Kerajaan tidak bercadang buat masa ini untuk meminda undang-undang yang tertentu bagi menambah penalti bagi kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

#### **LEBUHRAYA BUKIT KAYU HITAM—JOHOR BAHRU**

**36. Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapakah anggaran kos membina lebuh raya dari Bukit Kayu Hitam ke Bukit Senyum Johor Bahru, dan bilakah dijangka boleh siap, dan
- (b) mengikut kajian berapakah average kenderaan dan makhluk yang dijangka akan menggunakan lebuh raya ini serta jangkakan kutipan hasil "Toll" yang akan diperolehi tiap-tiap lebihkurang.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):**

- (a) Anggaran kos pembinaan lebuhraya dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru adalah sebanyak \$6,150 billion yang mana \$2.65 billion telah dan sedang dibina oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia, manakala bakinya sebanyak \$3.5 billion akan diswastakan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kos tersebut tidak termasuk kos seperti tanah dan perkhidmatan Juruperunding Keseluruhan Lebuhraya Utara—Selatan dijangka siap dalam tahun 1992.
- (b) Suka saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa adalah sukar bagi Kementerian untuk memberi maklumat-maklumat jumlah kenderaan yang melalui Lebuhraya Utara—Selatan apabila ianya siap pada tahun 1992. Ini kerana sistem tol yang akan digunakan adalah sistem tol tertutup yang mana kenderaan boleh keluar masuk melalui lebih daripada 52 persimpangan bertingkat yang dibina di sepanjang lebuhraya tersebut. Mengikut kajian, jumlah kenderaan yang keluar masuk di tiap-tiap persimpangan ini dianggarkan di antara 10,000 hingga 20,000 kenderaan sehari dua hala.

Mengenai jumlah kutipan tol, jumlah yang dijangka dikutip selepas tahun 1982 adalah di antara \$300 juta hingga \$400 juta setahun, berdasarkan kepada kadar 6 sen sekilometer.

### HARGA LADA HITAM

**37. Tuan Douglas Uggah Embas** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menentukan

bahawa harga lada hitam kekal pada paras sekarang.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat hampir kesemua pengeluaran lada hitam negara ini adalah dieksport ke negara-negara lain. Oleh sebab itu harga lada hitam, seperti juga dengan harga komoditi utama Malaysia yang lain, adalah tertakluk kepada kedudukan permintaan dan penawaran barangan ini di pasaran dunia.

Pada asasnya permintaan untuk lada hitam di pasaran dunia adalah stabil dan perubahan dari segi harga telah didapati tidak mempengaruhi kuantiti diperlukan. Oleh sebab itu kestabilan harganya adalah bergantung kepada kedudukan pengeluaran dan penawaran. Penawaran yang berlebihan akan menyebabkan harga merosot dan sebaliknya apabila berlaku kekurangan, harga lada akan melambong tinggi.

Hasil daripada kekurangan bekalan bagi tiap tahun berturut-turut bermula pada tahun 1984, harga lada kini berada di paras yang amat tinggi. Harga purata bagi lada putih dan lada hitam pada tahun 1986 masing-masing ialah \$11,920 se tan metrik dan \$8,640 se tan metrik berbanding dengan \$3,760 dan \$2,580 se tan metrik bagi tahun 1983.

Bagi menentukan harga lada akan terus berada di paras yang menguntungkan, kerjasama antara negara-negara pengeluar utama adalah perlu supaya tidak berlaku lebihan pengeluaran yang boleh menjejaskan kedudukan harga. Menyedari hakikat ini, Kementerian Perusahaan Utama telah dan akan terus berusaha untuk mendapatkan kerjasama dan kesedaran di antara negara-negara pengeluar melalui Pertubuhan Lada Antarabangsa (International Pepper Community) yang dianggotai oleh

empat buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, India dan Brazil yang menyumbangkan 93% bekalan lada ke pasaran dunia.

Di samping itu juga, Kerajaan melalui Jemaah Pemasaran Lada Hitam mengambil langkah-langkah bagi memperluaskan pasaran lada hitam Malaysia di samping mengukuhkan pasaran tradisional.

Dengan adanya langkah-langkah tersebut Kementerian ini yakin bahawa harga lada hitam akan terus berada di paras yang menguntungkan.

#### PENERBITAN YANG DIGANTUNG

**38. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak tahun 1957 hingga hari ini, berapa suratkhbar dan majalah-majalah kena digantung, tarik balik atau tidak diperbaharui Permit Percetakan mereka, dan:

- (a) senaraikan nama-nama yang terlibat;
- (b) berapakah dari senarai itu dapat Permit Percetakan semula; dan
- (c) keadaan majalah "People's Weekly" P. P. 79/11/86 setakat ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sehingga hari ini, sebanyak 5 buah penerbitan telah digantung manakala 12 buah penerbitan telah ditarik balik atau tidak diperbaharui permit penerbitannya. Penerbitan-penerbitan yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Minggu Wanita
2. Mimbar Sosialis
3. Minggu Tanahair
4. Nadi Insan
5. Bacaria
6. Minggu Bumi
7. Gema Mujahid
8. People's Weekly
9. The Sun (China)

10. Life Post
11. Risalah (ABIM)
12. Suara Merdeka
13. Suara Rakyat
14. Tamil Malar
15. Dialog
16. Kritik
17. Al-fath

Daripada senarai ini, 5 buah penerbitan telah mendapat permit penerbitannya semula.

Penerbitan "People's Weekly" telah dibatalkan Permit Penerbitannya semenjak 12 Februari, 1987.

#### PERDAGANGAN MALAYSIA—CHINA

**39. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada perdagangan dengan negara China telah diperbaiki sejak lawatan beliau bersama satu delegasi besar ke negeri China pada tahun 1985, jika tidak sila nyatakan apakah halangan-halangan yang menghadkan perdagangan secara langsung dan pelaburan bilateral.

**Tuan M. G. Pandithan:** Perdagangan Malaysia dengan Republik Rakyat China dalam tempoh sebelas (11) bulan pertama tahun 1986 telah meningkat sedikit berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1985. Jumlah perdagangan dalam tempoh tersebut adalah sebanyak \$1,038.4 juta berbanding dengan \$935.8 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 1985. Pertambahan ini mungkin disebabkan oleh lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Negeri China pada bulan November, 1985.

Di samping itu terdapat juga beberapa syarikat Malaysia yang telah berjaya melabur di Negeri China dan mengadakan projek usahasama di negara tersebut. Antara projek-projek yang sedang dijalankan oleh

pengusaha-pengusaha Malaysia ialah pembinaan Hotel Shangri-la dan Pusat Dagangan Dunia di Beijing, dan projek usahasama membuat tilam "Dreamland" di Tianjin.

Berdagang dengan negara China sememangnya terdapat beberapa masalah. Negara tersebut misalnya enggan melantik syarikat-syarikat Malaysia sebagai agen mereka di sini. Mereka lebih suka melantik agen-agen mereka dari negara jiran dan keutamaan diberikan kepada pedagang-pedagang dari negara tersebut. Di samping itu juga kuantiti yang diberikan kepada agen-agen mereka di sini pula tidak mencukupi. Kerajaan akan terus berusaha mengatasi masalah-masalah ini.

#### JALAN RAJA UDA DI BUTTERWORTH

**40. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jalan Raja Uda di Butterworth berada dalam keadaan yang rosak dan juga tidak pernah diturap kembali sejak tahun 1969. Jika ia dan memandangkan pada hakikat bahawa pihak Kerajaan Negeri telah beberapa kali menyatakan bahawa ia kekurangan peruntukan untuk menurap kembali jalan ini, bolehkah Menteri berkenaan memberitahu dewan yang mulia ini sama ada pihak Kerajaan Persekutuan akan memberi peruntukan kepada Kerajaan negeri bagi membaiki jalan ini. Jika ya, bilakah peruntukan tersebut akan diberi dan jika tidak, kenapa.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kerajaan sedar keadaan jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan tersebut adalah jalan Kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan telah menyediakan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah peruntukan

"State Road Grant" bagi menyelenggara jalan-jalan di negeri itu. Pada tahun 1987, Kerajaan Persekutuan telah memberi peruntukan sebanyak \$9.8 juta untuk menyelenggara jalan-jalan di negeri Pulau Pinang. Oleh itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri tersebut untuk menyelenggara jalan-jalan yang difikirkan mustahak.

#### PENYALAHGUNAAN WANG RAKYAT—TINDAKAN

**41. Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan kepada keluhan orang ramai yang berleluasa tentang kekurangan amanah yang mengakibatkan kepada kesulitan yang tidak diingini di kalangan:

- (a) kakitangan Kerajaan yang diamanahkan wang-wang rakyat yang berjumlah beratus-ratus juta ringgit dan;
- (b) Pengurus-pengurus, pengarah-pengarah dan eksekutif-eksekutif institusi kewangan dan lain-lain badan sektor swasta.

Apakah langkah yang telah dan akan diambil supaya orang ramai tidak akan menderita disebabkan oleh perasaan tamak orang-orang berkenaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):** Antara langkah-langkah bagi mengatasi perkara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (a) Bagi kakitangan Kerajaan, tindakan boleh diambil oleh Badan Pencegah Rasuah di bawah Undang-undang yang berkaitan jika terdapat bukti yang jelas mengenai penyalahgunaan wang tersebut. Tindakan juga boleh diambil oleh ketua-ketua Jabatan melalui Lembaga Tatatertib

yang berkenaan jika terdapat laporan mengenai kegiatan sedemikian;

- (b) Mengenai pihak Pengurusan Institusi-institusi Kewangan dan lain-lain badan Sektor Swasta, tindakan telah diambil untuk meminda beberapa Akta Institusi Kewangan umpamanya Akta Bank, Akta Syarikat Kewangan dan Akta Bank Islam.

Di samping itu, Kerajaan akan sentiasa memastikan Akta Syarikat 1965 diubah sejajar dengan perkembangan sektor korporat dan juga memastikan peruntukan-peruntukan Akta ini dipatuhi dengan sepenuhnya.

#### **KERETA PROTON SAGA— SAMBUTAN NEGARA LUAR**

**42. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan beberapa negara telah pun ingin untuk membeli Proton Saga iaitu Kereta Nasional buatan negara Malaysia ini dan apakah sambutan daripada negara rakyat dari mereka setelah Proton Saga dipamerkan di negara mereka.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Sehingga kini hampir 35 buah negara telah menunjukkan minat dengan membuat pertanyaan-pertanyaan mengenai kereta Proton Saga. Daripada jumlah tersebut, empat buah negara telah pun menerima pesanan kereta Proton Saga adalah seperti berikut:

Brunei Darussalam—25 buah

Bangladesh—51 buah

Malta—40 buah

New Zealand—167 buah

Walau bagaimanapun, sehingga akhir bulan Februari 1987 hanya Bangladesh yang telah melancarkan penjualan kereta Proton Saga di negara

tersebut sementara Brunei, Malta dan New Zealand merancang pelancaran jualan masing-masing dalam minggu kedua dan ketiga Mac 1987.

Sambutan pengguna di Bangladesh setakat ini amatlah menggalakkan di mana semua kereta Proton Saga yang dihantar telah habis dijual.

#### **BANDUAN DI PENJARA PUDU**

**43. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar berbagai geng mengongkong penghuni Penjara Pudu seperti didakwa oleh seorang tertuduh dalam kes di Mahkamah Tengah Seremban pada 2-2-1987. Tertuduh tersebut seakan-akan merayu kepada Presiden Mahkamah supaya ia dipindahkan ke penjara yang lain kerana beliau tidak dapat menahan dipukul oleh geng-geng tersebut yang juga mencari penghuni-penghuni baru dan merogol mereka. Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan bercadang mengambil untuk membaiki keadaan ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya tidak sedar adanya kumpulan-kumpulan tertentu yang mengongkong banduan-banduan dan kejadian memukul di Penjara Pudu seperti yang didakwa oleh banduan berkenaan di Mahkamah Tengah Seremban pada 2-2-1987. Walau bagaimanapun berikutan dengan kenyataan banduan berkenaan, satu siasatan telah dibuat dan didapati bahawa dakwaan tersebut adalah tidak benar.

#### **UNIT UDARA POLIS**

**44. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai peranan dan sumbangan Unit Udara Polis sejak unit itu ditubuhkan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Peranan utama Unit Udara Polis Diraja Malaysia ialah menjalankan pengawasan udara dan menyampaikan maklumat penglihatan serta menjalankan operasi bersama dengan Pasukan Merin Polis. Unit Udara Polis juga memberi kerjasama kepada agensi-agensi penguatkuasa yang lain iaitu Jabatan Kastam, Imigresen dan Jabatan Perikanan. Dengan rondaan-rondaan dari Unit Udara Polis, maklumat-maklumat penglihatan yang berkaitan dengan penyeludupan kapal-kapal, kemasukan warganegara asing secara haram, kemasukan nelayan asing di perairan dan kegiatan mencegah lanun telah dapat disampaikan kepada agensi-agensi tersebut dengan segera dan tindakan yang berkesan boleh diambil oleh agensi-agensi penguatkuasa berkenaan.

#### PERUSAHAAN PENGELUARAN NEGARA—MEMAJUKAN

**45. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah rancangan konkrit yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memajukan perkembangan perusahaan pengeluaran negara kita serta mengeksport pengeluaran berkenaan ke luar negeri.

**Tuan M. G. Pandithan:** Bagi maksud memajukan perkembangan perusahaan pengeluaran negara kita beberapa langkah telah diperkenalkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Pada bulan September, 1985, Kerajaan telah melancarkan Tabung Pelaburan Baru (N.I.F.) sebagai langkah menumpukan pinjaman-pinjaman bank kepada sektor-sektor industri baru yang berpotensi.

Sebagai tambahan, peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pelaburan seperti Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986, Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA)

1975, dan Akta Cukai Pendapatan 1967, telah dikaji semula dan peruntukan-peruntukan tertentu telah dipinda. Akta-akta tersebut dipinda dengan tujuan memperbaiki galakan-galakan pelaburan untuk sektor perkilangan supaya mewujudkan sesuatu iklim pelaburan yang lebih menarik untuk pelabur-pelabur tempatan dan pelabur-pelabur asing.

Pada masa yang sama beberapa pindaan Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) 1975 diperkenalkan untuk memudahkan penyertaan pihak swasta dalam sektor perkilangan. Berkuatkuasa dari 24hb Oktober, 1986, had-had untuk mengecualikan seseorang pelabur dari perlesenan di bawah ICA telah dinaikkan lagi supaya syarikat-syarikat perkilangan yang mempunyai tabung pemegang-pemegang saham kurang daripada \$2.5 juta ringgit dan/atau menggunakan kurang daripada 75 pekerja bergaji sepenuh masa, dikecualikan daripada memohon lesen perkilangan.

Juga selaras dengan objektif Kerajaan untuk menggalak pelaburan asing ke Malaysia, dasar tentang ekuiti asing dan jawatan asing dalam sektor perkilangan telah diperluas dan dilonggarkan lagi. Di samping itu, kadar-kadar utiliti seperti tarif elektrik, bayaran-bayaran teleks dan telefon telah disemak semula dan diturunkan untuk mendorong para usahawan, menggiatkan lagi aktiviti perniagaan mereka.

Memandangkan bahawa kebanyakan projek-projek usahasama adalah berorientasikan eksport dan selaras dengan strategi berorientasikan eksport di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML) 1986-1990, dan Pelan Induk Perindustrian (PIP) 1986-1995, galakan-galakan dalam bidang penggalakan eksport barang-barang perkilangan telah diperbaiki melalui

pindaan-pindaan ke atas Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan, 1967.

Sebagai tambahan selaras dengan usaha pengeksportan, mulai 31hb Januari, 1986, Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport telah disemak semula supaya dapat mendorong kegunaan bahan-bahan mentah tempatan dan memperbaiki kemudahan-kemudahan yang didapati di bawah Skim tersebut.

#### AKTA KOPERASI—KAJIAN

46. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) mengapakah tindakan yang sewajarnya tidak diambil terhadap Ketua Pendaftar Koperatif dan Ketua Pengarah Jabatan Pengarah Koperatif Haji Abdul Aziz Wahab dan pegawai-pegawainya kerana kecuaiannya, ketidakcekapan dan ketidakbolehan mereka yang menyebabkan skandal koperasi, sepertimana yang dikatakan oleh seorang hakim terutamanya terhadap pegawai-pegawai yang makan rasuah;
- (b) sama ada pihak Kerajaan bercadang meminda Akta Koperasi untuk mengelakkan kelemahan-kelemahan Akta tersebut yang mengakibatkan skandal koperasi khususnya seksyen-seksyen yang berkenaan yang menurut Ketua Pendaftar Koperasi telah menyekat beliau dari menunaikan tanggungjawabnya dan dikatakan menghalangnya daripada menyekat berlakunya krisis koperasi ini.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):**

- (a) Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah

dibincangkan dengan panjang lebarnya dalam persidangan Parlimen yang lepas dan telah pun diputuskan. Oleh itu Kementerian ini tidak bercadang hendak memberi jawapan lagi.

- (b) Kerajaan sememang sedang mengkaji keseluruhan Akta Koperasi dan di mana perlu pindaan-pindaan akan dibuat.

#### TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK DI LADANG

47. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan bolehkah Kementerian tersebut mengambil alih tanggungjawab daripada pihak majikan perladangan di atas semua "Ayah Kottai" ataupun tempat di mana anak-anak pekerja-pekerja keluar untuk mereka, ataupun bolehkah Kerajaan memberi bantuan kepada "Ayah Kottai" tersebut untuk menaiki taraf perkhidmatan tersebut.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Asuhan Kanak-kanak di ladang adalah di bawah penguasaan Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1986. Tindakan sedang diambil untuk meletakkan semua TASKA ini di bawah pengawasan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 supaya mutu perkhidmatannya dipertingkatkan. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhajat mengambil alih pentadbiran TASKA ini dari majikan ladang.

#### KEWARGANEGARAAN MALAYSIA—PENDUDUK TETAP

48. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa pemohon-pemohon Sijil Kewarganegaraan yang telah mengemukakan

semua dokumen yang perlu ke Jabatan Pendaftaran Negara dan telah lulus menjalani ujian lisan Bahasa Malaysia masih menunggu begitu lama sehingga lebih 5 tahun sebelum permohonan mereka diluluskan oleh Menteri sendiri.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Seorang warganegara asing yang menjadi penduduk tetap Malaysia dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam perlembagaan Malaysia boleh memohon kewarganegaraan Malaysia. Selain daripada kelulusan ujian Bahasa Malaysia, seorang pemohon kewarganegaraan itu dikehendaki memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia. Setiap permohonan kewarganegaraan Malaysia adalah disemak dengan teliti dan disiasat dengan rapi bagi menjamin kesahihan setiap maklumat yang diberikan oleh seseorang pemohon itu. Prosesan ini memerlukan masa. Kelambatan juga disebabkan oleh kelewatan pemohon untuk menghantarkan maklumat atau dokumen yang dikehendaki oleh Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri sedang berusaha untuk memproseskan permohonan kewarganegaraan secepat mungkin, dengan tidak menjejaskan penelitan kepada maklumat-maklumat yang diberikan oleh pemohon. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri sekarang sedang memproseskan permohonan-permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan oleh pemohon-pemohon semenjak 1983 hingga sekarang.

#### KESELAMATAN DI PENJARA

49. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang benar-benar berkesan yang telah diambil bagi memastikan

keselamatan di semua penjara-penjara di negara ini terutama yang melibatkan orang awam; dan

- (b) apakah tindakan yang telah diambil kepada pegawai-pegawai penjara yang didapati cuai dan tidak mematuhi arahan untuk kawalan dan keselamatan di penjara-penjara di negara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat langkah-langkah bagi memastikan keselamatan di semua penjara terutama orang-orang awam ialah:

- (i) pegawai-pegawai perubatan dan majistret-majistret yang menjalankan tugas di penjara-penjara akan diiringi dan dikawal oleh seorang Penguasa Penjara dan 3 orang Pegawai Penjara,
- (ii) banduan-banduan akan digari kedua-dua belah tangan semasa menerima rawatan kecuali atas nasihat doktor,
- (iii) mengadakan jaring besi pemisah di antara banduan dan majistret semasa Mahkamah bersidang,
- (iv) membina pagar-pagar keselamatan di kawasan-kawasan yang perlu.

Pegawai-pegawai Penjara akan dikenakan tindakan yang sewajarnya jika didapati cuai dan tidak mematuhi arahan untuk kawalan dan keselamatan di penjara-penjara.

#### SEMPADAN MARITIM MALAYSIA-SINGAPURA

50. Dato Mohamed bin Rahmat minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bilakah kerja-kerja menentukan sempadan antara Singapura dan

Malaysia di Selat Tebrau akan selesai dan atas asas-asas apa pula penentuan sempadan ini ditetapkan.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

*Asas-asas Penentuan Sempadan Maritim Malaysia-Singapura*

- (a) Pada keseluruhannya, prinsip garis pertengahan terusan air-dalam (centre of the deep water channel) telah dijadikan asas bagi penentuan sempadan maritim Malaysia—Singapura iaitu mengikut peruntukan dalam Straits Settlements and Johore Territorial Waters Agreement bertarikh 19hb Oktober, 1927.
- (b) Prinsip ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 23hb Oktober, 1985.

*Penentuan Sempadan Maritim Malaysia-Singapura*

- (a) Selaras dengan keputusan mesyuarat di antara pegawai-pegawai Malaysia dan Singapura pada 19hb Januari, 1980, ukuran hidrografi bersama telah dilaksanakan pada tempoh 10hb Mac, 1980 hingga 3hb Oktober 1981 di Selat Johor, bagi menentukan dengan tepatnya sempadan maritim di antara Malaysia dan Singapura.
- (b) Kajian bersama antara Malaysia dan Singapura telah dibuat ke atas hasil ukuran hidrografi ini dalam mesyuarat pada 15hb dan 16hb April 1985 di mana kedua-dua belah pihak telah bersetuju mengguna "preliminary boundary line" sebagai garis sempadan maritim Malaysia-Singapura, sesuai dengan peruntukan yang termaktub dalam Perjanjian 1927 itu.

- (c) Kini pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang berusaha untuk menetapkan suatu tarikh yang sesuai bagi mengadakan perbincangan dengan pihak Singapura. Tujuannya ialah untuk mendapatkan persetujuan pihak Singapura untuk menetapkan pertengahan terusan air dalam sebagai sempadan kekal di antara kedua-dua buah negara berasas kepada ukuran hidrografi bersama yang telah dibuat itu.

**BEKALAN AIR DI JOHOR**

**51. Dato' Mohamed bin Rahmat** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah Kerajaan Pusat akan membantu sepenuhnya Kerajaan Negeri Johor untuk membayar (Develop) segala punca-punca air di Johor bagi membolehkan Kerajaan dan rakyat negeri Johor tidak terus bergantung kepada bekalan air bersih dari Singapura.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kerajaan Pusat sememangnya membantu Kerajaan Negeri Johor untuk memajukan sumber air di negeri tersebut. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan Pusat telah menyediakan peruntukan sebanyak \$233 juta sebagai pinjaman kepada Negeri Johor, yang juga merupakan peruntukan yang terbesar disediakan jika dibandingkan dengan peruntukan yang disediakan kepada negeri-negeri lain di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian sumber air di Negeri Johor telah pun siap dijalankan dan kajian-kajian tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Kajian sumber air kawasan Johor Selatan.
- (2) Kajian usahasama memajukan sumber air sungai Johor.

- (3) Kajian memungkinkan bekalan air Johor Bahru—Skim Sungai Layang.
- (4) Kajian kemungkinan bekalan air Johor Barat peringkat I dan II.
- (5) Kajian sumber air Johor Tenggara.

Hasil daripada kajian-kajian tersebut beberapa projek telah dikenalpasti untuk dilaksanakan. Projek-projek yang sedang dilaksanakan ialah projek bekalan Air Johor Bahru peringkat I dan II, yang jumlah kosnya dianggarkan sebanyak \$288 juta sedang dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya dalam tahun 1988. Manakala satu projek lagi, iaitu Bekalan Air Johor Barat Peringkat I juga dijangka siap dalam tahun 1988. Dengan siapnya kedua-dua projek tersebut dan terlaksananya beberapa projek lagi yang sekarang sedang dalam kajian itu, pengantungan air bersih kepada Singapura akan boleh diatasi, ataupun dikurangkan ke peringkat yang paling minima.

#### HINDU ENDOWMENT BOARD ORDINANCE

**52. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memansuhkan "Hindu Endowment Board Ordinance, 1906" atas sebab ini bertentangan dengan Article II Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak setiap agama untuk sendiri mengendalikannya hal-hal mereka.

**Dato' Oo Gin Sun:** Undang-undang Hindu Endowment Ordinance 1906 telah pun dikemukakan ke Mahkamah Agung sama ada ianya sah atau tidak. Mahkamah Agung telah pun memutuskan bahawa undang-undang itu adalah sah di sisi Perlembagaan dan didapati tidak bertentangan dengan Perkara II Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana memandangkan undang-undang ini dibuat untuk faedah dan

kebaikan kaum dan agama yang dimaksudkan di dalam Undang-undang tersebut, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan undang-undang tersebut atau membubarkan Lembaga yang tertubuh di bawah Ordinan yang berkenaan.

#### HARI THAIPUSAM

**53. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mengisytiharkan Thaipusam sebagai cuti am seluruh negara.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Sayugia dimaklumkan bahawa pada masa ini sebanyak 12 hari disiytharkan sebagai hari cuti am Persekutuan, yang meliputi hari-hari perayaan, keagamaan, termasuk hari Deepavali, iaitu hari perayaan Agama Hindu. Di samping itu tiap-tiap negeri dalam Malaysia telah pun menetapkan purata 4 hari sebagai hari cuti am Negeri. Ini bermakna bahawa tiap-tiap negeri mendapat purata sejumlah 16 hari dalam setahun sebagai cuti am.

Negara kita adalah sebuah negara yang pesat membangun. Oleh itu adalah difikirkan bahawa jumlah cuti am pada masa sekarang adalah mencukupi, malah adalah banyak jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia.

Penambahan cuti am akan mengurangkan jumlah hari kerja bagi sektor awam dan swasta dan seterusnya akan mengurangkan pendapatan dan perkhidmatan dalam negeri yang akhirnya akan menjejaskan ekonomi negara.

Mengikut rekod, Kerajaan Persekutuan tidak pernah menerima tuntutan secara rasmi daripada mana-mana pihak supaya Hari Thaipusam dijadikan hari cuti am bagi seluruh

negara dan Kerajaan tidak ada cadangan untuk menambah hari-hari cuti am selain daripada yang wujud sekarang.

### KEGIATAN BADAN AGAMA KRISTIAN

**54. Toh Muda Dr Abdullah Fadhil bin Che Wan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sedar tentang adanya usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dan besar-besaran dibuat oleh golongan badan-badan agama Kristian tertentu untuk menarik berapa ramai yang boleh orang-orang Islam masuk agama Kristian di negara ini di kuatnya dari segi moral dan kewangan daripada sumber antarabangsa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Kerajaan memang sedar dan mengetahui tentang kegiatan badan-badan agama Kristian tertentu dan kemungkinan adanya bantuan moral dan kewangan dari organisasi Kristian antarabangsa untuk mengembangkan agama Kristian di negara ini di kalangan orang-orang Islam.

Saya percaya organisasi-organisasi Kristian dan gereja-gereja tempatan menyedari bahawa perbuatan mendiayahkan agama Kristian di kalangan orang-orang Islam itu bukan sahaja salah dari segi undang-undang negara malah boleh menggugat keharmonian masyarakat dan ketenteraman negara. Kerajaan tidak akan teragak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melakukan kesalahan dalam perkara ini.

### PENDAFTARAN PEMILIH MENGGUNAKAN ANGKA KOSONG

**55. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan kenapa terdapat tidak kurang daripada 100

nama pengundi dalam sebuah buku pendaftaran pengundi bagi Kawasan Pilihanraya Negeri Sekong di bawah Kod 141/13/006 yang mempunyai kad pengenalan bernombor yang sama iaitu 000000H dan sama ada mereka telah membuang undi dalam Pilihanraya Umum 1986.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Pendaftaran pemilih yang menggunakan siri pengenalan kosong angka (000000) bukan sahaja terdapat di Kawasan Pilihanraya Negeri Sekong tetapi juga di bahagian-bahagian pilihanraya yang lain di Semenanjung, Sarawak dan Sabah. Mereka itu adalah penduduk asal yang tinggal di kawasan pendalaman yang tiada kad pengenalan tetapi diiktiraf menerusi Ketua Suku Kaum masing-masing sebagai rakyat asal negeri-negeri yang berkenaan. Mereka mula didaftarkan dalam tahun 1966. Sama ada mereka pada masa ini telah dikeluarkan kad pengenalan atau tidak, tidak dapat dipastikan dengan tepat.

Suruhanjaya Pilihanraya telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk menukar siri pengenalan kosong angka itu kepada nombor kad pengenalan biasa (bagi mereka yang telah mendapat kad pengenalan dan dapat dihubungi) dalam usahanya untuk mengemaskini daftar-daftar pemilih.

Proses yang dijalankan adalah memakan masa kerana pemilih-pemilih berkenaan kebanyakannya tinggal di kawasan-kawasan pendalaman dan adalah sukar untuk dihubungi.

Proses yang sama juga dilakukan bagi daftar-daftar pemilih Negeri Sarawak.

Bagi Semenanjung, negeri-negeri yang masih banyak mempunyai siri pengenalan kosong angka ialah Kelantan, Perak dan Pahang. Untuk

makluman, bilangan pemilih yang masih didaftarkan dengan siri pengenalan kosong angka bagi negeri-negeri tersebut termasuk Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Siri Pengenalan Kosong Angka</i>
Kelantan.. .. .	734
Perak .. .. .	408
Pahang .. .. .	1,387
Sabah .. .. .	5,556
Sarawak .. .. .	5,556

Sama ada mereka telah mengundi atau sebaliknya dalam Pilihanraya Umum 1986 yang lalu adalah sukar untuk dipastikan kerana salinan-salinan daftar yang digunakan di tempat-tempat mengundi telah di simpan dalam peti-peti khas yang dimaterikan. Daftar-daftar tersebut merupakan dokumen-dokumen rahsia dan mengikut peraturan-peraturan pilihanraya, daftar-daftar itu berserta dengan lain-lain dokumen akan dimusnahkan selepas tempoh enam (6) bulan dari tarikh pengundian dijalankan.

#### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL)— PENUKARAN

**56. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau sudah terima surat daripada Presiden Kebangsaan MIC, mengenai 3 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang ditukar kepada Sekolah Rendah Kebangsaan; apakah nama sekolah-sekolah tersebut dan kenapa jenis sekolah-sekolah ini ditukar.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Menteri Pelajaran telah menerima surat daripada Presiden MIC mengenai 3 buah sekolah yang bertukar aliran kepada Sekolah Rendah Kebangsaan

seperti mana yang telah diumumkan baru-baru ini.

Sekolah-sekolah yang dimaksudkan itu ialah:

- (1) SRJK (T) Ladang Jabor, Kemaman, Terengganu
- (2) SRJK (T) Ladang Krilla, Kuala Krai, Kelantan
- (3) SRJK (T) Ladang Pahi, Taku, Tanah Merah, Kelantan

Penukaran itu adalah di atas permintaan sendiri ibu bapa murid-murid dan Lembaga-Lembaga Pengurus sekolah-sekolah tersebut.

#### LATIHAN GURU—KRITERIA PILIHAN

**57. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pelajaran menyatakan kriteria dan panduan yang digunakan oleh Majlis Temuduga terhadap cara pilihan calon-calon yang akan menyertai kursus latihan guru supaya menjamin bahawa seseorang pemohon khas tidak memilih cara kursus khas yang tidak sesuai dengan kelayakannya. Jika tidak, mengapa.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk menjamin bahawa seseorang pemohon tidak memilih sesuatu kursus tertentu yang tidak sesuai dengan kelayakannya, Bahagian Pendidikan Guru telah menyediakan kriteria dan panduan seperti berikut:

- (1) Menyiarkan iklan mengenai kursus perguruan yang didalamnya mengandungi syarat atau keperluan bagi kursus tertentu yang ditawarkan.
- (2) Jenis kursus yang ditawarkan disenaraikan dalam buku Panduan Mengisi Borang Permohonan Kursus Perguruan.

- (3) Lembaga Temuduga dibekalkan dengan Panduan Perakuan Kursus yang mengandungi syarat atau keperluan bagi semua kursus yang ditawarkan.
- (4) Semasa temuduga Lembaga Temuduga boleh menyalurkan seseorang calon kepada kursus lain yang lebih sesuai dengan kelayakan calon berkenaan, dengan syarat mendapat persetujuan calon tersebut.

#### **PINJAMAN BANK DUNIA— PROJEK SEKOLAH**

**58. Dr Lim Ann Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pinjaman sebanyak \$151.9 juta dari Bank Dunia kepada Kerajaan Malaysia pada tahun 1986 untuk membiayai 143 projek sekolah di seluruh negara akan mengutamakan sekolah-sekolah yang berlainan kaum atau untuk sekolah-sekolah yang terdiri daripada hampir kaum bumiputera sahaja.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek pembangunan pelajaran yang sedang dilaksanakan di seluruh negara, yang dibiayai dari peruntukan yang diperolehi di bawah Pinjaman Bank Dunia Ke 8 yang telah ditandatangani pada 1986, adalah digunakan untuk kepentingan murid-murid dari semua kaum.

#### **KENAIKAN PANGKAT GURU**

**59. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam Pelaksanaan Kenaikan Pangkat guru-guru terutama di sekolah rendah dan menengah, ramai guru-guru yang aktif dalam kegiatan kemasyarakatan tercicir, jika ya, apakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk memberi

perhatian berat (memberi markah tinggi) terhadap kegiatan kemasyarakatan guru di luar sekolah selari dengan konsep "Sekolah sebagai institusi masyarakat" dalam menentukan kenaikan pangkat.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pelaksanaan urusan kenaikan pangkat di Kementerian Pelajaran, asas-asas yang digunakan adalah berpandukan kepada Perintah Am Bab "A" dan lain-lain Pekeliling yang berkaitan dengan tatacara kenaikan pangkat. Asas-asas pertimbangan kenaikan pangkat seseorang guru itu adalah berdasarkan kepada kebolehan, kecekapan, sifat-sifat peribadi, kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi. Kekananan dalam perkhidmatan hanya akan diambilkira bila dua orang atau lebih pegawai didapati mempunyai kebolehan yang sama. Aktiviti-aktiviti kemasyarakatan juga adalah diambilkira di dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat, tetapi ianya bukanlah merupakan asas utama sesuatu urusan kenaikan pangkat itu. Sekiranya ada di antara guru-guru yang berkenaan tercicir daripada sesuatu urusan kenaikan pangkat, ini bermakna seseorang guru itu tidak mencapai tahap yang memuaskan berdasarkan asas-asas yang telah ditetapkan itu.

#### **KUTIPAN TOL JALAN KUCHING/KEPONG**

**60. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kerjaraya menyatakan dasar-dasar perundangan (legal Basis) yang membenarkan pengutipan tol di bulatan bertingkat Kepong walaupun tidak diwartakan. Jika pewartaan tidak perlu dibuat, mengapa. Berdasarkan undang-undang apakah keperluan ini boleh diketepikan dengan begitu sahaja. Sila nyatakan lain-lain projek Lebuhraya di mana kutipan tol di buat

tanpa sebarang pewartaan berdasarkan undang-undang tersebut di atas. Perundangan apakah yang mengatakan bahawa pihak penumpang yang seharusnya membayar tol.

**Dato' S. Samy Vellu:** Adalah tidak benar bahawa pengutipan tol Jalan Kuching/Kepong tidak diwartakan seperti didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Untuk makluman, Warta Kerajaan tersebut telah dikeluarkan pada 8hb Januari 1987. Tidak ada lain-lain Lebuhraya di mana kutipan tol dibuat tanpa sebarang Warta Kerajaan.

### UJIAN PENILAIAN SEKOLAH RENDAH

**61. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab mengapa pihak Kementerian mengubah fikiran mengadakan Ujian Penilaian Sekolah Rendah mengganti Peperiksaan Penilaian Darjah Lima walhal matlamat asal adalah untuk membubarkan semua bentuk ujian/peperiksaan penilaian di peringkat sekolah rendah.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran tidak pernah bercadang untuk membubarkan semua bentuk ujian/peperiksaan di peringkat sekolah rendah. Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) akan menggantikan peperiksaan Penilaian Darjah Lima (PPDL) pada tahun 1987 kerana pelaksanaan KBSR di sekolah rendah.

### HADIAH NEGARA KEPADA AHLI SAINS/TEKNOLOGI

**62. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adakah Kementerian bercadang mengadakan Hadiah Negara kepada Ahli-ahli Sains dan Teknologi Negara yang berjaya memburu penemuan atau penciptaan

baharu dan asli dalam bidang sains dan teknologi yang dapat dimanfaatkan oleh negara dan rakyat.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (atau MPKSN) telah pada tahun 1984 mengumumkan satu hadiah yang dinamakan Anugerah Sains Negara untuk ahli-ahli sains dan teknologi tempatan yang telah memberi manfaat kepada negara dan rakyat, khususnya dari segi sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

Anugerah ini telah pun dihadiahkan buat pertama kalinya pada tahun 1985 yang mana 3 orang pemegang telah berkongsi menerima hadiah tersebut.

Selain daripada itu, ahli-ahli sains dan teknologi yang telah memberi sumbangan besar kepada kemajuan sains dan teknologi di negara ini juga dicalonkan untuk penganugerahan darjah-darjah kebesaran dan pingat-pingat sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

### JALAN RAYA BERA-PEKAN—PEMBINAAN

**63. Tuan Muhamad bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah menyatakan iaitu bilakah Kerajaan akan melaksanakan pembinaan jalan raya melalui beberapa buah kampung daripada Bera ke Pekan iaitu sepanjang pinggir Sungai Pahang di dalam kawasan DARA.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Projek pembinaan jalan raya daripada Bera ke Pekan sepanjang pinggir Sungai Pahang telah pun diluluskan bagi pelaksanaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke 5.

Projek ini dianggarkan menelan belanja sebanyak \$62 juta. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke 5 hanyalah sebanyak \$15.2 juta.

Berikutan dengan keadaan kemelesetan ekonomi negara, keutamaan projek pembangunan DARA terpaksa dikaji semula dan projek jalan raya daripada Bera ke Pekan ini terpaksa ditangguhkan.

#### PERJANJIAN PERKHIDMATAN UDARA MALAYSIA- SINGAPURA

**64. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar bahawa Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sedang menyemak semula Perjanjian Perkhidmatan Udara dengan Singapura. Jika ada, apakah tujuan utama semakan ini dan dalam cara apakah ia akan memberi faedah kepada Malaysia, terutamanya dari sudut pandangan galakan pelancongan dan menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Ingin saya memaklumkan terlebih dahulu bahawa Perjanjian Udara itu adalah merupakan perjanjian yang diadakan di peringkat Kerajaan. Memandangkan itu segala usaha berkaitan dengan penyemakan semula perjanjian itu adalah dibuat di peringkat Kerajaan khususnya oleh Kementerian saya dan bukannya oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Dalam hal ini sukalah saya memaklumkan bahawa adalah memang menjadi amalan Kementerian Pengangkutan untuk sentiasa mengulangkaji dan mengemaskini Perjanjian-perjanjian Udara dengan negara-negara asing dari semasa ke semasa bagi menentukan perbekalan-perbekalan di bawah Perjanjian-perjanjian tersebut dapat memenuhi

kerperluan negara dari segi menggalakkan perkembangan rangkaian MAS dan juga peningkatan industri pelancongan negara.

Berhubung dengan ini ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang pun mengkaji implikasi-implikasi berkaitan dengan cadangan untuk mengkaji semula Perjanjian Udara Malaysia/Singapura. Kajian ini akan meliputi semula aspek termasuk dari segi penggalakan industri pelancongan negara. Saya tidak dapat memberi maklumat yang lebih terperinci pada masa sekarang oleh kerana kajian tersebut masih dijalankan.

#### KERETA PROTON SAGA— JUALAN

**65. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan kereta Proton Saga yang dikeluarkan dan dijual untuk tahun-tahun 1985, 1986 dan sehingga 28-2-1987;
- (b) apakah kejayaan yang telah dicapai baru-baru ini berikutan pelancaran eksport antara-bangsa dengan memberikan butir-butir tentang bilangan Proton Saga yang dipesan dan oleh mana negara;
- (c) kemungkinan menukarkan Proton Saga menjadi satu projek Asean.

#### **Tuan Kasitah Gaddam:**

- (a) Bilangan kereta Proton Saga yang telah dikeluarkan tidak dapat diumumkan oleh kerana ianya adalah maklumat rahsia syarikat. Walau bagaimanapun maklumat mengenai kedudukan jualan Proton Saga sehingga

31hb Januari, 1987 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Unit Dijual</i>
1985.. .. .	7,494 buah
1986.. .. .	24,041
1987.. .. .	567

- (b) Malaysia mempunyai harapan yang tinggi agar Proton Saga berjaya menembusi pasaran eksport supaya keupayaan pengeluaran kilangnya dapat digunakan sepenuhnya. Pencapaian ini adalah penting bukan sahaja untuk menjamin dayamaju Proton Saga, bahkan juga untuk memperkukuhkan pertumbuhan industri-industri sampingan.

Setakat ini empat buah negara telah membuat pesanan positif iaitu Bangladesh, New Zealand, Brunei darulssalam dan Malta seperti berikut:

New Zealand	—	167 buah
Bangladesh	—	51
Malta	—	40
Brunei Darulssalam	—	25

Hakikat ini bagaimanapun tidak mencerminkan potensi pasaran eksport sebenarnya. Pada masa ini Proton juga sedang mengambil langkah-langkah tertentu bagi membolehkannya mengeksport ke Amerika Syarikat dalam tahun 1988. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu menggalakkan eksport kereta Proton Saga di pasaran luar negeri. Di antaranya ialah:

- (i) meminta Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri menjalankan kajian pasaran ke atas permintaan kepada kereta Proton Saga;

- (ii) menyalurkan pertanyaan perdagangan dari luar negeri mengenai kereta Proton Saga kepada Proton untuk tindakan susulan; dan

- (iii) mengatur pertemuan dan lawatan pembeli dari luar negeri yang melawat Malaysia mengadakan perbincangan dengan Proton.

Proton Saga telah dipamerkan di pameran perdagangan di luar negeri seperti di Expo "86 Vancouver, Canada pada 2 Mei—13 Oktober, 1986 dan di Dallas pada 9-13 Februari, 1987. Sambutan yang diterima dari pengunjung pameran-pameran tersebut adalah menggalakkan.

- (c) Setakat ini belum ada sebarang rancangan untuk menjadikan Proton Saga sebagai satu projek ASEAN.

#### RISDA/FELCRA—PENYATUAN PENTADBIRAN

**66. Dato' Dr Afffuddin bin Haji Omar** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat ini apakah kemajuan di dalam usaha menyatukan pentadbiran RISDA, FELCRA di dalam jangkauan Kementerian berapa banyakkah penyelamatan perbelanjaan boleh dicapai dengan penyatuan ini melalui pembasmian jawatan-jawatan dan aktiviti-aktiviti yang bertindih; dan apakah usaha-usaha sebegini sudah dirancang untuk penyatuan LKW-LKW seperti KEDA dan PERDA.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Cadangan mengenai penyatuan RISDA dan FELCRA sebenarnya sedang difikirkan oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan

Wilayah (KKTKW). Cadangan ini juga adalah didapati selaras dengan dasar Kerajaan supaya agensi-agensi yang mempunyai pertindihan fungsi disatukan bagi menjimatkan kos pengurusan. Dalam menimbangkan isu penyatuan ini, KKTKW bukan sahaja melihat dari segi penyelarasan aktiviti-aktiviti kedua-dua agensi tersebut tetapi KKTKW juga memberi perhatian kepada objektif penubuhan kedua-dua agensi ini di mana penubuhan RISDA adalah bertujuan untuk membangunkan pekebun-pekebun kecil getah dengan menggunakan wang ses yang dikutip melalui kuatkuasa undang-undang. Manakala FELCRA pula adalah bertanggungjawab kepada menyatukan, memulih dan memajukan tanah-tanah yang terbiar dan penyusunan semula kampung-kampung tradisi mengikut konsep hala cara baru Kerajaan. Di samping itu, KKTKW juga terpaksa meneliti undang-undang tubuh kedua-dua agensi ini dari segi implikasinya jika kedua-dua agensi tersebut disatukan. Setakat ini KKTKW masih lagi belum membuat keputusan sama ada untuk menyatukan ataupun tidak kedua-dua agensi tersebut. Oleh itu terlalu awal bagi KKTKW untuk menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan yang dijangka dapat diselamatkan dengan penyatuan kedua-dua agensi ini.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat sama ada usaha-usaha telah dirancang untuk penyatuan LKW-LKW seperti KEDA dan PERDA sukalah saya memaklumkan di sini bahawa KKTKW juga memerhatikan agensi-agensi lain yang berkemungkinan untuk disatukan seperti DARA dan JENGKA. Manakala bagi menyatukan PERDA dan KEDA pula harus difikirkan juga masalah yang wujud kerana kedua-dua agensi ini berada dalam negeri yang berlainan iaitu KEDA di Negeri Kedah dan PERDA di Pulau Pinang.

## PENULISAN KEBANGSAAN

**67. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan usaha Kementeriannya memperluaskan bidang senibudaya penulisan kebangsaan bukan sahaja kepada satu-satu kaum tetapi kepada semua kaum sebagai menjayakan usaha-usaha perpaduan kaum.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Kegiatan penulisan Kebangsaan sama ada dalam bidang bahasa ataupun kesusasteraan adalah terbuka seluas-luasnya kepada semua orang tanpa mengira kaum. Sesiapa sahaja yang berminat boleh menyertainya baik secara bersendirian atau melalui badan-badan penulis. Semua pihak adalah digalakkan menyertai kursus-kursus, bengkel, pertemuan-pertemuan dan juga sayembara atau peraduan yang hampir sepanjang masa dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu. Apa yang penting dalam hubungan ini adalah dayausaha masing-masing untuk melibatkan dirinya. Soal sama ada tulisan seseorang itu tersiar dalam akhbar atau majalah dan soal kejayaan di dalam sesuatu pertandingan itu adalah soal lain yang melibatkan mutu dan kandungan sesuatu hasil karya mengikut keputusan para hakimnya.

## JALAN RAYA TANDEK-PITAS/KUDAT-PINANGSOO

**68. Tuan Joe Ojhi Supiring** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah jalan raya daripada Tandek ke Pitas dan daripada Airport Kudat ke Pinangsoon Rood akan dibubuh tar (sealed).

**Dato S. Samy Vellu:** Kerajaan belum ada cadangan untuk menaikkan taraf jalan-jalan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

## ISU KEMASUKAN SABAH

**69. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa bersabit dengan isu 20 perkara kemasukan Sabah dalam Malaysia yang telah ditimbulkan oleh pihak-pihak yang tertentu baru-baru ini apakah tindakbalas Kerajaan Pusat dalam hal ini. Sebilangan besar rakyat Sabah kurang atau tidak mengetahui langsung 20 perkara itu baik sebelum atau sesudah Sabah menyertai Malaysia disebabkan kurang atau tidak ada maklumat yang disediakan untuk pengetahuan rakyat Sabah. Bersabit dengan dakwaan bahawa Kerajaan Pusat tidak mematuhi 20 perkara itu adakah Kerajaan Pusat bercadang hendak mengkaji semula 20 perkara itu dan jika terdapat ketidak seimbangan dalam 20 perkara itu apakah tindakan Kerajaan Pusat untuk membetulkan perkara ini.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Sebenarnya isu 20 perkara kemasukan Sabah ke dalam Malaysia itu hanya dibangkitkan melalui akhbar-akhbar bukan secara rasmi. Oleh itu, Kerajaan tidak dapat mengambil apa-apa tindakan.

## JALAN TANAH MERAH

**70. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilakah jalan tanah merah sejauh 8 batu dari Bukit Bertam ke Sungai Bayur, Selama termasuk jalan Kuala Sungai Rambutan ke Rantau Panjang akan ditarkan, kerana ini menyusahkan berpuluh-puluh ribu penduduk pada musim hujan dan kemarau.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Masalah jalan berdebu dan becak lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan luar bandar telah banyak kali dibawa ke perhatian Dewan yang mulia ini. Suka saya tegaskan bahawa Kerajaan memang menyedari akan kesulitan

yang terpaksa dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar hasil dari keadaan jalan yang kurang sempurna itu.

Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa Kerajaan dari masa ke semasa mengambil tindakan untuk mempertingkatkan keadaan jalan-jalan di luar bandar umpamanya dari jalan-jalan tanah ke jalan tanah merah dan seterusnya ke jalan-jalan tar.

Walau bagaimanapun usaha Kerajaan bagi mengetarkan semua jalan-jalan di luar bandar tidak boleh dilaksanakan sekaligus dalam masa yang singkat oleh kerana ia bergantung kepada kemampuan kewangan negeri. Oleh hal yang demikian usaha itu terpaksa dilaksanakan berperingkat dari masa ke semasa, sesuai dengan kemampuan kewangan yang ada.

## HOSPITAL DAERAH SELAMA

**71. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Hospital Daerah Selama akan didirikan memandangkan penduduk-penduduk di kawasan Larut makin bertambah dan sangat sukar bagi penduduk-penduduk di situ pergi ke Hospital Kulim atau Taiping. Keputusan Kerajaan mendirikan hospital itu sudah sekian lama, kenapakah ianya tergendala begitu lama dan beri penjelasan dan sebab-sebab kelewatannya.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Mengikut jadual, Hospital Daerah Selama akan mula dibina pada pertengahan bulan Jun 1987.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan hospital ini telah terlewat, antara lain disebabkan oleh 3 faktor iaitu:

- (i) Bantahan yang dihadapi dalam proses memperolehi tanah dari

tuan-tuan punya tanah yang mengakibatkan Kementerian Kesihatan mencari tapak-tapak yang lain.

- (ii) Perubahan skop asal projek ini untuk mengadakan rekabentuk kerja yang baru yang serba lengkap yang memerlukan tindakan-tindakan dari beberapa agensi Kerajaan yang lain.
- (iii) Kedudukan kewangan pada masa itu tidak mengizinkan projek ini dilaksanakan terlebih awal.

**PUSAT PERKHIDMATAN—  
BANTUAN KEPADA WANITA/  
KANAK-KANAK MALANG**

**72. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) sama ada beliau akan memberi pertimbangan kepada perubahan pusat perkhidmatan yang lebih banyak untuk wanita-wanita dan kanak-kanak yang malang; dan
- (b) sama ada beliau akan memberi pertimbangan untuk menambahkan lagi bantuan kepada pusat perkhidmatan yang sudah ujud.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:**

- (a) Kementerian Kebajikan Masyarakat berpendapat bahawa pusat-pusat perkhidmatan yang telah pun disediakan bagi membantu wanita dan gadis dan kanak-kanak malang adalah mencukupi buat masa kini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian

Kebajikan Masyarakat mempunyai 6 buah institusi bagi penempatan wanita dan gadis iaitu 4 buah di Semenanjung Malaysia, sebuah di Sabah dan sebuah lagi di Sarawak. Kesemua institusi ini boleh menampung seramai 780 orang penghuni.

Bagi golongan kanak-kanak pula, Kementerian Kebajikan Masyarakat mempunyai sebanyak 6 buah Rumah Kanak-kanak yang boleh menampung seramai 600 orang penghuni.

Selain dari kemudahan institusi, Kementerian juga memberi perkhidmatan yang lain seperti khidmat rundingcara, bimbingan dan bantuan kewangan kepada kedua-dua golongan berkenaan.

- (b) Memandangkan keadaan kewangan Kerajaan sekarang, Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak dapat menambahkan lagi apa-apa bantuan secara umum. Bantuan tambahan akan dipertimbangkan cuma bagi kemudahan-kemudahan yang penting.

**KERETA PROTON SAGA—  
PASARAN/JUALAN**

**73. Tuan Mutang Tagal** minta Perdana Menteri menyatakan sejak kereta Proton Saga mulai dijual berapa unit kereta tersebut telah pun dijual oleh Edaran Otomobil Nasional (EON) di dalam dan di luar negeri. Mengikut surat Perjanjian di antara Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) dan EON, berapa unit harus dibeli dan dijual oleh EON dari PROTON pada tiap-tiap tahun. Adakah jumlah Proton Saga yang dijual oleh EON mengikut apa yang dipersetujui di dalam kontrak pemasaran. Jika tidak, mengapa. Jika

EON tidak dapat menjual kereta mengikut perjanjian, adakah Kerajaan bercadang supaya Syarikat lain diberi peluang untuk mengambil alih sebahagian hak monopoli penjualan Proton Saga dari EON.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Untuk makluman Yang Berhormat, EON hanya menjalankan usaha-usaha pemasaran dan penjualan kereta Proton Saga di dalam negeri sahaja. Jualan Proton Saga ke luar negeri dilakukan oleh PROTON. Jumlah kereta yang telah dijual sehingga 31 Januari 1987 adalah seperti berikut:

<i>Dalam Negeri</i> <i>(oleh EON)</i>	<i>Luar Negeri</i> <i>(oleh PROTON)</i>
32,102 buah	283 buah

Menurut perjanjian di antara PROTON dan EON, jumlah unit kereta yang dipasarkan oleh setiap pihak bagi mana-mana tahun akan ditentukan melalui rundingan dengan mengambilkira faktor-faktor keadaan ekonomi semasa, pasaran dan juga harga kereta. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan simpanan stok kereta yang tinggi dan meningkatkan kos operasi.

Sehingga kini, jumlah kereta Proton Saga yang dijual oleh EON adalah selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui.

Pihak PROTON dan EON sentiasa berusaha meningkatkan jualan kereta nasional melalui sistem pemasaran agresif. Untuk itu, hanya satu pengedar sahaja dilantik dalam satu kawasan pasaran. Jika lebih dari satu pengedar dilantik dalam satu kawasan pasaran, keadaan pemasaran akan menjadi tidak teratur dan mengelirukan pembeli. Langkah ini adalah selaras dengan amalan industri kereta motor semasa. Oleh demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk melantik sebuah syarikat lain sebagai pengedar kereta Proton Saga.

## KEMPEN MINUM AIR KELAPA MUDA

**74. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Pertanian menyatakan berkaitan dengan kempen minum air kelapa muda yang telah beliau sarankan setakat ini, apakah kempen itu mendapat kejayaan; apakah sambutan orang ramai terhadap kempen minum air kelapa muda dan apakah akibat kepada hasil keluaran kelapa kering dari negara kita ini.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kempen galakan penggunaan kelapa muda telah dilancarkan pada 27hb September, 1986. Dalam tempoh enam bulan daripada pelaksanaan kempen ini, penglibatan agensi-agensi sama ada di sektor awam dan swasta sangatlah menggalakkan. Agensi-agensi yang terlibat adalah seperti, FAMA, MARDI, Jabatan Pertanian, LPP, KEMAS serta mendapat publisiti yang meluas daripada media massa seperti RTM, akhbar-akhbar harian dan juga sokongan sepenuhnya daripada pihak hotel-hotel terkemuka di sekitar Kuala Lumpur.

Di dalam mengukur kekesanannya pelaksanaan kempen ini, FAMA telah menjalankan satu kajian di sekitar Lembah Klang pada bulan Disember, 1986. Maklumbalas yang diterima daripada kajian ini menunjukkan kejayaan yang sangat memuaskan terutamanya dari segi pertambahan bilangan gerai penjual-penjual air kelapa muda dan juga dari segi penambahan kadar penggunaan dan jualan air kelapa muda.

Di sekitar Lembah Klang sahaja adalah didapati bilangan gerai yang menjual air kelapa muda telah meningkat daripada 59 buah sebelum kempen kepada 70 buah gerai iaitu pertambahan sebanyak 18.6 peratus. Ini tidak termasuk beberapa hotel-hotel antarabangsa, restoran dan kelab-kelab yang menyediakan air

kelapa muda kepada pelanggan-pelanggan yang datang.

Sebelum kempen ini, purata belian kelapa muda oleh sesebuah gerai ialah 952 biji sebulan. Buat masa kini, purata belian telah meningkat kepada 1,102 biji sebulan atau pertambahan sebanyak 15.7%. Pasaran di sekitar Lembah Klang sahaja dianggarkan 56,168 biji sebulan sebelum kempen dan telah meningkat kepada 77,140 biji sebulan. Ini adalah pertambahan sebanyak 37%.

Sambutan daripada orang ramai terhadap kempen ini juga dilaporkan begitu menggalakkan. Mengikut responden-responden penjual, mereka melaporkan bahawa jualan air kelapa muda setiap hari telah meningkat daripada purata 66 gelas sebelum kempen kepada 78 gelas selepas kempen. Ini adalah merupakan pertambahan sebanyak 17.5%.

Dari segi kekesanan kempen ini kepada harga kelapa biji tua, pada 26hb September, (iaitu sebelum pelancaran kempen) harga kelapa biji tua yang tidak di gred di Bagan Datoh dan Kuala Selangor hanya 9 sen sebiji. Pada 10hb Februari, harga biji tua di kedua tempat telah meningkat kepada 15 sen sebiji.

Kejayaan kempen ini memang mempunyai implikasi terhadap keluaran kelapa kering dalam masa yang akan datang kerana dengan kelapa muda digunakan keluaran kelapa biji tua untuk kelapa kering akan berkurang dan ini seterusnya akan meningkatkan harga kelapa tua tersebut.

#### **KAKITANGAN PENJARA/ POLIS—KAWALAN/DISIPLIN**

**75. Tuan Mohamed bin Jamrah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada prosedur, kawalan pengawasan dan disiplin jabatan serta

kakitangan Penjara dan Polis perlu diulangkaji memandangkan kejadian seperti peristiwa Penjara Pudu, Kuantan, Melaka dan penembakan kakitangan polis oleh anggotanya sendiri di Sabah dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kejadian seperti itu dapat dikawal di masa akan datang.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Polis dan Penjara mempunyai peraturan-peraturan yang lengkap selaras dengan undang-undang mengenai apa jua perkara termasuk tatacara mengawal dan disiplin anggota-anggotanya. Tindakan tegas akan diambil ke atas mereka yang engkar kepada peraturan yang ditetapkan. Kajian dan pindaan ke atas peraturan-peraturan tersebut akan dibuat jika keadaan memerlukan dan apabila dikenalpasti bahawa kejadian kejadian yang tidak diingini berlaku disebabkan oleh kelemahan peraturan yang sedia ada. Langkah-langkah perlu juga diambil dari semasa ke semasa berasaskan kepada faktor-faktor dan sebab-sebab yang dapat dikenalpasti terhadap sesuatu kes yang berlaku bagi menjamin ianya tidak berulang lagi.

#### **GURU SANDARAN TANPA LATIHAN**

**76. Tuan Mohamed bin Jamrah** minta Menteri Pelajaran menyatakan perkara-perkara berikut iaitu dengan pengenalan sistem KBSR semua guru terlatih (iaitu lulusan Maktab Perguruan) dimestikan menjalani kursus cara-cara mengajar dalam sistem KBSR, tetapi mengapakah ramai guru-guru sandaran yang tidak terlatih dan tidak menjalani kursus KBSR ditempatkan di sekolah-sekolah khasnya di luar bandar. Bidang apakah yang mereka boleh mengajar dan adakah benar mereka lebih merupakan beban (liability) daripada sebaliknya.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru sandaran tanpa latihan bukan sahaja terdapat di sekolah-sekolah di luar bandar tetapi juga di sekolah-sekolah bandar yang kekurangan guru terlatih. Kementerian ini menyedari bahawa terdapat kelas-kelas KBSR yang diajar oleh guru-guru sandaran tanpa latihan.

Ini adalah kerana:

- (a) Pelaksanaan penuh KBSR sudah sampai ke Tahun 5 dan kelas percubaan di Tahun 6. Di setengah-setengah sekolah, guru-guru sandaran tanpa latihan terpaksa digunakan untuk mengajar kelas-kelas KBSR kerana guru-guru terlatih yang ada tidak mencukupi untuk mengajar kelas-kelas tersebut kecuali dengan menambahkan lagi beban mengajar mereka.
- (b) Sekolah rendah secara keseluruhannya masih menghadapi kekurangan guru terlatih.

Walau bagaimanapun usaha-usaha telah dijalankan untuk memastikan bahawa guru-guru sandaran tanpa latihan boleh mengajar di kelas-kelas KBSR supaya tidak menjadi beban (liability) seperti yang dinyatakan, dengan cara:

- (a) Memberi pendedahan mengenai konsep, kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran KBSR sebelum mereka ditugaskan mengajar di kelas-kelas KBSR.
- (b) Memberi kursus bimbingan dari masa ke masa seperti di hujung minggu dan masa cuti penggal.
- (c) Menjalankan penyeliaan yang rapi dan berterusan dengan tujuan mengawas dan memberi panduan.

## NELAYAN DI MUSIM TENGGUJUH

**77. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah usaha-usaha telah dibuat bagi memastikan nelayan-nelayan pantai timur dapat juga menimba hasil laut atau mencari rezeki yang lain di musim tengkujuh.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Usaha-usaha telah dibuat bagi memastikan nelayan-nelayan pantai timur dapat juga ke laut atau mencari rezeki yang lain di musim tengkujuh, iaitu:

- (a) Menggalakkan pembangunan perikanan laut dalam supaya mereka dapat berusaha sepanjang tahun melalui skim pinjaman untuk memiliki bot lebih besar.
- (b) Menggalakkan penglibatan dalam kerja-kerja lain seperti ternakair, pertanian berasaskan tanaman dan buruh am.
- (c) Membenarkan bot-bot tradisi di bawah 25GRT untuk mengusahakan pukut tunda di kawasan pantai dalam musim tengkujuh.

## HASIL BARANG-BARANG MAKANAN

**78. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memastikan penghasilan beras, daging, sayur dan buah-buahan oleh rakyat negara ini mencukupi untuk keperluan negara. Apakah langkah-langkah Kementerian Pertanian supaya Malaysia juga menjadi pengekspor bahan-bahan tersebut dan bukannya pengimport.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Untuk memastikan penghasilan

barang-barang makanan seperti beras, daging, sayur dan buah-buahan oleh petani-petani tempatan mencukupi untuk keperluan negara, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Menggalakkan petani-petani dan pengusaha swasta memperluas dan meningkatkan hasil pengeluaran pertanian mereka menerusi perusahaan secara kelompok atau komersial dengan menggunakan kaedah-kaedah pengeluaran yang cekap, penggunaan teknologi moden dan amalan perladangan yang sempurna.
- (ii) Sebagai sokongan kepada usaha-usaha petani ini Kerajaan menyediakan beberapa khidmat sokongan yang kebanyakannya diberi secara percuma. Ini termasuklah kemudahan infrastruktur, khidmat nasihat dan pengembangan, subsidi pengeluaran dan harga, kredit dan kejenteraan. Di samping itu khidmat pemasaran juga disediakan bagi memudahkan petani-petani memasarkan hasil keluaran mereka dengan harga berpatutan menerusi pasar-pasar tani yang telah pun diwujudkan di kebanyakan negeri. Pasaran bagi hasil-hasil pertanian di luar negeri juga sedang diperluaskan.
- (iii) Untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam keluaran barang-barang makanan bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan eksport Kerajaan telah menyediakan beberapa bentuk galakan dan insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk menjadikan pelaburan di

bidang pertanian sama menarik dan menguntungkan dengan pelaburan-pelaburan di bidang perniagaan yang lain. Insentif-insentif yang dimaksudkan termasuklah taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pertanian, galakan untuk penyelidikan dan pengembangan dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu Kerajaan juga sedang giat melaksanakan pelan pengeluaran barang-barang makanan yang meliputi pengeluaran perikanan laut dan ternakair, daging lembu dan daging biri-biri serta 6 jenis tanaman yang ketika ini banyak diimport. Pelan pengeluaran ini akan dijayakan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan negeri dan penyertaan sektor swasta untuk menjadikan Malaysia negara yang boleh mengeksport barang-barang ini di masa-masa yang akan datang. Jenis-jenis tanaman yang dimaksudkan ialah buah-buahan, kopi, kobis bulat dan asparagus, jagung bijiran dan kacang tanah.

### PERHENTIAN BAS

**79. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah beliau sedar bahawa tidak ada terdapat perhentian bas dan tanda-tanda isyarat jalan raya yang tertentu di sepanjang jalan raya Tawau—Semporna. Jika ya, bolehkah beliau menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan tersebut dimulakan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tempat-tempat perhentian bas di jalan raya Tawau—Semporna hanya disediakan sehingga 4½ batu daripada bandar Tawau dan, tidak disediakan di sepanjang jalan kerana lalulintas di jalan itu tidak begitu sibuk, dan penumpang-penumpang bas boleh diturunkan di sepanjang jalan raya tersebut.

Mengenai tanda-tanda isyarat, suka saya nyatakan perkara ini sedang dilaksanakan.

### KENDERAAN LAND CRUISER STATION WAGON—LESEN

**80. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan atau niat untuk menghapuskan surat kebenaran (Permit) untuk kereta jenis "Land Cruiser Station Wagon" kerana di Sabah, Cukai Jalan (road Tax) bagi kereta tersebut yang mempunyai "permit" dikenakan bayaran sebanyak \$456.00 manakala yang tidak mempunyai "permit" dikenakan bayaran sebanyak \$5,420.20. Kalau tidak, apakah langkah-langkah lain yang akan diambil, untuk menyediakan keadilan kepada pengguna.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai kuasa untuk menghapuskan lesen-lesen perdagangan (permit) bagi kenderaan-kenderaan motor berjenis "Land Cruiser Station Wagon" di Sabah oleh kerana lesen-lesen tersebut adalah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sabah yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Awam.

Kadar lesen kenderaan motor atau "cukai jalan" yang dikenakan ke atas semua jenis kenderaan motor yang digunakan sebagai kenderaan persendirian, sama ada secara individu dan syarikat termasuk "Land Cruiser Station Wagon", memang lebih tinggi daripada kenderaan-kenderaan motor jenis yang sama yang digunakan sebagai kenderaan perdagangan (kenderaan barang-barang dan kenderaan perkhidmatan awam). Keadaan ini mencerminkan dasar Kerajaan untuk menggalakkan

penggunaan kenderaan-kenderaan seumpama sebagai kenderaan perdagangan demi kepentingan orang ramai dengan dikenakan kadar lesen kenderaan motor yang rendah berbanding dengan kegunaan persendirian, di mana bagi sesebuah kenderaan barang-barang adalah dikira berasaskan berat dengan muatannya, manakala kadar bagi sesebuah kenderaan persendirian adalah dikira berasaskan kuasa enjinnya.

Sebagai contoh, jumlah bayaran lesen kenderaan motor yang dikenakan ke atas sebuah "Land Cruiser Station Wagon" seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat berenjin diesel dengan kuasa kuda 3,432 c.c. dan jika didaftar sebagai kenderaan syarikat dikenakan lesen kenderaan motor lebihkurang \$5,500 setahun. Kenderaan yang sama di Semenanjung Malaysia akan dikenakan lesen kenderaan motor lebih kurang \$10,000 setahun. Kadar-kadar ini telah pun dilaksanakan sebelum Ordinan Lalulintas Jalan 1958 diperluaskan di Sabah mulai pada 12 April 1984.

Walau bagaimanapun Kementerian Pengangkutan sedang berusaha untuk mengkaji semula kadar-kadar lesen kenderaan motor di ketiga-tiga kawasan Semenanjung, Sabah dan Sarawak supaya diselaraskan untuk menggambarkan sebuah negara bersepadu dan serentak dengan itu mengambilkira keadaan tempatan tiap-tiap kawasan.

### TEBING SUNGAI GOLOK— PEMBINAAN BENTENG

**81. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar bahawa akibat dari "Projek Benteng" yang dibina oleh Kerajaan Thai di sebelah Sungai Golok kawasan Pasir Mas dan Rantau

Panjang sering dilanda banjir bila hujan lebat. Ini adalah disebabkan air dari tebing Sungai Golok melimpah masuk ke kawasan Pasir Mas dan Rantau Panjang; dan

- (b) apakah langkah yang patut diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah ini kerana ianya amat merbahaya dan sentiasa menyusahkan rakyat setiap tahun.

**Perdana Menteri:**

- (a) Kerajaan sedar bahawa benteng telah dibina di sebelah Thai berhampiran dengan tebing Sungai Golok. Kesan-kesan pembinaan benteng tersebut kepada keadaan banjir di kawasan Pasir Mas dan Rantau Panjang tersebut itu telah dikaji dan didapati kenaikan air banjir akibat pembinaan benteng tersebut adalah "marginal" atau sedikit sahaja.
- (b) Langkah yang patut diambil untuk mengatasi masalah banjir ini ialah dengan membina benteng di sebelah tebing kanan Sungai Golok. Benteng ini akan bermula dari kuala Sungai Golok hingga ke muara Sungai Golok/Sungai Lemal.

**PETANI SISWAZAH**

**82. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana berjayanya Skim Siswazah petani. Apakah masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaannya dan bagaimanakah cara mengatasinya.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Sambutan daripada siswazah ke atas program Petani Siswazah setakat ini amatlah menggalakkan. Seramai lebih daripada 700 siswazah telah mendaftar diri dengan Unit Pelaburan dan

Penswastaaan di Kementerian yang berfungsi sebagai Pusat Sumber kepada program ini. Daripada bilangan pendaftaran tersebut perbincangan dan penulisan yang dimuatkan di dalam media massa dewasa ini menunjukkan bahawa orang ramai menyambut baik langkah Kerajaan mewujudkan program Petani Siswazah ini. Program Petani Siswazah ini merupakan rancangan Kerajaan untuk mewujudkan satu golongan petani moden yang akan menjadi penggerak utama memodenkan sektor pertanian dengan mengubah corak dan amalan pengeluaran dan pengurusan pertanian dan mengambil alih secara beransur-ansur kegiatan pertanian yang selama ini diusahakan oleh petani tradisional. Setakat ini seramai 20 orang siswazah di samping ramai lagi belia-belia yang telah menyahut seruan Kerajaan dan menjalankan projek-projek pertanian di bawah pendekatan program Petani Siswazah.

Antara masalah utama yang dihadapi di dalam pelaksanaan program ini ialah mendapatkan tanah yang sesuai untuk diusahakan oleh siswazah yang berminat. Di samping itu, siswazah-siswazah ini juga tidak mempunyai pengalaman amali pengurusan dan penyelenggaraan projek dan sumber kewangan untuk mengendalikan projek secara besar-besaran. Untuk mengatasi masalah tanah, Kementerian dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah telah mengenalpasti tanah yang sesuai untuk diserahkan kepada siswazah untuk diusahakan dengan tanaman-tanaman jangka pendek yang menguntungkan. Di samping itu Kementerian juga telah mengarahkan Lembaga Pertubuhan Peladang mengesan tuan-tuan tanah sawah terbiar yang sanggup menyerahkan tanah mereka untuk diusahakan oleh siswazah. Setakat ini sebanyak lebih daripada 17,000 hektar tanah telah dikenalpasti. Bank Pertanian Malaysia menyediakan

kemudahan pinjaman khas dan syarat-syarat pinjaman yang longgar untuk membantu pengusaha siswazah mengatasi masalah pembiayaan projek.

### **CUTI DI LUAR NEGERI— MENTERI/TIMBALAN**

**83. Dr Eng Seng Chai** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Menteri dan isteri mereka, yang mengambil dan menikmati cuti mereka di luar negara Malaysia pada tahun 1985 dan 1986; dan berikan jumlah perbelanjaan dan elaun mereka yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Maklumat-maklumat yang dikehendaki itu sedang dikumpul dan ia mengambil masa yang panjang untuk disediakan, oleh itu saya akan memberi jawapan secara bertulis selepas semua maklumat tersebut terkumpul dari agensi-agensi yang berkenaan.

### **ELAUN PERUMAHAN GURU**

**84. Tuan Tieu Sung Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada guru-guru terlatih dari Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung telah diberi elaun perumahan sebagai yang diberikan kepada guru-guru terlatih dari Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak. Jika belum, bila.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga sekarang ini, guru-guru terlatih dari Sabah dan Sarawak, yang berkhidmat di Semenanjung, belum lagi diberikan elaun subsidi perumahan. Ini adalah kerana perkara tersebut sedang dikaji oleh pihak-pihak yang berkenaan.

### **KAD PENGENALAN MERAH—KENYATAAN KEDUTAAN INDONESIA**

**85. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

sama ada beliau sedar atau tidak bahawa Kedutaan Indonesia telah mendedahkan adanya ramai rakyat Indonesia memperoleh Kad Pengenalan Merah di Malaysia dan mereka mungkin akhirnya memperoleh Kad Pengenalan Biru. Sila nyatakan sebab-sebab dan syarat-syarat serta jumlah Kad Pengenalan Merah yang telah dikeluarkan. Se jauh manakah kejadian ini mempengaruhi keseimbangan politik di negara ini pada masa akan datang.

**Dato' Megat Jundi bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri sedar mengenai kenyataan akhbar yang dibuat oleh Atace Imigresen, Kedutaan Besar Republik Indonesia seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Sandakan. Pada masa-masa lalu, Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod pemegang-pemegang kad pengenalan warna merah mengikut negara asal mereka. Sekarang ini, tindakan sedang diambil untuk mengumpulkan maklumat ini.

Sepertimana yang saya pernah sebutkan dahulu, pemegang-pemegang kad pengenalan warna merah adalah terdiri dari orang-orang pelbagai bangsa dan negara-negara termasuk Indonesia.

Pemegang-pemegang kad pengenalan warna merah tidak berhak untuk mengundi dalam pilihanraya di Malaysia. Oleh yang demikian, kedudukan mereka tidak memberi kesan politik pada masa ini. Di masa hadapan, jika mereka berjaya menjadi warganegara Malaysia, mereka akan mempunyai hak untuk mengundi. Walau bagaimanapun, kesan di atas aliran politik pada masa itu bergantung kepada banyak faktor, termasuklah perkembangan politik dan corak mereka mengundi.

**BUKU SIMPULAN BAHASA  
KARANGAN ATAN LONG**

**86. Tuan P. Patto** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada buku Bahasa Malaysia untuk sekolah rendah yang dikarang oleh Atan Long yang menggunakan simpulan bahasa—lidah keling—telah ditarik balik dari penggunaan di sekolah-sekolah rendah, jika ya, bila dan jika tidak, mengapa; dan
- (b) sama ada beliau akan mengarahkan semua buku yang digunakan di sekolah-sekolah rendah dan menengah yang menggunakan perkataan-perkataan yang menghina, mencaci dan memperkecilkan satu-satu kaum di negara ini ditarik balik demi mengwujudkan perpaduan negara dan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buku Bahasa Malaysia karangan Atan Long yang dimaksudkan itu bukanlah merupakan buku yang diperakukan oleh Kementerian Pelajaran. Buku tersebut adalah salah satu daripada buku Bahasa Malaysia yang dijual di pasaran terbuka.

Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran telah pun mengarahkan penerbit berkenaan supaya mengeluarkan simpulan bahasa itu daripada buku tersebut. Edisi terbaru buku itu tidak lagi mengandungi simpulan bahasa tersebut.

- (b) Kementerian Pelajaran juga akan mengambil tindakan yang

sewajarnya sekiranya terdapat perkara-perkara yang sensitif dan tidak lagi bersesuaian mengenai sesuatu kaum atau agama di negara ini dalam buku-buku teks yang telah diperakukan.

**KAPAL PERONDA—SISTEM  
PERALATAN SENJATA**

**87. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertahanan memberi sebab-sebab dan butir-butir lanjut mengenai sistem peralatan Swedish yang rosak dan kurang mutu yang dipasang ke atas Vesel peronda pertama yang dibina di sini oleh Malaysia Shipyard and Engineering Sdn Bhd KD Marikh, dengan harga 50 juta, dan kos-kos tambahan yang akan ditanggung oleh Kerajaan dalam perkara ini.

**Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Adalah benar bahawa Syarikat Malaysia Shipyard and Engineering Sdn Bhd sedang membina kapal peronda untuk Kerajaan bagi tujuan memenuhi keperluan tugas-tugas pengawasan dan penguatkuasaan di persekitaran perairan Malaysia. Kapal ini telah dilengkapi dengan Sistem Kawalan Senjata 9LV 230 iaitu satu alat senjata yang merupakan peningkatan kepada sistem persenjataan yang telah sedia ada di kapal-kapal kita yang dibina dalam tahun-tahun 70an.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak akan mengambil alih kapal tersebut sehingga ianya dapat memenuhi segala keperluan spesifikasi yang ditetapkan dan ini termasuklah sistem peralatan senjata.

Mengenai kos-kos tambahan pula, Kerajaan tidak akan menanggung perbelanjaan tambahan, sebaliknya Kerajaan akan mengenakan tuntutan pampasan (liquidated damages)

sebanyak \$3,000,000.00 ke atas Syarikat Malaysia Shipyard and Engineering Sdn Bhd kerana kelewatan penyerahan kapal tersebut.

### PENDATANG HARAM VIETNAM

**88. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah pendatang-pendatang haram Vietnam yang masih ada di Kem-kem Tahanan Sementara/Negara Malaysia dan apakah rancangan bagi memindahkan kesemua mereka ke negara-negara lain dan di samping itu saya juga ingin bertanya berapakah jumlah kelahiran bayi-bayi daripada keluarga-keluarga di dalam Kem-kem tahanan Sementara dan jika kelahiran bayi-bayi tersebut di manakah pendaftaran dibuat dan apakah mereka ini dianggap sebagai kelahiran di dalam negara Malaysia.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sehingga 28 Februari, 1987 seramai 8,962 orang pendatang haram Vietnam masih berada di kem-kem penempatan sementara di Sungai Besi Pulau Bidong. Pihak Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi Orang-orang Pelarian (UNHCR) dan wakil-waki kedutaan negara-negara ketiga yang berada di Malaysia sentiasa berusaha untuk menguruskan pemindahan pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara mereka dari masa ke semasa. Jumlah bilangan pendatang haram Vietnam (PHV) yang dipindahkan ke negara ketiga semenjak tahun 1975 hingga bulan Februari 1987 ialah 207,276 orang. Jumlah kelahiran semenjak 1975 hingga 28 Februari 1987 ialah 3,210 orang. Kelahiran bayi-bayi ini adalah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Sungai Besi dan Kuala Terengganu berdasarkan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957. Mereka ini memang dianggap sebagai dilahirkan di dalam negara Malaysia akan tetapi mereka ini bukanlah

warganegara Malaysia berdasarkan Perlembagaan Malaysia.

### PELANCONG MALAYSIA KE HADYAI

**89. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa pelancong-pelancong Malaysia yang melawat Hadyai tertakluk kepada soalsiasat oleh pegawai polis apabila mereka pulang atas kegiatan-kegiatan mereka di Hadyai khasnya mereka-mereka yang telah mengambil bahagian dalam "target practice" sama ada dengan revolver atau rifel M 16 telah diambil gambar mereka. Sejak bilakah Kerajaan mengawasi mereka dan jumlah wang yang dibelanja setakat ini ke atas aktiviti ini.

**Dato Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum pernah mengenakan peraturan supaya pelancong-pelancong Malaysia yang pulang dari Hadyai khasnya yang telah mengambil bahagian dalam "target practice" disoalsiasat oleh pihak polis.

### KEBANGKRAPAN/ PENGGULUNGAN SYARIKAT

**90. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kehakiman menyatakan tentang peranan Jabatan Pemegang Harta dalam melaksanakan Undang-undang berkaitan dengan kebangkrapan dan penggulungan syarikat bagi tahun 1985/1986 serta menyatakan bilangan mereka yang terlibat dan jumlah harta yang dipungut.

**Dato' Oo Gin Sun:** Peranan Jabatan Pemegang Harta dalam melaksanakan undang-undang berkaitan dengan kebangkrapan dan penggulungan syarikat adalah seperti berikut:

#### (a) Hal-hal Kebangkrapan

Jabatan Pemegang Harta bertanggungjawab menghasilkan semua harta benda si

bangkrap, membahagikannya kepada si piutang-si piutang menghadkan aktiviti seseorang bangkrap, menjalankan penyiasatan tentang urusan dan hal ehwalnya serta mengambil tindakan pendakwaan terhadap seseorang bangkrap yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kebangkrapan.

(b) *Hal-hal Penggulangan Syarikat*

Dalam hal-hal Penggulangan Syarikat, Pemegang Harta adalah bertanggungjawab selaku Pelikuidasi yang dilantik oleh Mahkamah bagi menghasilkan segala harta syarikat, membahagikan kepada si piutang-si piutang, menjalankan penyiasatan tentang urusan dan hal ehwalnya serta mengambil tindakan pendakwaan terhadap pengarah-pengarah yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Syarikat. Pejabat Pemegang Harta juga mengawasi serta menyelia pelikuidasi-pelikuidasi luar untuk menentukan yang segala kehendak-kehendak undang-undang dipatuhi oleh mereka.

Bilangan mereka yang bangkrap serta jumlah harta yang dipungut adalah seperti berikut:

	<i>Orang</i>	<i>Nilai Harta</i>
1985 ..	1,888	\$15,498,590.59
1986 ..	2,406	\$4,371,319.54

(b) Bilangan syarikat-syarikat yang digulungkan secara terpaksa oleh Mahkamah serta jumlah harta yang dipungut adalah seperti berikut:

	<i>Syarikat</i>	<i>Nilai Harta</i>
1985 ..	169	\$ 691,591.06
1986 ..	233	\$ 1,383,067.57

## KEKERASAN POLIS TERHADAP PENDEPOSIT

91. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keganasan serta kekerasan telah dilakukan oleh Unit Pencegah Rusuhan terhadap pendeposit-pendeposit yang tidak berdosa di luar Bank Negara pada 6-1-1987 dan apakah tindakan yang akan diambil atau telah diambil terhadap laporan-laporan polis yang dibuat oleh Lim Hock Lee pada 6-1-1987 No. 149/87 di Balai Polis Sentul dan Mah Mun Kwong juga di Balai Polis Sentul pada 6-1-1987 No. 150/87.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Aduan polis mengenai laporan No. 149/87 dan 150/87 yang dibuat pada 6-1-1987 di Balai Polis Sentul sedang disiasat oleh pihak polis. Oleh yang demikian, saya tidak dapat membuat apa-apa kenyataan mengenai perkara tersebut.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986)

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1985

DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) dan Anggaran Pembangunan

Tambahan Ketiga, 1985 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1986 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" (*Hari Kedua*).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

*Maksud P.24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985)—*

*Maksud P.21, P.22, P.23 dan P.24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Pinji. Yang Berhormat ada 10 minit lagi mengikut apa yang dibuat keputusan pada petang semalam.

3.35 ptg.

**Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyambungkan ucapan saya tentang Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, apa saya menyebutkan semalam ialah berkenaan dengan satu badan belia di mana namanya Gerakan Belia Bersatu (GBB) Cawangan Kinta di Ipoh. Pada bulan yang lepas mereka telah menyewa Tepian Gelanggang di Jalan Seeni, Ipoh itu untuk menyambut Tahun Baru Cina. Mereka ingin mempersembahkan beberapa tarian termasuk tarian Melayu, tarian Cina, tarian India dan juga dalam tarian Singa. Tetapi pihak yang berkuasa menolak persembahan tarian Singa itu tanpa memberi apa-apa alasan. Perbuatan ini bukan hanya menghalang perkembangan kebudayaan orang-orang kaum Cina, tetapi juga menyebabkan satu perasaan yang tidak senang hati bagi

orang-orang kaum Cina oleh kerana tujuan untuk menyewa gelanggang itu untuk menjalankan satu aktiviti itu tidak kira siapa pun, apa aktiviti-aktiviti itu pun. Malangnya tarian Cina, tarian Melayu, tarian India, tarian Jepun boleh dijalankan. Ini akan menghindarkan kebudayaan kita di dalam Malaysia ini yang bercorak berbilang bangsa, berbilang agama dan berbilang kebudayaan.

Mengapa pihak yang mentadbir itu tekah berkali-kali membenarkan badan-badan seperti badan persatuan, badan kesatuan badan belia dan badan-badan sukarela, sekolah-sekolah termasuk Tadika pun boleh mengadakan aktiviti mereka termasuk tarian Singa dipersembahkan di atas pentas di dalam gelanggang ini? Mengapa kali ini mereka ditolak oleh pihak yang berkenaan? Apa alasan, saya tidak tahu.

Tuan Pengerusi, jikalau dikatakan penolakan itu berdasarkan dengan tarian Singa, ini tidak ada dalam kalangan kebudayaan Malaysia, maka mengapakah permainan judo, taekwondo dan juga saya sebut semalam itu sepak takraw pun boleh dimainkan dalam itu? Mengapa tarian Singa ini diasingkan, diketepikan?

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila duduk! Pada hari semalam, Tuan Pengerusi telah membuat keputusan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 67 (9) hendaklah tumpukan kepada butiran-butiran yang tertentu sahaja, bukannya perkara-perkara seperti tarian Singa oleh kerana ini adalah di luar daripada perkara yang dibincangkan. Itu dasar, tumpuan kepada apa yang dibelanjakan oleh Kementerian berkenaan sahaja. Telah dibuat keputusan semalam. Harap dipatuhi.

**Tuan Lau Dak Kee:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Perkara-perkara di

sini ialah jika pihak Polis boleh membenarkan Tarian Singa dimainkan di luar gelanggang mengapa dalam gelanggang itu tidak dibenarkan. Kalau pihak polis boleh benarkan Tarian Singa dimainkan di tempat-tempat awam kenapa dalam gelanggang itu dihadkan ataupun tidak dibenarkan.

Tuan Pengerusi, saya percaya polisi Kerajaan memangnya menggalakkan keindahan kebudayaan semua kaum akan dapat perkembangan di tanahair kita dan perbuatan daripada pihak yang berkenaan itu saya rasa memang telah menyelewengkan dasarnya daripada perbuatan yang mereka telah membuat itu.

Tuan Pengerusi, soalan di sini jikalau pihak yang berkenaan di satu-satu tempat atau di satu-satu tapian gelanggang di tiap-tiap negeri membuat keputusan masing-masing—di sebelah sini boleh diadakan Tarian Singa, di sebelah sana tidak dibenarkan—maka masyarakat seperti masyarakat Cina akan terkeliru dan mereka pun tidak tahu ke manakah mereka akan dapat dibenarkan oleh Kerajaan untuk mempermaikan Tarian Singa.

Tuan Pengerusi, saya dapat tahu daripada Menteri yang berkenaan dikatakan Menteriannya akan mewujudkan polisi-polisi Kerajaan di mana untuk menghormati orang tua, persefahaman antara satu dengan lain, jujur, ikhlas dan lain-lain termasuk amanah. Menolakkan persembahan permainan Tarian Singa itu adalah satu tanda menyelewengkan corak amanah. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu boleh memberikan satu jawapan yang tegas di mana saya harap Kerajaan akan membenarkan rakyat Malaysia termasuk semua golongan tidak kira Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain, biarkan kebudayaan mereka dapat dikembangkan

berdasarkan dengan perjuangan bagi mencintai Malaysia, menghormati Malaysia, taat setia kepada Malaysia. Kalau berdasarkan ketaat setiaan Malaysia mengapa tarian yang lain-lain itu tidak boleh dikembangkan?

Saya harap pihak yang berkenaan dapat memberikan satu jawapan yang baik dan yang akan menyenangkan perasaan-perasaan yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Muar.

*3.44 ptg.*

**Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan (Muar):** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian membahaskan Anggaran Belanjawan Pembangunan seperti yang termaktub dalam Maksud P.21—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, satu peruntukan sebanyak \$3,472,310 adalah diperlukan untuk kita bahaskan dalam Dewan ini. Peruntukan ini adalah mengikut Kepala-kepala yang telah disebutkan dan sebahagian besar dalam Kepala-kepala walaupun dengan peruntukan "token sum" sebanyak \$10 adalah merupakan satu peruntukan yang diperlukan untuk digunakan bagi Kompleks Sukan di peringkat-peringkat negeri ataupun daerah.

Peruntukan untuk menyediakan gelanggang-gelanggang sebagai kemudahan bersukan dan juga olahraga-olahraga adalah satu peruntukan yang bagus, yang perlu bagi melahirkan para belia untuk mencapai tahap kemajuan sukan sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun di peringkat antarabangsa.

Dalam proses kita untuk menyediakan para olahragawan dan olahragawati mencapai tahap kejayaan di peringkat kebangsaan mahu pun di peringkat antarabangsa, penyediaan kepada kemudahan tempat berlatih, gelanggang dan sebagainya adalah perlu sekali. Tidak ada makna bagi kita untuk mengharapkan para belia mencapai tahap kemajuan sukan kalau kita tidak memberikan kemudahan-kemudahan tempat mereka berlatih sama ada di peringkat sekolah mahu pun di peringkat belia.

Pada masa ini kita lihat bahawa kemudahan-kemudahan gelanggang berlatih di seluruh negara adalah sangat berkurangan sekali. Sebagai contoh dalam menyediakan tempat ataupun gelanggang-gelanggang renang, di seluruh negeri Johor gelanggang renang hanya ada satu sahaja di peringkat orang ramai iaitu di daerah Muar dan ini pun merupakan satu gelanggang yang bertaraf antara bangsa. Walaupun tujuan utama untuk mengadakan gelanggang ini adalah baik supaya dapat memberikan tempat pertandingan yang bertaraf antarabangsa tetapi adalah tidak wajar kalau gelanggang renang itu hanya diadakan satu sahaja tanpa adanya "feeding", dengan izin, gelanggang renang yang lain kerana tidak mungkin sukan renang ini dapat diintroducekan, dengan izin, kepada pihak-pihak anak-anak kita di peringkat sekolah tanpa ada kolam renang. Tidak mungkin anak-anak itu dapat berlatih dan mendapat minat untuk berenang hanya dengan berenang di tepi-tepi parit ataupun di sungai-sungai ataupun di laut. Mesti ada satu sistem, satu tempat, satu kolam renang yang boleh mereka mendapatkan minat daripada peringkat anak-anak lagi dan seterusnya di tempat yang mereka boleh membuat latihan-latihan.

Dan justeru itu adalah wajar kalau peruntukan-peruntukan diberi oleh pihak pusat untuk menyediakan kolam-kolam renang ini kalau boleh pada tiap-tiap satu daerah. Dan begitu juga dalam jenis-jenis sukan yang lain seperti bulu tangkis, gelanggang hoki, tenis dan sebagainya. Untuk perkara ini saya rasa adalah perlu supaya satu rancangan yang menyeluruh dan comprehensive diadakan. Sama ada sekarang ini telah diadakan, saya tidak tahu, inilah dan saya fikir pihak Kementerian, pihak Kerajaan pusat hendaklah merundingkan dengan pihak Kerajaan Negeri, begitu juga dengan Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran untuk mengadakan satu program comprehensive, mengadakan ruang-ruang dan gelanggang-gelanggang untuk membolehkan banyak tempat ini digunakan oleh para belia yang ada di seluruh negara.

Kita pada hakikatnya sungguh berbangga malahan negara mengalu-alukan kejayaan dan prestasi yang dicapai oleh anak-anak daripada keluarga Sidek dalam lapangan Badminton. Begitu juga kita berasa bangga di atas kemenangan daripada keluarga anak-anak daripada keluarga Alwi iaitu dalam lapangan Lumba Basikal. Kita juga sungguh berbangga di atas kejayaan perenang kita iaitu Nurul Huda. Tetapi kebanggaan-kebanggaan ini sepatutnya dan sewajarnya tidak merupakan kebanggaan nasional kerana kejayaan mereka ini adalah atas usaha-usaha keluarga itu sendiri iaitu untuk memperkenalkan anak-anak mereka ke peringkat lapangan-lapangan tertentu dari awal-awal lagi. Sebagai contoh Nurul Huda mendapat introduction, dengan izin, dalam lapangan renang dari ibunya di negeri Singapura dan juga mendapat latihan-latihan insentif sehingga mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa di Australia.

Ini bermakna kurangnya tempat-tempat mereka berlatih yang boleh kita anggapkan sebagai usaha yang dijalankan oleh Kerajaan sendiri. Begitu juga dengan lapangan perlumbaan basikal seperti yang telah dicapai oleh keluarga dan anak-anak Encik Alwi sendiri. Ini adalah atas usaha Encik Alwi sendiri bapanya yang membawa anaknya berlatih dengan usaha-usahanya sendiri juga.

Begitu juga dengan keluarga Sidek dengan mengintroducekan anak-anak mereka di peringkat bawah lagi dengan usaha-usaha yang dijalankan sendiri.

Saya percaya bahawa Kerajaan terpaksa mengakui, kita semua terpaksa mengakui, tanpa adanya kemudahan-kemudahan gelanggang dengan banyak dan menyeluruh yang boleh dapat digunakan, accessible, dengan izin, oleh anak-anak kita lebih-lebih lagi pada peringkat awal-awal lagi bukan sahaja untuk menimbulkan minat tetapi juga untuk meneruskan minatnya apabila gelanggang-gelanggang ini dapat digunakan dengan cara yang mudah dan juga dengan cara yang murah.

Saya cadangkan dalam Dewan yang mulia ini bagi Kerajaan untuk bukan sahaja memperuntukkan setakat token sum \$10 tetapi untuk memberikan peruntukan yang besar untuk membolehkan pihak Kerajaan melalui perundingan yang saya sebutkan tadi dengan Kerajaan Negeri, dengan Majlis-majlis Daerah, dengan Majlis-majlis Perbandaran supaya gelanggang-gelanggang sukan dan juga olahraga seperti hoki, bola tampar, tennis, badminton, badminton hall dan kolam renang hendaklah diusahakan. Dengan yang demikian, barulah kita boleh membanggakan diri kita sebagai satu pihak yang betul-betul menyediakan kemudahan-kemudahan ini bagi

kepentingan anak-anak kita dan generasi-generasi muda kita mencapai tahap kebangsaan dan antarabangsa dalam lapangan sukan dan olahraga.

Tuan Pengerusi, saya rasa banyak faedahnya selain daripada mencapai kejayaan tetapi melalui penglibatan mereka dalam lapangan sukan dan olahraga yang disusun dan yang tersusun oleh Kerajaan dengan perancangan-perancangan yang tertentu, dengan kelolaan-kelolaan dan selenggaraan-selenggaraan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya percaya bukan sahaja mereka dapat mencapai prestasi sukan dan olahraga yang baik tetapi dengan penglibatan mereka dalam lapangan sukan dan olahraga ini boleh membentuk satu generasi muda yang bukan sahaja mempunyai sifat-sifat kewibawaan yang baik yang boleh melahirkan melalui kegiatan dan penglibatan mereka di dalam sukan dan olahraga ini tetapi juga dengan membantu mereka menjadi seorang warganegarawan yang baik, yang kita hajat-hajatkan. Ini adalah penting dan perlu terutama sekali dalam keadaan yang sentiasa mencabar pada masa ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebutkan perkara yang termasuk dalam Maksud P.21, Butiran 19 iaitu Program Latihan Sambil Kerja di Skudai iaitu peruntukan sebanyak \$357,200. Peruntukan ini adalah peruntukan yang kecil saya rasa jika dibandingkan dengan program-program yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam lapangan menyediakan latihan sambil kerja, terutama sekali pada masa ini kita lihat tiap-tiap tahun beribu-ribu anak-anak kita yang lulus daripada sekolah Tingkatan 5 keluar tanpa mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajarannya ke peringkat atasan sama ada di peringkat diploma atau di peringkat universiti.

Di peringkat universiti sendiri pada masa ini kedapatan lebih kurang 40,000 di kalangan siswa dan siswazah yang tidak ada mempunyai kerja dan kalau mereka yang mempunyai ijazah juga mempunyai masalah untuk mendapatkan kerja saya begitu yakin bahawa masalah yang besar yang dihadapi oleh negara adalah mereka-mereka yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti iaitu mereka-mereka yang hanya mendapat didikan sehingga Tingkatan 3 dan Tingkatan 5.

Pada hakikatnya saya rasa perbelanjaan yang begitu besar yang disediakan oleh Kerajaan sehingga membolehkan anak-anak kita ini belajar 11 tahun mengikuti sekolah rendah dan sekolah menengah iaitu 6 tahun di sekolah rendah dan 5 tahun di sekolah menengah kalau tidak dapat digunakan dengan produktif adalah merupakan satu perbelanjaan yang besar dan membazir.

Pada masa ini mengikut dasar dan sistem pelajaran yang ada kita hanya dapat melahirkan para belia ataupun lulusan sekolah yang mempunyai ilmu, yang mempunyai pengetahuan tetapi yang sungguh sedih pengetahuan sahaja tetapi tidak mempunyai kemahiran. Rata-rata kalau kita tanya pelajar-pelajar kita yang keluar daripada sekolah apakah yang mereka boleh buat yang dijawab hanya mereka boleh membaca, mereka boleh menulis, mereka boleh mengira. Tetapi hanya setakat menulis, membaca dan mengira dalam zaman dan masa yang sungguh mencabar ini adalah satu kejayaan yang sungguh menghampakan. 11 tahun mereka belajar, 11 tahun mereka bertungkus-lumus dengan penuh harapan daripada anak-anak dan keluarga dan 11 tahun Kerajaan membelanjakan mereka hanya mampu untuk membaca, menulis dan mengira tanpa mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu dan terpaksa pula

Kementerian yang lain membelanjakan sebahagian besar daripada peruntukannya untuk memberi kemahiran-kemahiran seperti yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Untuk program sementara saya fikir adalah wajar tetapi untuk jangka panjang, Kementerian Pelajaran hendaklah mengubah dasarnya supaya anak-anak kita yang keluar daripada bangku sekolah yang telah menjalani masa persekolahan selama 11 tahun ini apabila ditanya mampu untuk berkata: "Saya mempunyai kemahiran dalam bidang teknikal, seperti saya ada mempunyai kemahiran untuk bertani, saya ada mempunyai kemahiran untuk wiring, saya mempunyai kemahiran untuk membaiki kereta, saya ada mempunyai kemahiran untuk typing dan shorthand serta book-keeping" dan banyak lagi kemahiran-kemahiran yang lain.

Justeru itu dalam keadaan dasar pelajaran tidak mampu untuk melahirkan para lulusan sekolah dengan kemahiran tertentu saya percaya peruntukan \$357,200 yang diminta oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberi program latihan sambil kerja di Skudai itu adalah sangat sedikit. Saya harap bahawa Kementerian pada masa-masa yang akan datang hendaklah meminta peruntukan yang besar supaya dengan peruntukan itu dapat digunakan untuk melatih para belia yang tidak mempunyai kemahiran ini yang berkeliaran di kompleks perniagaan yang tidak dapat digunakan kemahirannya secara produktif dapat diberikan sedikit kemahiran untuk mereka diserap dalam pasaran buruh yang ada ataupun boleh digunakan bagi mereka untuk berdikari.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan bahawa Program

Latihan Sambil Kerja di Sekudai itu, kalau diprogramkan dengan begitu rupa boleh digunakan untuk mencapai kejayaan, untuk mencapai objektif melahirkan para belia mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu.

Saya suka mencadangkan di sini bahawa program-program itu boleh juga diselaras dengan pihak-pihak swasta, peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha bumiputera yang sekarang ini menghadapi masalah kemelesetan ekonomi supaya para belia yang mempunyai latihan-latihan sambil kerja ini dapat diserapkan kepada syarikat-syarikat bumiputera tersebut dengan bantuan daripada pihak Kerajaan.

Sebagai contoh, kalau para belia ini mengikuti program latihan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam bidang wiring, dalam bidang elektrik kalau telah dapat latihan kira-kira tiga empat bulan dan mampu menjadi tenaga separuh mahir boleh diserapkan kepada syarikat-syarikat bumiputera. Mereka ini terus mendapat bantuan daripada pihak Kementerian sama ada pembayaran sepenuhnya atas gaji yang mereka terima ataupun dengan bayaran separuh dan separuh lagi boleh diserapkan kepada syarikat-syarikat yang terlibat dan latihan ini saya rasa lebih berkesan lagi untuk mendapat kemahiran yang lebih menyeluruh adalah perlu selain daripada latihan-latihan dalam kelas.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Latihan-latihan ini juga hendaklah diamalkan, dipraktikkan dan diserapkan melalui penyerapan di dalam syarikat-syarikat bumiputera yang ada pada masa ini. Kalau program ini dapat dilaksanakan, saya penuh yakin banyak kebaikan-kebaikan yang boleh dicapai, pertama perbelanjaan yang diperuntukkan oleh

Kerajaan itu menepati objektifnya. Yang kedua, kaum bumiputera khususnya kaum belia bumiputera dapat latihan-latihan kemahiran dan kemahiran-kemahiran ini dapat pula dipraktikkan melalui penyerapan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang ada, terutama sekali pada masa ini yang menghadapi masalah-masalah hasil daripada kemelesetan ekonomi dapat bantuan subsidi melalui bantuan tenaga kerja yang dibayar sepenuhnya ataupun dibayar separuh oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong.

4.03 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, P.21. Di dalam P.21 ini ada satu peruntukan juga untuk Stadium Darulaman di Alor Star di mana \$150,000 diperuntukkan untuk stadium tersebut.

Saya berasa hairan kerana hanya stadium di Alor Star sahaja yang dapat peruntukan untuk memperbaiki stadium itu. Stadium-stadium yang lain kecuali Stadium Melaka, Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu tidak dapat peruntukan ini. Inilah satu perkara yang menimbulkan kekeliruan dan syak wasangka, itu memberi satu alasan kepada orang ramai bahawa hanya negeri di mana datangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat peruntukan untuk memperbaiki stadium ini. Saya berharap sikap yang sedemikian dapat dikikiskan sama sekali kerana negara ini bukan hanya ada Alor Star sahaja, ada banyak tempat lagi di dalam Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, mengenai peruntukan bagi Institut Sukan, saya

suka menyentuh mengenai sukan badminton yang telah pun disentuh oleh beberapa orang rakan sebelum ini, terutama Piala Thomas dengan ada projek Piala Thomas sekarang nampaknya mereka dapat penganjur-penganjur, penaja-penaja yang banyak dan juga peruntukan daripada Kerajaan.

Sukalah saya menekankan di sini bahawa nampaknya disiplin pemain-pemain Malaysia ini masih kurang walaupun Misbun Sidek, Foo Kok Keong ada mencatatkan kecermerlangan di beberapa kejohanan tetapi belum mencukupi. Kerana disiplin bukan sahaja dari segi pegawai-pegawai yang mengiringi, disiplin pemain yang nampaknya tidak cukup, ada unsur-unsur, gejala-gejala yang menunjukkan kadangkala tidak melakukan keadilan kesemua pemain. Ini satu perkara yang penting. Sebab saya nampak negara Indonesia, negara China, Denmark, terutamanya Indonesia dan China, mereka mempunyai disiplin yang sungguh baik dan nampaknya bila dia di dalam dan di luar gelanggang begitu disiplin, tetapi pemain negara kita kurang. Itulah satu perkara yang menimbulkan ketidakpuasan di kalangan rakyat Malaysia. Saya pun tidak tahulah, mungkin kerana pegawai-pegawai itu tidak disiplin. Kadangkala ada yang mengiringi pemain-pemain ke Eropah mungkin hanya untuk makan angin sahaja, enjoy, menikmati kesempatan itu, mungkinlah. Saya berharap mendapat satu kajian yang teliti untuk mengubahsuaikan sikap yang tidak begitu sihat. Dan ada satu ketika bila pemain handalan Lim Swee King di Indonesia, dia ada membuat satu kesilapan melaporkan ke tempat permainan lewat sedikit, jadi dia digantung, di Malaysia tidak ada, sikap yang anih pun diterima dan sebagainya. Saya tidak payahlah meneliti gejala-gejala yang tidak baik ini.

Satu lagi timbulnya perebutan kuasa dalam Persatuan Badminton, nampaknya hangat seperti UMNO jugalah, dan ini mungkin satu perkara yang tidak sihat untuk perkembangan badminton di negara ini. Saya berharap Kementerian dapat mengawasi perkara yang kurang sihat ini.

Seterusnya saya hendak membangkitkan mengenai Program Latihan Sambil Kerja, Sekudai. Anggaran asal Cara Langsung bagi tahun lepas \$2,642,000 dan tambahan kedua tahun lepas Cara Langsung \$357,200.

Mengikut Kertas Perintah 9A Tahun 1987, muka surat 9, Tambahan Kedua ini adalah sebagai bayaran imbuhan semula kepada Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) yang telah melatih belia-belie di bidang pembinaan di bawah Program Latihan Sambil Kerja di Skudai, Johor. Adakah latihan di bidang pembinaan ini berkaitan dengan pembinaan cawangan kampus UTM di Skudai, Johor oleh KOBENA dan Syarikat Korea Sambo. Jika ya, menurut laporan akhbar, UTM mengumumkan bahawa universiti yang akan membayar gaji 2,600 orang pekerja KOBENA Sambo yang dikatakan berjumlah \$10 juta beberapa persoalan timbul di sini.

Adakah belia-belie yang diberi latihan itu juga termasuk dalam perhitungan 2,600 pekerja itu? Jika ya, maka bukankah ini bermakna KOBENA sebenarnya tidak menanggung apa-apa kos untuk melatih belia-belie, malah beruntung kerana mendapat buruh percuma. Mengapa pula wang tambahan sebanyak \$357,200 ini diberi kepada KOBENA? Apakah perbelanjaan yang telah dibuat oleh KOBENA untuk melatih belia-belie? Jika belia-belie yang dilatih itu tidak

dimasuk kira sebagai sebahagian daripada 2,600 pekerja itu, bagaimana pula sistem Program Latihan Sambil Kerja ini dikendalikan. Walaupun KOBENA mungkin membayar gaji kepada belia-belia yang dilatih, bukannya belia-belia juga telah bertungkus-lumus tenaga mereka untuk mendapatkan gaji tersebut. Apakah penjelasannya? Berapakah bilangan orang belia yang dilatih oleh KOBENA di bawah program ini? Apakah bentuk latihan yang telah diberi kepada belia dan jika tidak berkaitan dengan projek pembinaan cawangan kampus UTM di Skudai, Johor, apakah projek pembinaan KOBENA yang lain di Skudai, Johor di mana latihan belia dikendalikan?

Tuan Pengerusi, walaupun latihan itu perlu sama ada dari segi perumahan dan sebagainya, satu latihan lagi saya percaya adalah perlu iaitu untuk menyemai, untuk memupuk, menggalakkan sikap dan ethika yang lebih sihat, yang lebih berakhlak dan lebih accountable kerana bukan sahaja 24 buah koperasi ini yang melakukan penyelewengan, ada banyak lagi. Setakat ini tidak dilaporkan sahaja dan siasatan perlulah diambil. Walau bagaimanapun, latihan hendaklah diadakan untuk kakitangan yang utama supaya akhlak dan ethika dapat diwujudkan di kalangan kakitangan dan pegawai-pegawai utama supaya tidak timbul penyelewengan, kecurangan dan sebagainya seperti yang ditunjukkan oleh 24 buah koperasi yang telah dibekukan.

Tuan Pengerusi, di dalam latihan ini juga saya berharap peruntukan wang tambahan yang ditambahkan ini tidak akan dibazirkan kerana pengurusan yang tidak cekap kerana semua rancangan latihan ini kita perlulah pengurusan yang cekap supaya ia dapat satu accountability yang baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.15 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan di dalam perbincangan kita mengenai peruntukan tambahan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk tahun 1986 yang lalu. Sebenarnya peruntukan itu sudah dibelanjakan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuantan pada petang semalam membangkitkan beberapa perkara mengenai peruntukan tambahan ini, khususnya mengenai prestasi sukan di seluruh negara kita.

Tuan Pengerusi, sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah, sedang dan akan mengaturkan program-program bagi mempertingkatkan prestasi sukan semua jenis di negara kita ini. Antara lain termasuklah sebagaimana yang saya beberapa kali menyebut di dalam menjawab soalan-soalan mulut seperti mewujudkan satu Dasar Sukan Negara, memperkemaskan jentera pentadbiran persatuan sukan, merancang dan melaksanakan program-program sukan termasuk membantu persatuan-persatuan sukan mengenai latihan, pendedahan dan penyertaan di peringkat antarabangsa, skim peransang telah diwujudkan juga untuk membantu athlit mengadakan latihan sempurna dan hal-hal kebajikan mereka, melaksanakan program untuk memajukan jurulatih dan mempertingkatkan pendidikan kejuruteraan, mewujudkan biasiswa sukan, skim Bakat dan Pelapis dan kerjasama dengan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia, skim

hadiah kemenangan yang telah diwujudkan di mana athlit-athlit yang mendapat pingat di kejohanan antarabangsa akan diberi hadiah wang tunai, mengadakan rancangan kemudahan sukan dan lain-lain.

Menyentuh tentang kemudahan-kemudahan sukan yang ada di Kuala Lumpur, sudah terdapat banyak kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan walaupun kita merasakan masih tidak cukup sama ada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun kemudahan-kemudahan sukan di Pusat Serbaguna yang ada di setiap kawasan di Wilayah Persekutuan ini.

Di antara kemudahan-kemudahan yang telah ada termasuklah seperti dewan-dewan untuk permainan bola jaring, badminton, sepak takraw dan lain-lain lagi. Di samping itu, Kementerian sendiri mempunyai kemudahan sukan iaitu di Pusat Sukan Kampung Pandan, Kuala Lumpur di mana boleh menampung sebarang kegiatan sukan rekreasi sama ada permainan luar ataupun permainan dalam seperti bola sepak, hoki dan sebagainya. Peralatan-peralatan adalah mencukupi bagi belia-belie untuk menjalankan kegiatan sukan dan rekreasi. Bagi penggunaan alat-alat sukan tidak dikenakan sebarang bayaran cuma dikehendaki mereka datang secara berkumpulan dan berperaturan.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, terdapat juga sebuah stadium di Jalan Raja Muda yang dibuka sepanjang masa bagi belia-belie menjalankan sukan dan rekreasi. Di samping itu juga terdapat kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk kegiatan rekreasi fizikal iaitu seperti berjogging, bercanoe, berkhemah dan lain-lain di Taman Tasek Titawangsa dan Taman Tasek Perdana.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kuantan juga, kegiatan bersukan mempunyai pengertian yang luas iaitu termasuk segala rupa bentuk kegiatan riadah bagi mempertingkatkan tahap kesihatan dan kegiatan ini dilakukan di masa-masa lapang.

Belia-belie yang terdapat di kompleks membeli-belah seperti yang dimaklumkan adalah terdiri daripada kumpulan yang tidak memasuki sebarang kumpulan ataupun persatuan sama ada kumpulan Kebudayaan, Belia atau Sukan. Namun demikian, usaha-usaha sedang dijalankan bagi mengumpulkan belia-belie ini untuk disalurkan ke bidang-bidang seperti kegiatan sukan dan rekreasi. Kebudayaan, kesenian dan juga kegiatan sosial yang lain ini tidaklah memerlukan perubahan-perubahan yang drastik bagi membina kemudahan-kemudahan sukan kerana keperluan itu sudah sedia ada untuk digunakan oleh mereka.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Pasir Pinji daripada semalam sampai hari ini tak puas-puas membangkitkan fasal Tarian Singa di Gelangang Budaya Ipoh.

Untuk makluman Yang Berhormat itu, Tuan Pengerusi, Gelangang Budaya di Ipoh menyekat ataupun tidak membenarkan pertunjukan itu diadakan kerana Tarian Singa tidak termasuk di dalam takrif ataupun istilah Kebudayaan Nasional.

Ada pun kebenaran untuk judo dan tae-kwan-do itu adalah berasaskan kepada ianya merupakan dua jenis sukan yang boleh dipertandingkan di peringkat antarabangsa, Asia ataupun Sukan SEA. Jadi kalau kita hendak mengambil pingat, jadi perlu kepada latihan-latihan.

Tuan Pengerusi. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Menteri, ada yang bangun. Bagi jalan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, memandangkan Yang Berhormat tadi menyebut mengenai pertandingan taekwando dengan karate dan sebagainya, adakah beliau sedar bahawa dengan Tarian Singa pun boleh ada pertandingan sama ada di Taiwan, Hong Kong dan Singapura dan sebagainya, itu kerap kali dilakukan pertandingan antarabangsa.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Itu tidak termasuk sukan, Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat dari Muar juga menyebut mengenai kemudahan-kemudahan sukan yang tidak mencukupi di seluruh negara ini. Kementerian memang menyedari perkara ini dan memanglah sentiasa merancang bagaimana cara untuk memperbanyakkan lagi kemudahan sukan khususnya di luar bandar seperti di Pasir Pinji.

**Tuan Lau Dak Kee: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji minta jalan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, mengapakah Kementerian berkenaan tidak mentakrifkan Tarian Singa sebagai sukan di mana gerakan Tarian Singa itu pun ialah seperti sukan-sukan yang lain. Mengapakah tarian itu tidak dimasukkan dalam senarai?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Pengerusi, kalau dimasukkan dalam takrif sukan pun, takrif sukan yang tidak dipertandingkan, sebab kalau Ahli Yang Berhormat itu berjalan ataupun berjogging pun sukan juga, tetapi itu sukan rekreasi, tetapi sukan Olympic ataupun sukan dunia tidak mengiktirafkan Tarian singa sebagai satu sukan yang boleh dipertandingkan.

Tuan Pengerusi, mengenai alat-alat sukan ataupun kemudahan-kemudahan sukan seperti kolam bernang, gelanggang tennis, padang permainan yang lain tadi memanglah kita khususnya semenjak kita mengadakan Kongres Sukan baru-baru ini, prioriti akan diberi kepada masalah ini dan insya Allah jika sekiranya keadaan kewangan negara mengizinkan, maka masalah yang kita hadapi bersama ini dapat kita atasi.

Mengenai apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai pusat program latihan sambil bekerja di Skudai, Johor, secara umumnya saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Kem latihan Kemahiran KOBENA ini diwujudkan pada tahun 1982 dengan tujuan:

- (a) melengkapkan belia-belie bumiputera dengan kemahiran teknik dalam bidang binaan untuk mengisi keperluan tenaga mahir khususnya di projek binaan Universiti Teknologi Malaysia; dan
- (b) melatih belia-belie bumiputera menjadi pekerja-pekerja mahir dan cekap, berdisiplin dan jujur serta mempunyai cita-cita kerohanian yang tinggi.

Sejak pusat ini ditubuhkan, kita telah pun mengambil ramai belia-belie daripada seluruh negara ini dan belia-belie yang hendak masuk ke pusat latihan ini mestilah mempunyai kelayakan-kelayakan asas: mestilah berumur antara 18-25 tahun, belum beristeri, lulus sekurang-kurangnya Darjah VI, sihat dan tidak cacat anggota, sanggup mengikuti latihan sehingga tamat. Tempoh latihan yang dibuat adalah selama 24 minggu. Kemudian setelah mereka itu ditempatkan di pusat latihan ini, mereka diberi latihan sambil membuat kerja-kerja di projek Universiti Teknologi Malaysia di Johor itu.

Tuan Pengerusi, setakat ini bilangan pekerja projek ini ataupun belia-belia yang sudah kita latih mengikut nisbah tahunan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Keperluan Tenaga Kerja</i>
1982 .. .. .	700 orang
1983 .. .. .	2,600 orang
1984 .. .. .	2,800 orang
1985 .. .. .	4,500 orang
1986 .. .. .	5,500 orang

Jadi, sedikit sangat "percentage" yang dapat kita masukkan ke dalam rancangan ataupun projek pembinaan universiti itu daripada belia-belia sendiri kerana kekurangan-kekurangan yang ada. Kekurangan-kekurangan itu sendiri pun tak mencukupi sebab itulah kita terpaksa dalam tahun 1986 meminta peruntukan tambahan bagi melicinkan perjalanan kursus latihan di program latihan sambil bekerja di Sekudai itu.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat minta jalan. Ada beri jalan?

**Tuan Lau Dak Kee:** Minta penjelasan, bagi maksud latihan belia-belia itu, adakah latar belakang keluarganya yang diambil kira? Sama ada mereka diambil atau tidak, adakah ditentukan sama ada ibubapanya adalah ahli-ahli UMNO atau tidak? Adakah itu diambil kira?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Pengerusi, dalam satu-satu interview, beberapa kriteria ataupun ciri-ciri atau sifat yang tertentu kita buat. Kita tidak kira UMNO atau sesiapa pun, asalkan dia cukup syarat-syarat yang saya sebutkan tadi iaitu lulus Darjah VI, tak beristeri—tidak seperti Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, boleh kita terima. (*Ketawa*)

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Pengerusi, mengenai apa yang disentuh juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong sedikit peruntukan diminta iaitu \$150,000 untuk tambahan kepada pembinaan Stadium di Alor Setar, Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu barangkali semacam membuat tohmahan ataupun tuduhan bahawa peruntukan tambahan ini diberikan kepada negeri Kedah sahaja dengan alasan barangkali kerana negeri itu Negeri PM. Itu tidak betul, saya menyangkal sama sekali atas tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat minta jalan. Beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Ya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, itu bukan satu tuduhan, itu satu pertanyaan, mengapakah peruntukan itu diberikan kepada negeri Darul Aman sahaja? Negeri Terengganu pun saya ada memihak dan menanya mengapakah Terengganu tak dapat, Kelantan tak dapat, Melaka tak dapat? Itu pertanyaan kepada seluruh Malaysia, bukan pertanyaan untuk Alor Setar sahaja.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Negeri-negeri lain pun kita bagi juga tetapi bukan masa itu, ini permintaan tambahan untuk tahun 1986, jadi kalau Ahli Yang Berhormat hendak kata tak bagi, itu tak betullah kerana di mana-mana dalam Malaysia ini kita ada stadium, pusat-pusat latihan yang dibina oleh Kerajaan. Jadi kalau dikatakan tak diberi, itu tak betul.

Hatta di Kepong sendiri pun ada. Tuan Pengerusi, jadi kita minta \$150,000 ini untuk membuat track, untuk menyiapkan track yang rosak di Stadium Darul Aman untuk kegunaan-kegunaan yang perlu kerana Stadium Darul Aman di Alor Setar juga sentiasa menjadi tuan rumah kepada beberapa piala FAM dan sebagainya, semua sekali diadakan di sana untuk keperluan rakyat kita di sebelah utara sana. Jadi, kita perlu membaiki itu kerana pada masa itu keadaan Stadium itu rosak.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya tak pernah dengar pertandingan Piala FAM diadakan di Alor Setar.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Kalau dia beri jalan, baru boleh.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Saya tak beri jalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tak beri jalan. Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Jadi tak timbullah masalah bahawa Stadium Darul Aman di Alor Setar sahaja diberi peruntukan ini. Cuma kita minta ini kerana kerosakan perlu diperbaiki pada tahun itu dan stadium-stadium lain pun kita baiki juga pada tahun-tahun yang lain.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya dapat sentuh kepada perbahasan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.24 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1985; dan perbelanjaan sebanyak \$3,472,310 yang disebutkan dalam Maksud P.21;

\$10 dalam Maksud P.22; \$40 dalam Maksud P.23 dan \$20 dalam Maksud P.24 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985; dan wang sebanyak \$3,472,310 untuk Maksud P.21; \$10 untuk Maksud P.22; \$40 untuk Maksud P.23 dan \$20 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kepala P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas, nampaknya sebagai peruntukan tanda sahaja tidak payah dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$40 yang disebutkan dalam Maksud P.25 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985)—*

*Maksud P.26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1985; dan perbelanjaan sebanyak \$250 yang disebutkan dalam Maksud P.26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Pelajaran hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985; dan wang sebanyak \$250 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud B.30 (Jadual)—*

*Maksud P.28 dan P.31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kepala Bekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.28 dan P.31 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Gaya.

4.36 ptg.

**Tuan Gerard Math Lee Min (Gaya):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1986, muka surat 68, Maksud P.28 Perbendaharaan, Butiran 20.

Di bawah Maksud ini wang sebanyak \$96 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Sabah Energy Corporation untuk

mbolehkan bayaran balik pinjaman serta faedah yang dibuat mengikut jadual di atas pembiayaan Projek Sabah Gas Utilisation. Projek ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah di bawah bekas Ketua Menteri, Dato' Harris Salleh. Perbendaharaan Persekutuan adalah terlibat sebagai penjamin untuk pinjaman bagi membiayai projek ini, malangnya adalah menjadi pengetahuan awam bahawa projek ini sekarang mengalami kerugian yang hebat, perkhidmatan pinjaman pula merupakan beban berat kepada rakyat Malaysia kerana Kerajaan Persekutuan terpaksa membayar balik pinjaman yang asalnya harus dibayar oleh pihak Kerajaan Negeri.

Ingin saya mengemukakan soalan-soalan terhadap perbelanjaan seperti berikut:

- (i) Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberitahu "Capital Loan Ratio" bagi projek ini, dengan kata lain berapa banyakkah wang modal telah dilabur dan berapakah jumlah pinjaman yang telah dipinjam untuk projek ini?
- (ii) Bolehkah pihak Kementerian Kewangan menjelaskan sedikit sebanyak tentang kedudukan kewangan projek ini pada masa sekarang ini, berapakah wang telah rugi ataupun untung dalam tahun 1984, 1985 dan 1986?
- (iii) Pinjaman bagi projek ini melibatkan matawang asing, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka-angka pecahan (breakdown) untuk pinjaman ini, supaya menunjukkan berapa wang pinjaman ada dalam matawang ringgit Amerika Syarikat, berapakah dalam Yen Jepun dan sebagainya?

- (iv) Adakah apa-apa pembayaran pinjaman untuk projek ini dijadual semula setakat ini kerana kekurangan keupayaan membayar balik pinjaman itu?
- (v) Adakah pihak Perbendaharaan Persekutuan bertujuan menganjurkan perundingan penuh dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah untuk menyelesaikan masalah kewangan berhubung dengan projek gas utilisation ini? Adakah pihak Kerajaan pada peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri sedang menjalankan langkah-langkah penyiataan bagi tujuan menentukan kenapa kerugian berlaku?

Kami dari pihak DAP memang mengalu-alukan projek pembangunan untuk menambah hasil negara dan meningkatkan taraf kehidupan rakyat, akan tetapi menjadi tanggungjawab pihak Pembangkang untuk mempersoalkan mana-mana projek awam yang telah gagal.

Kita hendak mengetahui sama ada kerugian Projek Gas Sabah ini melibatkan kerugian besar kerana berlakunya rasuah ataupun perancangan yang kurang memuaskan ataupun mismanagement, dengan izin, di dalam melaksanakan projek ini.

Saya sedar usaha membangunkan sektor tenaga adalah amat penting bagi ekonomi negara kita, akan tetapi oleh kerana sektor tenaga melibatkan pelaburan yang besar-besaran dengan teknologi yang tinggi, kita sepatutnya mengkaji projek-projek tenaga dengan teliti dan mendalam sebelum projek-projek berkenaan dilaksanakan.

Soalan pertama berkaitan dengan Projek Sabah Gas ialah di manakah pihak yang menyediakan Feasibility

Study bersalah. Pihak yang menyediakan Feasibility Study ke atas Projek Sabah Gas itu memanglah telah mengesyorkan bahawa projek itu merupakan projek yang viable dengan internal rate of returns yang tinggi sebelum pihak berkenaan memutuskan untuk projek ini dilaksanakan. Mengapa sangkaan tersebut tidak ditunaikan? Tidaklah berguna untuk kita semua menyalahkan pasaran dunia kerana pasaran gas asli jatuh. Pihak berkenaan memang telah sedar bahawa pasaran gas dunia ialah pasaran yang menguntungkan pembeli dan bukan menguntungkan penjual, khususnya memandangkan persaingan hebat daripada Indonesia. Maka saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan akan memberi jawapan tetap terhadap soalan-soalan yang saya bangkitkan tadi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Seremban.

4.38 ptt.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit. Saya rujuk mengenai Kepala P.28, muka surat 68, Butiran 7.

Tuan Pengerusi, dalam negara kita sekarang terdapat pelabur-pelabur yang berminat untuk melabur, tetapi interest yang dilevi oleh bank, misalnya Bank Simpanan Nasional dan lain-lain sangat tinggi untuk pelabur-pelabur. Sungguhpun Kerajaan ada menurunkan dividen-dividen atau interest untuk pendeposit-pendeposit, tetapi kalau satu pelabur hendak meminjam dari bank, rate itu sangat tinggi. Dasar kadar pinjaman yang ditetapkan oleh bank adalah terlalu tinggi untuk pelabur-pelabur dan pembeli rumah juga dan adalah merupakan sebab utama berlakunya pemulihan pelaburan yang lambat dan

penghidupan semula industri perumahan yang lambat juga. Kadar bunga deposit yang dibayar oleh bank adalah sebanyak 3% sahaja, tetapi kadar pinjaman mereka adalah sebanyak 9% dan perbezaannya adalah sebanyak 6% yang merupakan satu perbezaan yang tinggi.

Di samping itu, mereka mengenakan 3% sebagai bayaran (service) atas base lending rate. Jadi, seorang pelabur terpaksa membayar kadar bunga sebanyak 12% untuk meminjam wang.

Menteri yang berkenaan sepatutnya menyedari tentang hal ini dan memaksa bank mengenakan kadar bunga yang berpatutan sebanyak 5% seperti yang dijalankan di Singapura. Kadar bunga yang tinggi akan mengurangkan pelaburan dan mengakibatkan perniagaan merosot. Inilah satu perkara yang mustahak kalau kita mahu menggalakkan investment lain. Lain-lain perkara adalah sangat mustahak berkenaan kedai-kedai, yakni peniaga dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, lewat tahun 70an wujudnya kekurangan beberapa barang keperluan asas seperti gula dan bahan-bahan pembinaan rumah seperti simen dan besi. Harga barang-barang ini telah melambung naik kepada satu tahap harga yang luar biasa. Peniaga-peniaga yang tidak berperikemanusiaan telah mengambil kesempatan kekurangan barang-barang dan harga tinggi ini untuk menjalankan kegiatan menyorok (hoarding), dengan izin. Kerajaan telah meluluskan Undang-undang Anti-Sorok untuk melindungi orang-orang awam dan mengawal peniaga-peniaga ini. Penjual-penjual barang-barang keperluan adalah dimestikan untuk menyimpan rekod stok mereka dan merekodkan jumlah pembelian dan jumlah jualan mereka. Hukuman denda wang dan penjara telah

dijatuhkan ke atas orang-orang yang menjalankan kegiatan menyorok dan orang yang menjalankan perniagaan dalam pasaran haram, tetapi masa telah berubah. Sekarang tidak wujudnya kekurangan gula, simen, besi atau lain-lain. Harga barang-barang ini telah turun. Sebagai contoh, harga sekarang satu bag simen ialah \$4.50 berbanding dengan harga dahulu, iaitu \$9.00.

Penjual-penjual barang-barang keperluan berkata Undang-undang Anti-Sorok adalah tidak relevan sekarang dan mereka menghadapi banyak kesusahan, seperti menyimpan "book-keeping" atau "stock-keeping", dengan izin, yang tidak mustahak. Pada masa kemelesetan ini mereka perlu mengurangkan kos untuk terus hidup. Saya berharap Menteri akan memahami keadaan kesusahan mereka dan menggantung dan memansuhkan Undang-undang Anti-Sorok.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong.

4.42 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, B.28, Butiran 15. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya minta kalau boleh, ringkaskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya cubalah. Butiran 15—Projek Urea-Ammonia ASEAN (Malaysia), Tambahan Kedua 1986 sebagai pinjaman \$56,617,400 mengikut Kertas Perintah 9A Tahun 1987 M. S. 12. Tambahan Kedua ini adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn Bhd untuk membiayai Projek Urea-Ammonia ASEAN (Malaysia).

Jika ditinjau Buku Belanjawan Persekutuan 1987 yang telah diedarkan pada sesi Dewan Rakyat yang lalu, terdapat dua pinjaman projek telah dibuat berkaitan dengan projek ini. Pinjaman Projek Yen tahun 1982 M.A.U. 1 ASEAN Urea yang mana tarikh tebusannya adalah 1987 hingga 2002 dan amaun belum selesai berupa \$402,678,419. Pinjaman projek kedua adalah dari Eksport-Import Bank Exxim dan 13 buah bank Jepun yang lain, iaitu juga pada tahun 1982 Y.U.E. 1 ASEAN Bintulu Fertilizer dengan tarikh tebusannya 1986 hingga 1995 dan amaun belum selesai sebanyak \$173,433,600. Jika digabungkan kedua-dua pinjaman ini, maka Projek Urea-Ammonia ASEAN (Malaysia) telah meminjam kira-kira \$576.11 juta.

Mengikut Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1986, muka surat 68, perbelanjaan sebenarnya projek ini bagi tempoh masa 1981 hingga 1985 adalah sebanyak \$471,809,087 yang diperolehi juga sebagai pinjaman daripada Kumpulan Pembangunan.

Mengikut Buku Akaun Awan 1985, ringkasan muka surat 67, baki belum selesai tahun 1984 adalah \$415,284,145. Maka sebenarnya pelaburan dalam Projek Urea-Ammonia ASEAN (Malaysia) yang diperolehi oleh ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn Bhd adalah kira-kira \$645,242,687 tanpa mengira pinjaman Projek ASEAN Urea.

Nampaknya kesemua wang ini diperolehi daripada pinjaman, Apakah sebenarnya bahagian pelaburan "share of interest", dengan izin, yang seharusnya dilaburkan oleh Malaysia melalui ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn Bhd dalam Projek Urea-Ammonia ASEAN (Malaysia)? Bilakah agaknya projek ini dapat mula memperoleh keuntungan untuk

membayar balik hutangnya yang bertimbunan ini? Ini adalah penting kerana kita hendak satu kerjasama di antara negara-negara ASEAN.

Tuan Pengerusi, Butiran 20—Projek Sabah Gas Utilisation. Kertas Perintah 9A Tahun 1987 telah merujuk kepada Tambahan Kedua ini sebagai pinjaman kepada Sabah Energy Corporation untuk membolehkan bayaran balik pinjaman serta faedahnya dibuat mengikut jadual di atas pembiayaan projek Sabah Gas Utilisation. Jika ditinjau sekali lagi kepada Buku Belanjawan 1987, muka surat yang sama seperti bagi perbincangan Butiran 15, satu pinjaman Projek Yen telah dibuat dalam tahun 1983, iaitu M.I.X. 2 Sabah Gas Utilisation dengan tarikh tebusan 1990 hingga 2008 dan amaun belum selesai sebanyak \$150,919,320. Kadar faedah adalah 4%. Adakah bayaran balik pinjaman serta faedah ini merujuk kepada pinjaman Projek Yen ini? Jika ya, jadual yang manakah sedang diikuti? Bolehkah bayaran balik yang awal ini dapat disimpulkan sebagai pulangan yang lumayan daripada projek tersebut sehingga membolehkan tindakan sedemikian dibuat.

Sekiranya bayaran balik pinjaman merujuk kepada pinjaman Sabah Gas Corporation daripada Kumpulanwang Pembangunan dalam Buku Akaun Awan 1985, muka surat 66 sebanyak \$125,466,552 maka tindakan sedemikian sia-sia sahaja. Tindakan Kerajaan meminjam kepada Sabah Energy Corporation supaya ia dapat membayar balik kepada Kerajaan hutangnya yang lepas adalah semata-mata sandiwara sahaja, yang berpura-pura memberi gambaran bahawa hutang Sabah Energy Corporation telah dibayar balik, akan tetapi sebenarnya kerja seperti itu tidak bererti langsung. Apakah penjelasan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Pengerusi, jika pinjaman yang dirujuk berlainan, maka apakah sumber pinjaman ini? Berapakah kadar faedahnya? Apakah jumlah hutang yang masih belum diselesaikan sebelum Tambahan Kedua ini? Dari manakah Kerajaan Malaysia memperolehi wang untuk Tambahan Kedua ini? Dengan Tambahan Kedua ini, apakah sebenarnya beban hutang Sabah Energy Corporation serta beban hutang Projek Sabah Gas Utilisation ini? Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Wazir ini dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pihak kami.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Ipoh.

4.49 ptg.

**Tuan P. Patto (Ipoh):** Tuan Pengerusi, Maksud B.28, Butiran 7—Skim Wang Pinjaman Perumahan. Peruntukan sebanyak \$300 juta diminta diluluskan.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan satu perkara di sini yang telah menimbulkan kesulitan bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah berhenti berkhidmat dengan pihak Kerajaan ataupun yang mahu berhenti perkhidmatannya dengan Kerajaan, khususnya selepas pengumuman Kerajaan membatalkan skim pencen bagi kakitangan Kerajaan yang tidak dapat ditempatkan dalam skim pencen.

Tuan Pengerusi, saya dapat aduan daripada bekas kakitangan Kerajaan yang telah berhenti perkhidmatannya dan yang pada waktu berhenti perkhidmatan telah mendapat pinjaman perumahan dan pada ketika mereka mendapat pinjaman perumahan, mereka dikenakan kadar faedah 4%. Tetapi mulai awal tahun 1985, mereka yang telah tidak lagi berkhidmat dengan Kerajaan

walaupun telah berkhidmat 10 tahun atau lebih, dikenakan kadar faedah mengikut kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan iaitu 10% kalau ianya kurang daripada \$100,000 yang dipinjamkan oleh mereka.

Mereka kini telah meninggalkan perkhidmatan dengan Kerajaan dan ada kalanya di antara mereka yang tidak begitu berjaya dalam bidang-bidang yang mereka menyertai sekarang, mereka tidak dapat membayar balik pinjaman yang diperolehi itu mengikut kadar baru iaitu 10%. Saya khuatir kakitangan Kerajaan yang sudah pun diberitahu bahawa mereka tidak akan ditempatkan dalam skim pencen sekiranya mereka belum lagi layak ditempatkan dalam skim pencen dan juga kakitangan Kerajaan yang akan diambil masuk nanti tidak juga akan diberi tawaran itu, maka golongan ini merasa bimbang akan pinjaman-pinjaman yang mereka telah memperolehi daripada Kerajaan. Saya merayulah kepada pihak Perbendaharaan khususnya Timbalan Menteri Kewangan yang begitu sabar mendengar untuk bersabarlah dengan kesulitan yang dihadapi oleh kakitangan Kerajaan yang telah berhenti perkhidmatannya dengan Kerajaan. Hargailah perkhidmatan mereka, walaupun mungkin singkat 10 tahun atau selebihnya dan kekalkanlah kadar 4% ataupun yang sudah diubah sekarang, mungkin 5% bagi kakitangan Kerajaan yang sudah berhenti daripada berkhidmat dengan Kerajaan dan yang tidak ditempatkan dalam skim pencen. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Hulu Selangor. Ringkaskan.

4.54 ptg.

**Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor):** Tuan Pengerusi, saya

merujuk kepada Maksud P.28, Butiran 7, berkaitan dengan \$300 juta yang telah diperuntukkan ataupun telah dibelanjakan sebagai Pinjaman Perumahan kepada pekerja-pekerja Kerajaan di negara kita. Tetapi ketika saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak Kementerian, saya ingin juga membawa kepada perhatian Kementerian kita berkaitan dengan keadaan sebenar-benarnya dengan pihak awam yang sedang menghadapi beberapa masalah untuk memperolehi pinjaman daripada bank-bank swasta di dalam negara kita. Sepertimana butir-butir telah pun dikemukakan kepada Dewan yang mulai ini, kita dapat tahu, selebih-lebihnya hanya \$200 juta telah pun dikeluarkan oleh bank-bank kepada orang awam dan saya ingin bertanya bagaimanalah keadaan dasar 80,000 buah rumah ataupun \$2,000 juta pinjaman yang telah dijanji oleh Kerajaan kepada skim rancangan perumahan di dalam negara kita.

Jika kita mengkaji dengan sedalam-dalamnya, lebih kurang \$700 juta harus diberi kepada rancangan perumahan di dalam negara kita, tetapi nampaknya dalam tahun 1986 ini, kita dapat perolehi lebih kurang \$500 juta sahaja. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan dalam tahun 1987 dan 1988, Kerajaan haruslah memperolehi sekurang-kurangnya \$1,000 juta kepada rancangan skim perumahan di seluruh negara kita dan juga jika boleh, pihak Kerajaan harus menolong pihak swasta untuk mendapatkan lebih pinjaman daripada bank-bank swasta kita.

Di masa ini juga saya ingin membawa perhatian Kerajaan kepada keadaan ataupun kesulitan skim-skim rancangan perumahan kepada kawasan setinggan di atas tanah Keretapi Tanah Melayu, di mana kita ada lebih kurang 30,000 buah rumah dan pada satu masa dahulu Kerajaan

telah pun memberi perhatian berat di atas perkara ini. Nampaknya walaupun sudah satu berjalan atau dua tahun, tetapi sehingga masa ini tidak ada sebuah rumah pun yang didirikan oleh pihak KTM, pihak Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah tersebut. Seperti ini juga berkaitan dengan penduduk-penduduk di kawasan tanah Kerajaan di mana ada lebih kurang 30,000 atau 40,000 buah rumah di seluruh negara kita, tetapi hasil daripada rancangan yang telah dimulakan oleh Kerajaan sampai masa kini tidak dapat diperolehi kepada pihak-pihak yang kurang bernasib.

Saya merujuk kepada Butiran 15-\$50 juta yang telah dibelanjakan di atas Amonia ASEAN (Malaysia) ataupun ASEAN Fertilizer (Sdn) Bhd. Nama ini sangat-sangat menarik, tetapi saya ingin mendapat tahu, sebenar-benarnya adakah fertilizier yang akan dikeluarkan daripada kilang ASEAN Fertilizer (Sdn) Bhd ini sebenar-benarnya untuk semua negara-negara ASEAN ataupun Malaysia sahaja? Saya ingin dapat tahu juga adakah satu persetujuan atau agreement, dengan izin, telah pun dicapai untuk memasarkan semua fertilizier yang akan dikeluarkan daripada kilang ini kepada semua negara ASEAN. Janganlah kita sampai ke satu peringkat seperti mana kita sedang alami di pasaran Kereta Nasional kita. Janganlah kita sampai ke satu peringkat di mana kita boleh keluarkan beribu-ribu tan fertilizier, tetapi kita tidak dapat pasaran untuk product itu.

Saya juga merujuk kepada Butiran 20—Projek Sabah Gas Utilization ataupun Sabah Energy Corporation. Saya dapat tahu juga lebih kurang \$96 juta telah dibelanjakan dan dengan satu keadaan pinjaman ini, saya suka juga membawa kepada perhatian Kerajaan, beribu-ribu juta ringgit telah pun dibelanjakan bagi pihak-pihak badan berkanun, dan pihak-

pihak perbadanan. Tetapi nampaknya pinjaman yang telah diperolehi oleh semua pihak-pihak badan berkanun tersebut sampai masa kini tidak ada satu pihak pun yang telah membayar balik pinjaman yang telah diperolehi daripada Kerajaan Pusat. Saya ingin memohon dan merayu kepada Kementerian berkenaan untuk mengambil tindakan ataupun untuk mendapatkan satu persetujuan daripada semua pihak badan berkanun yang meliputi Sabah Energy Corporation, mengenai masa yang akan diambil oleh pihak tersebut untuk membayar balik pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat yang akhir.

4.58 ptg.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, saya bangun dengan tujuan menyokong peruntukan yang dipohonkan oleh Perbendaharaan, khususnya Maksud P.31—Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja. Dengan ringkasnya, Tuan Pengerusi, saya menyokong. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, itu satu token vote sahaja ataupun peruntukan tanda. Kita tidak boleh membahar.

**Dr Goh Cheng Teik:** Maksud P.31.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Butiran berapa?

**Dr Goh Cheng Teik:** Butiran 1—Pejabat Kastam dan Rumah-rumah Kediaman—\$11,680,000 dan Butiran 2—Kenderaan-kenderaan, Lanci-lanci dan Kelengkapan—\$5 juta.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak Yang Berhormat, itu "token" sahaja. Lihat Kertas Perintah 9A.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Pengerusi, kalau begitu, saya cuma sokonglah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Terima kasih. Timbalan Menteri boleh menjawab.

5.00 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat untuk membincang keperluan-keperluan yang diperlukan oleh Kementerian Kewangan. Saya tidak akan menjawab satu persatu, tetapi secara menyeluruh mengikut topik-topik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Ipoh dan juga dari Hulu Selangor telah menimbulkan perkara-perkara berkaitan dengan permohonan sebanyak \$300 juta untuk menambah peruntukan Skim Wang Pinjaman Perumahan bagi kakitangan Kerajaan. Berhubung dengan ini, Yang Berhormat dari Ipoh telah meminta agar kadar yang dikenakan 4% kepada seseorang pegawai Kerajaan yang berhenti dari Jabatan Kerajaan dikekalkan dan tidak dikenakan seperti yang dikenakan sekarang ini iaitu 10% bagi pinjaman-pinjaman yang kurang daripada \$100,000.

Tuan Pengerusi, sebenarnya pinjaman perumahan yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan adalah khusus dan khas kepada pegawai-pegawai Kerajaan sahaja. Seseorang pegawai Kerajaan yang berhenti oleh sebab berpencen, ertinya sama ada berpencen pada umur 50 ataupun 55 tahun, pinjaman akan terus dikekalkan mengikut kadar faedah yang dikenakan sebelum itu sama ada 4% atau 5% mengikut keadaan-keadaan tertentu. Tetapi kalau

sekiranya seseorang pegawai Kerajaan walaupun sudah bekerja lebih daripada 10 tahun tetapi berhenti daripada jawatan Kerajaan, maka kita tidak dapat memberikan kemudahan pinjaman dikadar faedah 4% ini. Sepatutnya pegawai berkenaan yang berhenti di atas kehendak-kehendaknya sendiri membayar balik semua pinjaman-pinjaman ataupun baki pinjaman yang belum dibayar sebelum seorang pegawai Kerajaan itu berhenti. Tetapi oleh sebab Kerajaan bertimbang rasa, maka Kerajaan tidak meminta bayaran sekaligus, tetapi dibolehkan membuat bayaran secara beransur-ansur, tetapi tidak bolehlah kita mengekalkan faedah di peringkat 4% tetapi terpaksa dikenakan kadar faedah yang dikenakan oleh bank yang sekarang ini dikenakan 10%. Ini Tuan Pengerusi, sebenarnya lebih rendah lagi daripada kadar yang dikenakan oleh bank, kecuali kalau sekiranya pinjaman dibuat di bawah pembelian rumah yang kurang daripada \$100,000.

Yang Berhormat dari Hulu Selangor apabila menyentuh perkara ini mencadangkan supaya Skim Wang Pinjaman Perumahan ini ditambah kepada setidak-tidaknya \$1,000 juta untuk membolehkan lebih ramai lagi membuat pinjaman. Tuan Pengerusi, saya amat bersetuju dengan cadangan itu. Saya harap apabila kita kembali kepada Dewan ini untuk meminta dengan lebih lanjut lagi tidak payah bincangkanlah, lulus sahaja.

Tuan Pengerusi, ada beberapa orang Ahli telah menyentuh tentang Sabah Gas Utilisation Project dan juga Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. Sukalah saya memaklumkan bahawa seperti yang kita ketahui bahawa Sabah Gas Utilisation Projek ini mula beroperasi dalam tahun 1981 dengan penubuhan Sabah Energy Corporation dan juga Sabah Gas Industries Sdn Bhd. yang mana Sabah Energy Corporation telah dipertanggungjawabkan bagi mengadakan infrastruktur untuk

mengangkut gas dari lautan ataupun off shore fields ke Labuan untuk pengeluaran HBI dan Methanol—HBI ini ialah "Hot Briquetted Iron". Sabah Gas Industries sebenarnya secara khusus bertanggungjawab untuk mendirikan logi-logi bagi memproses gas yang diperolehi itu untuk mengeluarkan HBI dan Methanol ini dan pelaburan setakat ini bagi kedua-dua projek ini, Tuan Pengerusi, ialah sebanyak \$2,434 juta yang terdiri daripada Gas Pipeline, kemudahan-kemudahan housing, kemudahan jetti bagi HBI plant, methanol plant dan juga power plant. Jumlah semuanya seperti saya katakan tadi ialah \$2,434 juta.

Kita menyedari bahawa ini adalah satu pelaburan yang tinggi, yang memerlukan tingkat teknikal yang juga tinggi tetapi dalam pada itu harus kita ingat bahawa kita bercadang dengan adanya pelaburan ini, kita dapat mengeluarkan HBI kita sendiri. Pada mulanya kita bercadang untuk mengeluarkan sebanyak 730 tan metrik setahun. Dan juga kita bercadang untuk mengeluarkan methanol sebanyak 225,000 tan metrik setahun walaupun keupayaannya ini adalah lebih daripada itu iaitu sebanyak 660,000 tan. Malangnya, Tuan Pengerusi, oleh sebab perkara-perkara yang tidak dapat kita elakkan, maka pengeluaran ini tidak dapat kita keluarkan seperti dijangka dan oleh sebab masalah-masalah teknikal maka pelaburan ini telah mengalami masalah-masalah. Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, ingin saya menyebutkan di sini bahawa pinjaman-pinjaman yang telah dibuat berhubung dengan projek ini belum pernah lagi dijadualkan semula.

Tuan Pengerusi, oleh sebab ini adalah satu venture, dengan izin, dan angka-angka yang hanya boleh diketahui oleh syarikat itu sendiri maka saya tidak dapat memberi secara detail dari segi nisbah, dari segi ekuitinya

selain daripada setakat memberi angka secara menyeluruh dari segi pelaburan yang telah dibuat seperti saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara yang disebutkan oleh Ahli dari Seremban berkaitan dengan Undang-undang Anti-Sorok. Saya ingin mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban supaya membangkitkan perkara ini sewaktu membincangkan perkara-perkara yang ada kaitannya dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana setakat yang saya tahu, Undang-undang Anti-Sorok ini adalah terletak di bawah Kementerian berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban, kalau tidak silap saya, juga menyebut tentang kadar faedah yang tinggi berbanding dengan kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank di setengah-setengah negara yang lain, yang mana Yang Berhormat dari Seremban telah menyatakan bahawa kadar faedah yang dikenakan berdasarkan kepada BLR dikenakan pula campuran-campuran tertentu sama ada 1, 2, 3%.

Tuan Pengerusi, inginlah saya menyatakan bahawa di negara kita ini Kerajaan tidak mengenakan kadar faedah yang tertentu kepada bank-bank saudagar, bank-bank perdagangan, ertinya kadar faedah itu boleh ditetapkan oleh bank-bank berkenaan.

Namun demikian, pada kebiasaannya ada dua buah bank yang dianggap terbesar akan menetapkan angka ataupun peringkat paras faedah yang dipanggil base lending rate (BLR) ini. Pada ketika itu BLR ialah di peringkat 8.25% dan selepas itu terpulanglah kepada bank-bank berkenaan mengenakan kadar faedah sebenar bergantung kepada peminjam-peminjam. Bagi peminjam-peminjam

yang dianggap rendah risikonya, bolehlah peminjam tersebut mendapat dengan kadar faedah pinjaman 8.25% tetapi kalau sekiranya peminjam berkenaan dianggap mempunyai risiko yang agak tinggi, barangkali bank mungkin mengenakan 8.25% campur lagi dengan 1, 2 atau 3% menjadikan 10, 11 ataupun 11.25%.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu, ingin juga saya maklumkan bahawa walaupun bank-bank kita masih lagi mengenakan kadar faedah yang tinggi sedikit dibandingkan dengan bank-bank di setengah negara-negara lain tetapi usaha sedang dibuat untuk menurunkan lagi kadar faedah ini. Kalau saya tidak salah ingat bahawa BLR sebanyak 8.25% ini adalah satu angka baru yang telah diturunkan beberapa bulan yang lalu daripada 9.25% dan sebelum itu adalah lebih tinggi iaitu di dalam lingkungan 10 atau 10.5% dan saya percaya, Kementerian Kewangan sedang berusaha untuk meminta bank-bank perdagangan, bank-bank saudagar menurunkan lagi BLR ini daripada 8.25% kepada angka yang lebih rendah lagi dengan tujuan menggalakan pinjaman untuk kegunaan pelaburan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya pun tidak faham mengapa sudah diadakan BLR kemudian dicampur pula 1, 2, 3% dan sebagainya, tetapi oleh sebab kita di Malaysia ini tidak menetapkan secara undang-undang faedah yang boleh dikenakan oleh bank, terpulanglah kepada bank itu sendiri menetapkan kadar-kadar yang difikirkan sesuai mengikut permintaan dan juga penawaran yang ada pada satu-satu ketika.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor sebelum dia duduk tadi bertanya sama ada Asean Bintulu Fertilizers Sdn. Bhd. ini mengeluarkan untuk kegunaan kita ataupun untuk kegunaan orang lain, malah beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain juga

telah menyentuh perkara berkenaan dengan ABF ini atau Asean Bintulu Fertilizers Sdn. Bhd. mereka bertanya dari segi pelaburan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sebenarnya memanglah tujuan ABF ini untuk mengeluarkan baja, bukan sahaja bagi kegunaan kita, kalau boleh juga untuk kegunaan eksport tetapi ini tertakluk kepada permintaan bahan yang dikeluarkan. Saya percaya bahawa bukanlah tujuan Kerajaan mengadakan kilang ini ataupun plant ini, dengan izin, untuk hanya menyenangkan orang lain tetapi bagi kemudahan rakyat negara ini juga.

Berkenaan dengan jumlah pelaburan yang telah dibuat, sukaiah saya memaklumkan bahawa setakat ini jumlah modal projek ini ialah sebanyak \$889 juta yang terdiri daripada 30% modal sendiri dan pinjaman sebanyak 70% modal dalam wang ringgit ialah \$226 juta dan pinjaman \$622 juta. Tuan Pengerusi, ini dipunyai sebenarnya sebanyak 60% oleh Kerajaan Malaysia melalui PETRONAS. Ekuiti yang lain dibahagi-bahagikan kepada negara-negara ASEAN yang empat, tidak termasuk Brunei Darussalam.

Pada awal mulanya sewaktu projek ini dicadangkan tiap-tiap negara Indonesia, Filipina, Thailand dan juga Singapura mempunyai 10%, tetapi Singapura berpendapat bahawa mereka tidak mahu menyertai sebanyak 10%, maka Singapura kini hanya mempunyai 1% sahaja, sedangkan Indonesia, Filipina dan juga Thailand masing-masing mempunyai 13%.

Berhubung dengan perkara ini, pinjaman sebanyak \$225.8 juta telah diperolehi daripada Kerajaan Jepun yang mana ianya telah dipinjamkan semula kepada syarikat usaha sama ABF ini. Ini telah dibuat di penghujung tahun 80 iaitu pada bulan Disember 1980 sebenarnya.

Sebelum itu, Tuan Pengerusi, tambahan pinjaman sebanyak 10.39 billion Yen ataupun dalam wang US\$47.25 juta telah dibuat pinjaman tambahan untuk menampung kepada kenaikan kos projek tersebut dan ini telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Jepun sebagai peminjam.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja yang dapat saya perkatakan. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan percayalah bahawa bukannya tujuan Kementerian Kewangan untuk sewenang-wenangnya hendak menggunakan wang dahulu sebelum diluluskan oleh Dewan yang mulia ini tetapi permohonan ataupun perbelanjaan tambahan ini terpaksa kita buat oleh sebab perkara-perkara yang tidak dapat kita atasi seperti misalnya pembayaran bagi Sabah Energy Corporation. Begitu juga penambahan \$300 juta bagi peruntukan kepada Skim Wang Pinjaman Perumahan Kerajaan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa wang sejumlah \$36,288,200 untuk Kepala B.30 jadi sebahagian daripada Jadual disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$36,288,200 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Masalahnya ialah bahawa Perbelanjaan sebanyak \$446,417,430 yang disebutkan dalam Maksud P.28 dan \$10 dalam Maksud P.31 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$446,417,430 untuk Maksud P. 28 dan \$10 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kepong. Seberapa yang boleh ringkaskanlah, kita tidak ada banyak masa.

5.23 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya ringkaskan. P. 33 mengikut penjelasan yang diberi di dalam Kertas Perintah 9A tahun 1987 wang sebanyak \$66,148,668 ditambahkan untuk membiayai projek-projek pembangunan UDA. Dapatkan pihak UDA menyenaraikan projek-projek pembangunan yang terlibat sehingga memerlukan sejumlah wang yang sebegitu besar sekali lagi.

Perkara ini terpenting sekali memandangkan bahawa pada pertengahan tahun 1986, UDA telah meminta bank-bank supaya menjadualkan semula pinjaman-pinjamannya sebanyak \$100 juta dari Malayan Banking dan \$120 juta dari 18 buah institusi kewangan tempatan yang lain apabila projek UBN Kompleks termasuk Hotel Shangri-La, rumah pangsa mewah (luxury flats), apartments, dengan izin Tuan Pengerusi, Lot-lot pejabat yang mahal-mahal belaka tidak berjaya disewakan atau dibeli oleh orang ramai.

Perlanjutan tempoh masa pembayaran balik yang diminta oleh UDA daripada bank-bank ini adalah di antara 2 hingga 6 tahun. Kadar faedah yang dikenakan juga adalah naik.

Tuan Pengerusi, adalah kadar faedah juga akan turut dinaikkan sekiranya UDA tidak berdaya untuk membayar balik pinjaman-pinjaman ini menjelang masa pembayaran balik.

Dengan inilah, Tuan Pengerusi, saya berharap Kerajaan tidak akan melakukan kesalahan yang begitu besar lagi untuk projek-projek mewah seperti yang tersebut di atas. Dan dengan ini saya berharap juga iaitu "Yang Berhormat Timbalan Wazir" ini dapat menjelaskan juga kerana di Kementerian yang lain dia tidak menjelaskan dengan baik mengenai soalan-soalan yang dikemukakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.26 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang dipohon tambahan sebanyak \$55,650,000 ini ialah merupakan baki pinjaman yang telah diperuntukkan untuk tahun 1985. Bagi tahun 1985 peruntukan sebanyak \$71.1 juta telah disediakan untuk dipinjamkan kepada UDA bagi projek-projek pembangunannya. Tetapi pihak Perbendaharaan hanya meluluskan pengeluaran sebanyak \$15.45 juta sahaja daripada peruntukan tambahan tersebut dalam tahun itu. Setelah rayuan dibuat oleh UDA dan Kementerian Perusahaan Awam, Perbendaharaan telah bersetuju untuk meluluskan pengeluaran bagi peruntukan sebanyak \$55.65 juta dengan cara dikontrak dengan bayaran balik pinjaman UDA kepada Kerajaan.

Kelulusan itu hanya diberi dalam tahun 1986 dan dengan itu memerlukan peruntukan tambahan bagi Kepala P.33 Anggaran Belanjawan 1986.

Mengenai jumlah \$10,498,668 sebanyak \$3,798,668 daripada jumlah ini merupakan peruntukan daripada tahun 1985 yang diluluskan pengeluarannya hanya dalam tahun 1986. Bakinya sebanyak \$6.7 juta adalah daripada peruntukan tahun 1986 yang pada asalnya diperuntukkan sebagai pinjaman. Peruntukan tambahan ini perlu diadakan akibat daripada perubahan dasar pembiayaan projek-projek Penang Task Force (PTF) yang sebelum ini dibiayai melalui pinjaman tetapi mulai tahun 1985 diputuskan dibiayai secara grant. Jumlah yang tercatat di dalam Kertas Perintah 9A Tahun 1987 ialah \$10,498.678 tetapi jumlah sebenarnya ialah \$10,498,668 sahaja.

Merujuk kepada perkara pinjaman \$220 juta, sukalan saya menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dalam melaksanakan projek-projek kompleks, UDA tidak pernah mendapatkan sumber-sumber kewangan daripada institusi-institusi tempatan bagi perlaksanaan projek-projeknya. Oleh sebab demikian apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak tepat.

Mengenai projek-projek perumahan UDA, projek-projek kita telah dibangunkan dengan penuh kajian mengikut pasaran-pasaran yang telah dikaji dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka menjawab perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai projek UBN (UDA-Bukit Nenas) dan Kompleks Pertama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua projek ini bukanlah kompleks yang dibina oleh UDA. Jadi, saya harap Ahli Yang

Berhormat mendapatkan maklumat yang lebih tepat sebelum dibawa ke Dewan ini.

Mengenai tanggapan Ahli Yang Berhormat bahawa UDA selalu melibatkan diri dalam pembangunan kompleks-kompleks dan ruang pejabat yang mahal-mahal, ini juga tidak benar sama sekali. Walaupun ada di antara projek-projek tersebut memang mahal seperti Plaza Bukit Bintang ini, sebenarnya telah dibuat berdasarkan kepada kajian kemungkinan yang rapi. Oleh yang demikian, kos projek tersebut serta kadar sewa ruang pejabat, ruang niaganya memanglah tinggi sedikit tetapi berpatutan dibandingkan dengan kadar pasaran di tempat-tempat berkenaan.

UDA juga sejak dahulu lagi memang melaksanakan banyak projek-projek yang berharga rendah, misalnya projek perumahan Salak South, Bandar Baru Tanjung To'kong dan Bandar Baru UDA. Begitu juga mengenai. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*) .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Beri jalankah atau tidak?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa projek seperti di Tanjong Tokong itu tidak didiami oleh penduduk lagi. Saya tidak nampak bagaimana cara-cara dibuat untuk membayar balik dengan bahana dan bahang kemelesetan ekonomi sekarang ini. Yang Berhormat tidak menjelaskan cara-cara untuk membayar balik pinjaman yang begitu besar.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Mengenai penduduk Projek Tanjong Tokong tidak benar belum dipindahkan. Sebenarnya, peringkat

pertama—fasa pertama telah pun dipindahkan, mereka bertempat di kawasan sekitaran telah dipindahkan ke fasa pertama.

Mengenai fasa pertama dua dan tiga, fasa dua baru sahaja dapat C. F. fasa tiga belum lagi. Oleh sebab fasa tiga belum dapat C.F. maka kita tidak bercadang untuk memindahkan mereka kerana sekiranya kita pindahkan mereka secara berkelompok dengan tidak sepenuhnya, kemungkinan tempat yang kosong itu akan dipenuhi pula oleh mereka yang menduduki tanah itu secara haram. Oleh sebab yang demikian, kita terpaksa menunggu C.F. untuk fasa ketiga dan apabila siap C.F. fasa ketiga maka keseluruhan penduduk di kawasan tersebut akan dipindahkan dan peringkat empat akan dimulakan untuk dibina rumah-rumah murah supaya mereka yang sekarang berada di fasa 5 akan dipindahkan. Untuk cara membiayainya ialah dengan kita membangunkan projek fasa lima itu secara commercial dan dalam kajian kita kemungkinan dalam masa lima tahun yang akan datang, projek-projek commercial ini akan boleh memberi pulangan untuk membayar balik pinjaman kepada Kerajaan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Jadi oleh sebab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah saya jelaskan dengan terang dan jelas, saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$66,148,738 yang disebutkan dalam Maksud P.33 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Perusahaan Awam hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$66,148,738 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P. 34 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Adakah wang ini token vote?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan):** Ya. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah peruntukan token sahaja, sebab itu tidak perlu dibahas.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$220 yang disebutkan dalam Maksud P.34 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Kesihatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$220 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud B.36 (Jadual)—*

*Maksud P.35, P.36, P.37, P.40, P. 41 dan P. 42 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.36 dan Pembangunan P.35, P.36, P.37, P.40 dan 42 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat dari Tanjong.

5.34 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan Maksud B.36 khasnya mengenai Butiran 3—Pencegahan Jenayah dan Siasatan Jenayah.

Apa yang kita hadapi ialah peruntukan untuk pembayaran tunggakan dan saya rasa kita perlu menumpukan perhatian kita, khasnya kepada satu segi kelemahan Polis Diraja Malaysia khasnya dalam usaha memerangi jenayah koperat atau dengan izin, white-collar crime.

Apa yang berlaku baru-baru ini, kita perlu menambahkan usaha-usaha supaya di negara kita corporate crime tidak bermaharaja lela, khasnya apabila kita nampak begitu ramai tokoh-tokoh masyarakat, Kerajaan yang melibatkan dalam jenayah-jenayah koperat sehingga ada didakwa dalam mahkamah oleh kerana pecah amanah, termasuk seorang Timbalan Menteri yang sekarang ini ada dalam Kerajaan. Ini satu perkara yang saya rasa, khasnya pendeposit-pendeposit koperasi-koperasi sangat tidak puas hati oleh kerana sungguhpun perkara ini sudah begitu lama tetapi tidak ada apa-apa usaha konkrit yang menunjukkan bahawa Kerajaan ada cukup kelengkapan dan persediaan untuk menghadapi masalah ini.

Bank Negara sampai sekarang sudah buat laporan polis mengenai pecah amanah dalam 9 kes co-operative dan lagi buat laporan terhadap 22 koperasi yang lain mengenai kesalahan-kesalahan yang lain tetapi sehingga baru lima atau enam koperasi di mana ada tindakan-tindakan diambil. Ini tidak puas hati.

Dalam bulan Januari kita dengar bahawa pihak polis mahu mengumumkan senarai 300 orang yang ada terlibat dalam jenayah-jenayah atau kesalahan-kesalahan co-operative

tetapi selepas itu perkara ini disembunyikan. Apa sebab dan kenapa perkara ini tidak diteruskan semacam apa yang berlaku pada satu saat masa itu Bank Negara mahu mengumumkan senarai peminjam-peminjam besar co-operative tetapi kemudiannya tidak diumumkan. Adakah ini oleh kerana seorang anggota Kabinet antara orang-orang peminjam yang besar, seorang anggota Kabinet, seorang Menteri penuh. Itu saya rasa mustahak supaya kita mahu tahu sama ada pihak polis ada cukup kakitangan, cukup kemahuan, cukup kebolehan untuk memerangi jenayah-jenayah koperat supaya boleh memenangi balik kepercayaan orang ramai, khasnya oleh kerana skandal co-operative yang bernilai \$1.5 billion. Dan juga ada satu perkara di mana ada laporan polis dibuat terhadap Co-operative Central Bank (CCB) di mana sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan dibuat. Kenapa pihak polis mengambil masa yang begitu panjang untuk menangkap dan mendakwa mereka yang bersalah oleh kerana ini bersangkut-paut dengan wang orang ramai.

Point yang ketiga, di mana kita membuat peruntukan untuk pembayaran tunggakan. Kita di sini akan menyokong semua usaha untuk menentukan bahawa pihak polis, anggota-anggota polis diberi gaji dan syarat perkhidmatan yang sesuai tetapi kita tidak mahu negara kita menjadi satu police State atau Negara polis. Ini mustahak. Oleh kerana saya baru-baru ini dapat satu komplek daripada seorang peguam; sebenarnya bekas penasihat PAS, Haji Suhaimi Said yang ada diletakkan di bawah, dengan izin, restricted residence di Melaka, di mana beliau komplek bahawa semua surat-suratnya telah dibuka oleh pihak Special Branch, semua surat-suratnya.

Ini diberitahu kepada dia oleh kakitangan Pejabat Pos bahawa semua surat-surat firma saya dan surat peribadi saya dibuka oleh pihak Special

Branch. Kanapa ini perlu dibuat? Bukan sahaja tindakan Special Branch ini bertentangan dengan etika Perkhidmatan Pos, tetapi pun bertentangan dengan hak individu sebagai rakyat.

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu penjelasan kenapa perlu kita sampai satu ke tahap di mana semua surat-surat seorang, sungguhpun seorang ditahan di bawah Internal Security Act dahulu, tetapi sakarang menjalankan perniagaan atau profesyen undang-undangnya semua dibuka oleh Special Branch. Inilah satu tindakan yang melanggar hak asasi dan kalau tidak ditahankan, kita akan sampai ke tahap satu police state.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.41 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, saya juga turut bersama dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa dan saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Maksud B. 26—Polis Di Raja Malaysia di mana tambahan sebanyak \$60.9 juta dikehendaki untuk menampung pembayaran tunggakan bagi pindaan gaji permulaan Konstabel Polis yang dikuatkuasakan mulai 1hb Oktober, 1983 dan juga untuk menampung pertambahan gaji bagi anggota polis dari pangkat Konstabel hingga Sub-Inspektor yang telah diselaraskan semula mulai 1hb Julai, 1985.

Tuan Pengerusi, sebenarnya pembayaran tunggakan dan kenaikan gaji seperti yang diminta itu memang sudah lama ditunggu-tunggu. Saya telah menyuarakan masalah kesusahan anggota polis terutamanya Konstabel Polis selama ini mengenai kelewatan Kerajaan untuk memenuhi dan

membayar kenaikan gaji dan tunggakan diterima oleh mereka.

Sementara menyokong peruntukan tambahan ini, saya juga suka menggesa pihak Polis Di Raja Malaysia supaya terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan kewujudan sebuah Pasukan Polis yang berdisiplin dan cekap bagi negara ini.

Adalah perlu kita mempunyai sebuah Pasukan Polis yang mana orang awam akan menaruh kepercayaan yang sepenuhnya ke atas mereka bagi memastikan undang-undang negara ini dipelihara dengan baik. Sehingga sekarang Pasukan Polis kita tidak boleh dianggap memuaskan sepenuhnya dalam prestasi mereka. Kami masih mendengar dan melihat banyak kes-kes kekejaman polis pada masa yang lalu sehingga hari ini terhadap orang-orang awam dan semua kes-kes ini pun juga telah menerima liputan dalam akhbar-akhbar tempatan, kes-kes kekejaman polis ke atas orang-orang awam telah membangkitkan rasa bimbang di kalangan orang ramai.

Saya suka meminta Timbalan Menteri berkenaan menyatakan di sini tentang berapa banyak kes kekejaman polis ke atas orang awam yang telah dilaporkan dan apakah tindakan disiplin yang telah diambil oleh pihak berkuasa berkenaan ke atas anggota-anggota yang terlibat.

Adalah penting bagi saya menyatakan di sini bahawa apakah Pasukan Polis patut berbuat bagi memastikan bahawa kambing hitam ini ataupun "black sheep" dengan izin, dalam pasukan tidak akan merosakkan nama baik Pasukan Polis. Seharusnya diwujudkan standard disiplin yang tinggi di semua peringkat Pasukan Polis dengan tujuan untuk memastikan pasukan ini menerima kepercayaan dan pengiktirafan orang ramai.

Satu lagi cadangan yang saya ingin juga membangkitkan di sini ialah untuk menggesa Pasukan Polis supaya memperkuatkan Bahagian Jenayah perdagangannya dan meningkatkan kepakarannya dengan melatih tenaga-tenaga profesional dan pakar-pakar dalam siasatan jenayah perdagangan. Sepertimana yang telah dibangkitkan tadi oleh Wakil dari Tanjong, terdapat terlalu banyak kes jenayah perniagaan khususnya jenayah korporat sejak akhir-akhir ini oleh kerana bertambahnya kes-kes pecah amanah, rasuah dan salah guna kuasa baik di sektor awam ataupun di sektor swasta.

Pasukan Polis hendaklah diperlengkapkan sepenuhnya untuk mengendalikannya semua kes ini, khususnya mengenai kes-kes yang berkaitan dengan skandal koperasi sepertimana yang telah disebut oleh Wakil dari Tanjong.

Pada akhirnya, saya juga suka mengambil peluang ini untuk menyeru Kerajaan supaya mengadakan satu semakan semula tanggagaji anggota-anggota polis di semua peringkat atau pangkat apabila ekonomi negara ini pulih semula. Hal ini sangat penting bagi Konstabel Polis hinggalah ke Sub-Inspektor. Gaji yang mereka terima pada masa kini tidaklah mencukupi.

Sebagai satu misalan, seorang Konstabel Polis hanya menerima gaji \$350 sahaja apabila memasuki Pasukan Polis dan apabila jawatannya telah disahkan, beliau hanya menerima gaji \$395 sahaja. Gaji maksimum yang beliau boleh memperolehi pada masa ini ialah \$635 sahaja, manakala Elaun Perkhidmatan ialah \$30 dan Elaun Sewa Rumah ialah hanya \$85 sebulan. Bagaimana kita boleh menjangka seorang Konstabel Polis yang mempunyai keluarga sendiri boleh hidup dalam sebuah bandaraya seperti Kuala Lumpur dengan pendapatan sebanyak itu. Kerajaan mestilah menimbangkan dengan serius

cadangan supaya disemak semula tanggagaji tersebut apabila ekonomi negara memulih baik supaya Konstabel Polis akan berupaya menerima satu tanggagaji yang bermakna selaras dengan kerjanya dan tugas yang mereka melaksanakan. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Selepas itu, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.47 ptg.

**Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.36 Butiran (3)—Pencegahan Jenayah.

Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan beberapa kes di sini. Kes pertama iaitu kes Ang Bak Teik. Ang Bak Teik ini seorang murid yang berumur 13 tahun, yang menuntut di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam. Dia telah dipukul dengan rotan sehingga pingsan dan muntah darah dalam sebuah pusat snooker di Bukit Tengah, Bukit Mertajam pada 11hb November, 1986. Bapa Ang Bak Teik telah melaporkan kejadian kepada pihak polis dengan aduan bahawa anak yang disayangi telah dipukul oleh seorang Inspektor.

Yang Berhormat dari kawasan Ipoh yang membangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini pada 26hb November, 1986 dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun memberi jaminan pada masa itu bahawa Kementeriannya akan menyiasat kes itu dan beliau sendiri akan berhubung dengan pihak polis untuk mengetahui kejadian yang sebenarnya. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini apakah keputusan penyiasatan terhadap kes ini dan juga adakah tindakan disiplin yang diambil terhadap Inspektor itu.

Tuan Pengerusi, kes yang kedua ialah kes Ng Tin Choon alias Ng Chin Choon. Ng Tin Choon adalah seorang pesakit jiwa. Pada 30hb Julai, 1986 beliau sekali lagi dimasukkan ke Unit Sakit Jiwa di Hospital Pulau Pinang. Malangnya pesakit ini didapati mati di luar kawasan Hospital Sakit Jiwa di Jalan Perak itu pada 10hb Ogos, 1986. Perkara ini telah pun dibangkitkan di Dewan ini oleh saya pada 17hb November, 1986 dan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan berkata bahawa kes ini sudah dilaporkan kepada pihak polis untuk siasatan lanjut dan kerana itu dia tidak dapat memberi butir-butir siasatan pada masa itu oleh kerana pihak polis belum lagi menyelesaikan siasatan itu.

Tuan Pengerusi, perkara ini telah terjadi lebih daripada setengah tahun, oleh kerana itu saya minta Timbalan Menteri boleh beri satu laporan apa sebenarnya yang telah terjadi dan apakah keputusan yang telah didapati.

Tuan Pengerusi, kes yang ketiga iaitu pada 8hb Februari, 1987 di mana ada sejumlah 143 orang keturunan Cina telah ditahan dan dibawa balik ke Balai Polis Kota Bharu dan diambil gambar mereka bersama, seolah-olah mereka penjenayah, tetapi, Tuan Pengerusi, selepas itu mereka dilepaskan dan ini telah menyinggung perasaan masyarakat orang Cina. Jadi, saya berharap perkara ini lebih baik jangan berlaku lagi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyuruh pihak Polis jangan menggunakan Section 177 Akta Polis untuk menangkap orang ramai oleh kerana kadangkala yang ditangkap itu telah dilepaskan dengan tidak bersalah dan di dalam tahanan orang itu kena pukul dan mungkin selepas itu orang itu tidak dapat buat apa-apa. Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap Timbalan Menteri boleh mengarahkan supaya pihak Polis

janganlah menggunakan Section 177 sewenang-wenangnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan berjumlah \$60,900 adalah diperlukan untuk menampung pembayaran tunggakan dan penyelarasan gaji bagi anggota pangkat rendah Polis Diraja Malaysia berikutan daripada penguatkuasaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5/1985 dan Bilangan 5/1986. Pekeliling Bil. 5/1985 melibatkan 64,947 orang anggota Polis:

Sab Inspektor .. .. .	200
Sarjan Mejar .. .. .	466
Sarjan .. .. .	3,251
Koperal .. .. .	8,508
Lans koperal/Konstabel	46,953
Konstabel Tambahan	4,037
Pengakap Sempadan	1,532
	<hr/>
Jumlah:	64,947

Pekeliling Bil. 5/86 pula adalah meluluskan tambahan kepada penyelarasan gaji bagi anggota Polis Pangkat rendah dalam Perkhidmatan Polis Diraja di mana pegawai berpangkat Konstabel sehingga Koperal telah diberi penyelarasan gaji baru dengan kenaikan \$15 dan ini melibatkan anggota Polis seramai 61,030 iaitu:

Koperal .. .. .	8,508
Lans Koperal/Konstabel ..	46,953
Konstabel Tambahan ..	4,037
Pengakap Sempadan ..	1,532
	<hr/>
Jumlah:	61,030

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang apa yang telah disuarakan oleh wakil Tanjong, perlulah saya memberi tahu bahawa Cawangan Siasatan Jenayah

hanya merupakan 5% daripada keseluruhan anggota Polis. Perkara ini akan dikaji dan akan diperbaiki dengan kemasukan ramai siswazah memasuki perkhidmatan Polis. Kita tahu bahawa penjenayah keparat itu adalah satu penjenayah yang begitu sofistikated, memerlukan pasukan yang begitu cekap kerana yang melakukan jenayah itu lebih cekap daripada segala-galanya. Oleh sebab itu, membandingkan bahawa jenayah itu sophisticated, maka kita terpaksa mengambil masa yang begitu panjang untuk menyasat kerana tidak berguna kita tangkap tetapi tidak cukup bukti, akhirnya yang ditangkap akan lepas begitu sahaja.

Jadi berilah peluang kepada pasukan Polis, terutama Cawangan Jenayah yang begitu kecil bilangannya menjalankan kerja-kerja untuk kepentingan masyarakat keseluruhannya.

Tentang surat Saudara Haji Suhaimi Said masih ditahan atau disekat, yang telah dibuka seperti didakwa oleh wakil dari Tanjong itu, perkara ini akan disiasat oleh Kementerian. Tetapi memang benarlah jika seseorang itu masih ditahan, semua suratnya terpaksa ditapis oleh pihak yang menahan, kerana itu tercatat di dalam kertas yang digunakan oleh orang yang ditahan kerana kertas tulisan itu adalah daripada Pusat Tahanan sendiri, kalau mereka menggunakan surat kertas putih daripada Pusat Tahanan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan. Beliau bukanlah dalam tahanan. Beliau di bawah "Restricted Residence" dan beliau ada dibenarkan untuk bebas di kawasan Melaka pada masa tertentu dan menjalankan profesion undang-undang. Semua surat-suratnya mengikut suratnya yang sebenarnya ditulis kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di mana ada diberikan copy

kepada saya, adalah semua suratnya, surat-surat firma dan surat-surat peribadinya dibuka oleh pihak Special Branch. Surat-surat firmanya itu bukan beliau seorang sahaja, tetapi ada lain-lain peguam selain Haji Suhaimi Said, Abdullah Sidek, Mohd. Radzi Mustafa dan tentulah perkara ini satu tindakan melanggar etika hak asasi dan lain-lain.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, itu sebab saya hendak siasat, saya ceritakan tadi kalau orang itu ditahan. Kalau sekiranya Suhaimi Said disekat sahaja, itu sebab saya ingin masa untuk menyasat perkara ini.

Wakil dari Bukit Bintang telah membangkitkan perkara kelambatan dalam membayar tunggakan gaji, memang kita akui ada kelambatan tentang membayar tunggakan itu. Ini adalah disebabkan rekod-rekod yang dahulu tidak dikemaskini, ia mengambil masa untuk mengemaskinikan rekod-rekod itu kerana rekod itu tidak mempunyai, tidak dicomputerisekan, dengan izin, tetapi dengan adanya komputer hari ini, rekod-rekod itu dapat dikemaskinikan dan bayaran telah pun dibuat. Insya Allah, kalau ada kenaikan lagi di masa depan, dengan rekod yang ada, tunggakan yang lambat itu dapat dibereskan dengan secepat mungkin.

Berkenaan dengan kekejaman Polis terhadap orang ramai, jika ada laporan dan bukti akan diambil tindakan. Saya tidak dapatlah memberikan butir-butir lanjut berapakah bilangan tindakan yang diambil di sini, saya akan cuba untuk memberi secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat tentang angka-angka itu. Tetapi kita juga mesti sedar bahawa ramai juga anggota Polis yang menjadi mangsa kekejaman orang ramai seperti ditumbuk, ditembak, ditikam dan dilanggar. Kita juga mesti bersimpati dengan keadaan seperti ini kerana kedua-dua pihak Polis akan

menjadi mangsa. Kalau sekiranya berlaku kekasaran kepada orang ramai, ada bukti, pihak Polis juga menjadi mangsa di mana kadangkadangkang mereka ditikam, ditumbuk, dilanggar di mana anggota Polis juga menjadi mangsa. Kita mesti merasakan, mempunyai perasaan terhadap apa yang ditanggung oleh pihak Polis itu.

Tentang kewibawaan Pasukan Polis, Kementerian Dalam Negeri memang sentiasa cuba seberapa daya untuk mempertingkatkan kewibawaan dengan prestasi pasukan Polis mengikut keperluan semasa.

Tentang kenaikan gaji, jika sekiranya ekonomi bertambah baik, insya Allah, gaji anggota Polis ini akan dipertimbangkan mengikut masa yang tertentu.

Menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh wakil Bukit Mertajam, oleh kerana perkara ini terlalu khusus, saya mohon agar Yang Berhormat Tuan Pengerusi mengizinkan untuk menjawab secara bertulis bagi kedua-dua perkara yang telah dibangkitkan. Tetapi perkara yang ketiga iaitu berkenaan dengan 143 orang Cina yang ditahan di Kota Bharu pada 8hb Febuari, 1987 itu adalah kerana Operasi Pencegahan Jenayah setelah pihak Polis menerima maklumat yang kedua kawasan tersebut menjadi tempat kegiatan kongsi gelap, tempat perjumpaan antara penjenayah-penjenayah dari Thailand dan Malaysia. Setelah siasatan mereka itu dibebaskan. Kalau siasatan tidak dibuat, Ahli Yang Berhormat juga akan menjerit di Parlimen ini mengatakan mengapakah pusat jenayah itu tidak disiasat oleh pihak Polis. Jadi kalau buat siasat pun susah, tak buat siasatan pun susah. Itulah tanggungjawab yang telah dijalankan oleh pihak Polis. Dengan itu, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berilah

kesempatan kepada pihak Polis menjalankan tugasnya dengan sebaik-baiknya untuk kepentingan masyarakat keseluruhannya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$60,900,000 untuk Maksud B.36 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$60,900,000 untuk Maksud B.36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Maksud P.35; \$80 dalam Maksud P.36; \$40 dalam Maksud P.37; \$60 dalam Maksud P.40; \$30 dalam Maksud P.41 dan \$20 dalam Maksud P.42 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan setuju.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P.35; \$80 untuk P.36; \$40 untuk Maksud P.37; \$60 untuk Maksud P.40; \$30 untuk Maksud P.41 dan \$20 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud B.44 (Jadual)—*

*Maksud P.44 dan P.45 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.44 dan P.44 dan P.45 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang

sejumlah \$10 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.44 dan \$20 dalam Maksud P.45 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 hendak diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.44 dan \$20 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.47 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Buruh terbuka untuk dibahas. Ini adalah token juga.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$60 yang disebutkan dalam Maksud P.47 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$60 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.48, P.49 dan P.50 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Pembangunan P.48, P.49 dan P.50 di

bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$40 yang disebutkan dalam Maksud P.48; \$20 dalam Maksud P.49 dan \$60 dalam Maksud P.50 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40 untuk Maksud P.48; \$20 untuk Maksud P.49 dan \$60 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.51 dan P.52 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985)—*

*Maksud P.51, P.52, P.54, P.55 dan P.56 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Pembangunan P.51, P.52, untuk tahun 1985, Maksud P.51, P.52, P.54, P.55 dan P.56 untuk tahun 1986 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Seremban.

6.07 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit merujuk kepada Maksud P.54 muka surat 109, Butiran 1 berkenaan Jabatan Penerbangan Awam.

Tuan Pengerusi, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Tan Sri Razaleigh telah berkata bahawa Malaysia patut mengakhiri perjanjian service penerbangan dengan Singapura

sebagai, dengan izin. "part of the fundamental reappraisal of the country's Aviation Policy".

Masa itu ialah semasa lawatan Presiden Israel Chaim Herzog ke Singapura. Sekarang segala kekecohan yang timbul akibat lawatan ini telah berakhir. Keseluruhannya isu ini patut dikaji semula dengan teliti dan dengan coolness, dengan izin.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap di bawah?

**Dr Chen Man Hin:** Jabatan Penerbangan Awam (Civil Aviation) muka surat 109 Maksud P.54.

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap, ini berkenaan dengan wang sebanyak \$15 juta.

**Dr Chen Man Hin:** Ya, untuk pembangunan.

**Tuan Pengerusi:** \$15 juta jikalau sekiranya kita baca dan tengok di muka surat 18 di atas Kertas Perintah 9A bersangkutan-paut dengan kontrak kerja untuk projek Lapangan Terbang di Kuala Terengganu, juruperunding bagi pembangunan semula Lapangan Terbang Ipoh.

**Dr Chen Man Hin:** Lapangan Terbang Pulau Pinang juga, sebab Pulau Pinang ada shuttle service dengan Singapura.

**Tuan Pengerusi:** Di sini tidak disebut dalam perbelanjaan yang \$15,526,330—tidak disebut pergi ke Singapura.

**Dr Chen Man Hin:** Tetapi Lapangan Terbang di Pulau Pinang ada shuttle service dengan Singapura. Ini pun ada berkaitan dengan pembangunan, Tuan Pengerusi. Ini bukan di atas policy, tetapi di atas service atau perkhidmatan dan pembangunan MAS juga.

**Tuan Pengerusi:** Saya tahu tetapi adakah bersangkutan dengan apa-apa kontrak dengan Singapura, itu soalnya?

**Dr Chin Man Hin:** Ini bukan Singapura sahaja, tetapi khasnya dengan polisi MAS, tujuan dan schedule untuk flights.

**Tuan Pengerusi:** Ke Singapura?

**Dr Chen Man Hin:** Kesemua destinasi.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah cuba terangkan. Teruskan.

**Dr Chen Man Hin:** Ringkas, tiada banyak, satu muka sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dr Chen Man Hin:** Sekarang segala kekecohan yang timbul akibat lawatan itu telah berakhir keseluruhannya isu ini patut dikaji semula dengan teliti.

Tuan Pengerusi, anti zionism adalah satu perkara dan hal ekonomi adalah satu perkara yang lain. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjemput Dr Kessinger datang ke Kuala Lumpur, kemungkinan besar jemputan ini untuk menunjukkan bahawa Malaysia adalah bukan anti Yahudi, kerana imej anti Yahudi boleh mengancam kepentingan ekonomi Malaysia dan Amerika Syarikat dan Eropah. Dengan adanya perjanjian penerbangan dengan Singapura wujudnya penerbangan shuttle di antara Kuala Lumpur/Pulau Pinang/Kuching/Singapura.

Penerbangan shuttle di antara dua negara bukan sahaja terdapat di antara Malaysia dengan Singapura, malah di Eropah juga wujudnya penerbangan shuttle di antara bandaraya-bandaraya yang besar dalam negara-negara yang lain seperti London-Paris, Brussels-London dan lain-lain lagi. Sebahagian

besar dari penumpang-penumpang dalam penerbangan shuttle adalah terdiri dari ahli-ahli perniagaan, begitu juga dengan penerbangan di antara Kuala Lumpur dengan Singapura. Kita patut mengingati bahawa Singapura adalah merupakan salah satu daripada 3 negara yang menjalankan perdagangan dengan Malaysia selepas Amerika Syarikat dan Jepun. Jika penerbangan shuttle di antara Kuala Lumpur—Singapura dihentikan, ahli-ahli perniagaan akan menggunakan Lapangan Terbang Senai sebagai ganti penerbangan shuttle ini, mereka terpaksa menghadapi masalah perjalanan yang jauh, dari Senai ke Singapura dan juga masalah yang wujud di Tambak Johor.

Kita patut mengingati bahawa jika penerbangan shuttle ini dihentikan, kemungkinan besar ialah boleh mengancam perdagangan negara ini dan kesannya akan dihadapi oleh rakyat negeri ini.

Satu contoh yang baik ialah masalah racun serangga yang banyak dalam sayur-sayuran dan kesannya atas ekonomi tempatan di Cameron Highlands. Penumpang-penumpang yang dirampas atau "poaching", dengan izin, oleh SIA, tuntutan ini yang telah dibuat oleh MAS boleh diatasi dengan positifnya jika MAS memperbaiki dan meluaskan service antarabangnya. Rakyat Malaysia mungkin memilih untuk menggunakan perkhidmatan SIA kerana kemudahan yang dibekalkan oleh SIA. Ini adalah disebabkan SIA mempunyai lebih penerbangan ke destinasi-destinasi luar negeri. Sekarang hanya 25 daripada 43 syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa memilih untuk mendarat di Malaysia. MAS sepatutnya menyiasat perkara ini dan mengatarkan penerbangan bilateral dengan syarikat-syarikat penerbangan yang tidak mendarat di Kuala Lumpur.

Di samping itu, terdapat syarikat-syarikat penerbangan luar negeri yang

membuat penerbangan ke Kuala Lumpur dari Brussels-Colombo-Belgrade-Karachi, tetapi MAS tidak membalas penerbangan ke bandar-bandar itu. Kesemua penerbangan MAS ke Eropah selalu berakhir di London. Sekarang sudah sampai masa MAS untuk mengadakan lebih penerbangan ke destinasi-destinasi lain di Eropah, seperti Copenhagen, Rome, Geneva, Athens dan Brussels. . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya rasa itu terkeluar daripada P.54.

**Dr Chen Man Hin:** Ada sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Saya mintalah supaya jangan, jika sedikit pun berilah bersangkutan dengan Maksud P.54. P.54 itu ialah peruntukan bagi Kerja untuk Projek-projek Lapanganterbang di Kuala Terengganu, Pulau Pinang dan Pulau Langkawi. Jikalau sekiranya penerbangan ke Amsterdam, Hague, ke mana-mana, itu tak sangkut langsung.

**Dr Chen Man Hin:** Tetapi ini ada sangkut, sebab flight MAS-schedule-schedule . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Bolehlah sangkut apa dengan MAS, tetapi peruntukan ini ialah untuk kerja-kerja yang menggunakan peruntukan itu.

**Dr Chen Man Hin:** Ya, MAS mahu terbang ke Brussels . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa tak boleh itu. Mintalah tolong digulungkan.

**Dr Chen Man Hin:** Okay. Tuan Pengerusi, saya harap MAS adakan turn-about flights ke destinasi-destinasi itu.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, MAS patut tahu bahawa penerbangan ke bandar-bandar Asia seperti Hongkong, Taipeh, Seoul, dan Tokyo

adalah terlalu sedikit dan MAS patut mengadakan lebih penerbangan ke bandar-bandar ini. Dengan menambahkan jumlah penerbangan yang terdapat pada masa sekarang, memperluaskan penerbangannya ke destinasi-destinasi lain, MAS boleh memastikan lebih ramai rakyat Malaysia akan menggunakan perkhidmatannya dan bukannya perkhidmatan SIA atau lain-lain syarikat penerbangan. Kita patut biarkan penerbangan shuttle berterusan untuk memudahkan ahli-ahli peniaga yang ingin menggunakan serta untuk mempertahankan perdagangan dan ekonomi negara kita.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri minta jawab. Kita tidak ada masa, kita kena habiskan hari ini juga ikut Peraturan Mesyuarat 67. Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

6.13 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru bercakap tadi itu, tetapi ucapannya tak ada kena-mengena. Ini berkenaan dengan Pembangunan Lapanganterbang, Membaiki Pemulihan Landasan dan sebagainya. Sebenarnya yang diucapkan oleh Yang Berhormat tadi itu ada satu soalan . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong bangun. Hendak beri jalan?

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Tak Payahlah.

**Tuan Pengerusi:** Tak payah.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Tak mustahak lagi. Yang Berhormat tadi itu bercakap sebenarnya ada soalan hari ini No. 64, tetapi dia hendak lepaskan geram dekat sini, dia cakupkannya sampai keluar daripada tajuk yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.51 dan \$10 dalam Maksud P.52 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1985; dan perbelanjaan sebanyak \$60 yang disebutkan dalam Maksud P.51; \$40 dalam Maksud P.52; \$15,526,330 dalam Maksud P.54; \$130 dalam Maksud P.55 dan \$10 dalam Maksud P.56 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.51 dan \$10 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1985; dan wang sebanyak \$60 untuk Maksud P.51; \$40 untuk Maksud P.52; \$15,526,330 untuk Maksud P.54; \$130 untuk Maksud P.55 dan \$10 untuk Maksud P.56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.58 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985)—*

*Maksud P.57, P.58 dan P.59 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Pembangunan P.58 Tahun 1985 dan P.57, P.58 dan P.59 (untuk Tahun 1986) di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk

dibahas. Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

6.15 ptg.

**Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):**  
Tuan Pengerusi, saya ingin ambil bahagian untuk membahaskan di bawah tajuk Maksud P.58 Jabatan Telekom di mana sebanyak \$396 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Jabatan ini untuk menampung perbelanjaan projek pembangunan yang sedang dilaksanakan itu, iaitu projek-projek rangkaian tempatan, rangkaian jauh, rangkaian suis dan pembinaan bangunan bagi penempatan alat-alat telekom.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebut di mana Telekom menjalankan kerja pelaksanaan dengan projek-projek mereka didapati beberapa projek apabila mereka jalankan tidak ambil kira projek-projek itu, sama ada disiapkan dengan sempurnanya atau tidak. Saya dapati banyak projek-projek telah dijalankan didapati tidak membaiki jalan-jalan dan lubang-lubang yang telah dikorek yang tidak ditimbus balik ataupun memperbaiki balik di mana dapat banyak projek-projek yang dijalankan itu menyusahkan orang-orang yang duduk di tempat yang berhampiran itu.

Di negeri Perak juga, Tuan Pengerusi, saya dapati beberapa projek yang dijalankan oleh Jabatan Telekom sehingga hari ini tidak dibaiki lubang-lubang dan exchange-exchange ibu sawat di sesuatu tempat dan kabel-kabel dipasang di sesuatu tempat didapati beberapa kerja tidak dijalankan dengan sempurna. Oleh kerana itu, perbelanjaan sebanyak \$300 juta lebih itu mungkin dibazirkan oleh kerana kontrak-kontrak itu mungkin dijalankan oleh syarikat swasta, seperti syarikat-syarikat yang diapprovekan oleh Jabatan Telekom itu di mana mereka hanya hendak

mencari keuntungan sahaja, tetapi tidak mengira kesusahan atau kesulitan yang menyebabkan daripada kerja mereka dan di mana penduduk-penduduk di sekitar itu tidak menyenangkan hati oleh kerana kerja yang dijalankan itu.

Tuan Pengerusi, di sini juga saya menyeru Kementerian yang berkenaan bukan hanya memberikan projek-projek kepada satu dua syarikat sahaja, patutlah projek-projek itu diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan di mana mereka mampu untuk menjalankan projek ini dan mereka pun tahu keadaan tempat itu di mana mereka boleh dapat memperbaiki kerja-kerja yang tidak sempurna itu. Jikalau projek-projek diserahkan kepada syarikat-syarikat besar dan mungkin syarikat-syarikat international di mana mereka hanya mencari wang sahaja. Apabila ada aduan-aduan yang dibentangkan oleh penduduk-penduduk di sesuatu tempat, mereka hanya terima sahaja tetapi tidak dihiraukan.

Tuan Pengerusi, saya dapati ramai syarikat-syarikat tempatan, khasnya syarikat di tiap-tiap negeri mampu menjalankan kerjanya, tetapi mungkin modalnya kurang. Jikalau keadaan begitu, saya rasa Kerajaan patutlah memberi peluang dan memperuntukkan pinjaman yang cukup untuk syarikat-syarikat tempatan itu untuk memberi peluang kepada mereka menjalankan kerjanya dan peruntukan-peruntukan sebegitu banyak tidak akan lari keluar daripada negeri kini dan faedah-faedah pun boleh dapat dinikmati oleh syarikat-syarikat tempatan.

Tuan Pengerusi, di sini saya mencadangkan supaya Jabatan yang berkenaan ini, bukanlah tender-tender kepada semua syarikat-syarikat yang ingin menyertai projek tersebut dan bukan hanya memberikan kontrak itu kepada kontraktor-kontraktor dalam

senarai mereka. Itulah cadangan saya dan saya harap Kementerian yang berkenaan boleh menimbangkan cadangan ini dengan saksama. Sekian.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.58—Jabatan Telekom, dan ingin meringkaskan ucapan saya dengan satu soalan sahaja iaitu saya dapat tahu \$396 juta atau \$397 juta ini ialah sebagai perbelanjaan di atas beberapa projek pembangunan. Dengan keadaan penswastan Jabatan Telekom ini, kita dapati wujudnya Sistem Persyarikatan Telekom Malaysia. Yang saya hendak dapat tahu ialah bagaimana \$397 juta ini akan masuk di dalam Sistem Telekom Malaysia atau syarikat ini, sama ada sebagai ekuiti atau sebagai pinjaman ataupun Sistem Telekom Malaysia ini akan membayar balik \$397 juta yang telah didahulukan oleh Kerajaan Malaysia kita. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada urusan di sini. Ada Menteri yang boleh mengemukakan usul?

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula. Sila Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1986 telah dibacakan kali yang ketiga dan Usul

Pembangunan Tambahan yang ada di hadapan Majlis sekarang ini diluluskan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) telah dibacakan kali yang ketiga dan Usul Pembangunan Tambahan yang ada di hadapan Majlis sekarang ini diluluskan, disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) telah dibacakan kali yang ketiga dan Usul Pembangunan Tambahan yang ada di hadapan Majlis sekarang ini diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986)

DAN

## USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN  
(TAMBAHAN) (BIL. 3) 1985

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN  
(TAMBAHAN) (BIL. 2) 1986

*Majlis bersidang dalam Jawatan-kuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Jemput Ahli dari Petaling Jaya.

6.20 ptg.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan P.58 untuk tahun 1986—Jabatan Telekom.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini pada bulan Januari dan Februari, kita ada diberitahu dengan besar-besaran dalam semua suratkhbar iaitu kerja-kerja pembangunan projek Jabatan Telekom di Simpang Jalan Raja Chulan dan Jalan Bukit Nanas adalah terjejas . . . . . satu bangunan yang bermakna iaitu bangunan purba, bangunan rumah ibadat St. Johns Cathedral yang menjadi satu gereja ibu untuk semua penganut Kristian Roman Catholic. Saya diberitahu oleh sumber-sumber dari gereja saya, sebab saya pun seorang Roman Catholic, iaitu tidaklah cukup langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Telekom dan juga perancangan projek pembangunan baru Jabatan Telekom ini sangat berhampiran dengan bangunan gereja yang purba ini dan telah membuat "piling", dengan izin, maka retaklah dinding dan lantai bangunan yang sangat bermakna sekali ini.

Saya diberitahu juga, Menteri berkenaan iaitu Yang Berhormat dari Sarawak, dia ada melawat gereja St. Johns Cathedral dan dia harap pihak-pihak yang berkaitan janganlah membesar-besarkan isu ini sebab ini akan menjadi isu sensitif, satu isu keagamaan. Tetapi semua langkah yang diambil setakat hari ini tidak cukup memuaskan hati pihak Gereja Katolik oleh sebab kerja-kerja pembangunan projek telekom yang baru ini akan disambung dan tidak ada jaminan diberi bahawa pekerjaan yang

disambung tidak akan membawa lebih keretakan kepada bangunan St Johns Cathedral ini. Saya sebagai seorang yang beragama Kristian, saya harap kita beri perhatian, tumpukan sedikit perhatian kepada perasaan orang-orang lain yang sayang kepada bangunan-bangunan purba mereka. Saya harap Jabatan Telekom akan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mengelakkan apa-apa kerosakan atau keretakan dan juga boleh dikatakan bangunan St. Johns Cathedral akan runtuh jika langkah-langkah tidak berkesan diambil oleh Jabatan Telekom.

Saya harap pihak-pihak yang menjalankan kerja dan tugas pembangunan di tempat itu akan memberi perhatian hebat atas isu ini, sebab saya tidak suka di lain hari akan menimbulkan perasaan yang tidak baik dari segi keagamaan. Inilah sepatah dua ucapan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):** Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan-perbahasan di sini tadi. Berkenaan dengan perbelanjaan di bawah Kepala P.58, sebanyak \$396,851,000 itu adalah pinjaman tambahan bagi tahun 1986. Pinjaman tambahan ini dikehendaki kerana penanguhan penswastaaan Jabatan Telekom daripada bulan April tahun 1986 kepada 1hb Januari, 1987. Wang pinjaman tambahan tersebut adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek pembangunan Jabatan Telekom seperti Rangkaian Switch, Rangkaian Jauh, Rangkaian Tempatan, bangunan-bangunan dan lain-lain kabel dasar laut dan lain-lainnya. Semua kontrak kepada

projek-projek ini telah ditandatangani sebelum penswastaaan dilaksanakan. Jadi, kewajipan ini atas Kerajaan untuk membiayai Jabatan Telekom untuk membayar kontrak-kontrak itu. Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai ini, wang ini adalah pinjaman tambahan. Dan ini akan dimasukkan . . . . .

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, saya dari Hulu Selangor, bukan Lembah Pantai.

**Tuan Ong Tin Kim:** Maaf. Pinjaman tambahan ini ada dimasukkan dalam akaun Jabatan Telekom dan akan diambil nilai bila aset-aset dan harta-harta benda tetap Jabatan Telekom akan diambilalih oleh Syarikat Telekom.

Berkenaan perbelanjaan di bawah Maksud P.58 untuk tahun 1985 ini adalah pinjaman tambahan juga diperlukan untuk membiayai projek-projek Jabatan Telekom yang telah diikat kontrak bagi tahun 1985. Projek-projek ini juga untuk membayar kontrak-kontrak yang terikat untuk Rangkaian Switch, Rangkaian Jauh, Rangkaian Tempatan, Bangunan dan lain-lain.

Berkenaan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji itu, Kementerian saya memang sedar bahawa ada jalan-jalan dirosak atau tempat-tempat dikorek dan tidak diperbaiki oleh kontraktor-kontraktor Jabatan Telekom. Saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat itu kerana kontraktor-kontraktor ini adalah kontraktor-kontraktor swasta dan kebanyakan kontraktor-kontraktor ini tidak dapat berhubung dengan pejabat-pejabat Kerajaan lain untuk memperbaiki jalan itu. Tetapi bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil berat tentang hal ini dan kita akan memastikan supaya

kemudian hari kelak kejadian-kejadian ini tidak akan diulangi sekali lagi.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Minta penjelasan?

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kerja-kerja yang tidak disempurnakan oleh kontraktor itu, adakah Kerajaan cadangkan merampaskan cagaran mereka di mana duit cagaran itu dapat memperbaiki jalan-jalan yang dirosakkan oleh kontraktor-kontraktor yang tersebut itu?

**Tuan Ong Tin Kim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan kerosakan jalan-jalan itu diperbaiki. Tetapi hanya masanya agak sangat panjang atau lewat untuk memperbaikinya. Memang semua kerosakan sudah diperbaiki oleh kontraktor-kontraktor swasta itu tetapi adanya kelewatan dalam memperbaikinya dan Kementerian saya akan memastikan semua kerosakan atas jalan raya diakibatkan oleh laying out cables, dengan izin, akan diperbaiki oleh kontraktor-kontraktor berkenaan.

**Tuan P. Patto:** Tadi Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkata bahawa Kementeriannya akan memastikan bahawa kerosakan yang diakibatkan oleh kontraktor-kontraktor pada jalan-jalan raya akan diperbaiki. Bolehkah Yang Berhormat itu memberitahu, apakah tempoh yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor untuk memperbaiki kerosakan yang diakibatkan oleh mereka sendiri oleh kerana daripada jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tadi nampaknya kalaulah mereka mengambil masa, katakan 3 bulan atau 6 bulan, tidak ada sebarang tindakan yang dapat diambil oleh pihak Kementeriannya? Bolehkah

beliau memberitahu tempoh dalam mana mereka harus menyelesaikan masalah itu ataupun kalau mereka melebihi tempoh itu, apakah denda atau hukuman yang akan dikenakan ke atas kontraktor?

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Pengerusi, memangnya tidak tetap masanya untuk memperbaikinya, tetapi bila-bila kita dapat aduan adanya kerosakan atas perjalanan, Jabatan di Kementerian ini akan memberitahu kontraktor-kontraktor untuk memperbaiki dengan segeranya. Jikalau tidak dapat diperbaiki dengan segeranya, kontraktor-kontraktor itu akan diblack list. Jadi, itulah tindakan Kementerian yang akan ambil tentang kontraktor-kontraktor yang tidak memasti atau mematuhi arahan-arahan dari Jabatan Telekom.

**Tuan P. Patto:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ong Tin Kim:** Saya ingat cukuplah. Tentang soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Pinji itu katanya ada kerja-kerja tidak disiapkan oleh kontraktor-kontraktor individu. Setakat ini saya tidak ada bukti yang konkrit. Jikalau Ahli-ahli yang berkenaan boleh dapat memberi bukti-bukti yang konkrit, Kementerian kita mesti mengambil tindakan yang tegas tentang kontraktor-kontraktor swasta itu kerana semua kontraktor yang dapat kontrak dari Kementerian ini adalah kontraktor berdaftar. Sebelum mereka berdaftar dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, mereka disiasat dengan telitinya kemampuan dari segi kewangan, ekonomi, bolehkah mereka menjalankan kontrak-kontrak yang akan diambil oleh mereka. Jadi, kesemua boleh kata pada keseluruhannya 90% kontraktor-kontraktor yang dapat kontrak dari

Jabatan Telekom itu dapat menyempurnakan semua kontrak-kontrak mereka. Mana-mana kontraktor yang tidak dapat sempurnakan kontrak-kontrak mereka itu, mereka akan didenda atau kontrak akan ditamatkan dan denda akan dikenakan atas mereka.

Berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya berkenaan kerja catalyst di Bukit Mahkamah itu saya ingat Ahli Yang Berhormat itu pun pasti faham bahawa Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sendiri telah pergi ke tempat kerja itu untuk memastikan kerosakan-kerosakan yang dialami oleh kerja itu. Dan Kementerian saya telah pun mengarah kontraktor-kontraktor berkenaan untuk bertanggungjawab memperbaiki semua kerosakan-kerosakan yang dialami oleh kerja tersebut.

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ada hendak beri jalan?

**Tuan Ong Tin Kim:** Ya.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Pengerusi, kita tahu adalah kerja-kerja memperbaiki bangunan purba ini, tetapi kerja-kerja yang sedang diuruskan tidak memuaskan hati sebab kerja-kerja ini pun tidak cantik dan mutu pekerjaan ini tidak akan mengembalikan kecantikan, keindahan bangunan ini sebagai yang asal. Inilah "complaint" atau aduan dan tidak ada jaminan diberi supaya kerja-kerja pembinaan yang akan disambung di tempat projek pembangunan telekom tidak akan menjejaskan atau mengganggu bangunan gereja lagi. Inilah aduan saya.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Pengerusi, setakat ini dan setahu saya, Kementerian saya tidak dapat aduan

dengan rasminya daripada gereja tersebut mengatakan bahawa kerja memperbaiki itu tidak memuaskan. Jikalau kita dapat aduan dengan rasmi secara bertulis, Kementerian saya akan pasti mengarahkan kontraktor-kontraktor berkenaan untuk memperbaiki sehingga gereja tersebut memuaskan hati atas kerja memperbaikinya.

Perbelanjaan di bawah Maksud P.57 ialah "token sum" bagi pelbagai projek dan jikalau Tuan Pengerusi hendak, saya boleh beri butir-butir projek tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sudah jawab habis atau ada lagi hendak tambah?

**Tuan Ong Tin Kim:** Tidak ada lagi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$23,527,500 yang disebutkan dalam Maksud P.58 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1985; dan perbelanjaan sebanyak \$70 yang disebutkan dalam Maksud P.57; \$396,851,000 dalam Maksud P.58 dan \$10 dalam Maksud P.59 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$23,527,500 untuk dalam Maksud P.58 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985; dan wang sebanyak \$70 untuk Maksud P.57; \$396,851,000 untuk Maksud P.58 dan \$10 untuk Maksud P.59 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.60 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Peruntukan di bawah Maksud P.60 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Pengerusi, ini peruntukan token sum sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$50 yang disebutkan dalam Maksud P.60 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.61 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985)—*

*Maksud P.61 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Peruntukan di bawah Maksud P.61 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985) dan Maksud P.61 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986) di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

6.43 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 65 muka surat 132 di bawah Maksud P.61 mengenai Rancangan-rancangan

Bekalan Air Negeri Kedah. Saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada Bekalan Air Ahning, Peringkat I yang menelan belanja sebanyak \$132.3 juta. Jumlah yang tercatat di dalam Kertas Perintah 9A sebanyak \$216,680,370 adalah berkaitan.

Saya mendapat tahu baru-baru ini bahawa suatu penukaran struktur terpaksa dibuat ke atas empangan yang sedang rancak dibina pada masa ini. Apa yang saya maksudkan ialah mengenai struktur "Spillway" yang jikalau dibina mengikut dengan design asal dikatakan akan menyebabkan keruntuhan empangan itu.

Saya ingin bertanya adakah pindaan peruntukan dipohon kelulusan Dewan ini termasuk kos bertambah atau dengan izin, over-run cost, yang diakibatkan oleh kelemahan perencanaan ini. Jikalau ia saya ingin tanya banyak mana.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya supaya berhati-hati memilih syarikat-syarikat Juru Peunding di dalam usaha menyiapkan projek-projek pembinaan kerana jikalau yang dipilih itu kurang cekap berkemungkinan besar segala perencanaan kewangan akan menjadi kucar-kacir.

Tuan Pengerusi, mengenai projek Bekalan Air Ahning ini juga, saya ingin memohon agar keutamaan pembekalan air paip ini diberi kepada penduduk-penduduk di kawasan Padang Terap di mana empangan ini terletak. Kebanyakan penduduk-penduduk di sini selain dari hidup miskin juga tiada kemudahan-kemudahan asas seperti air minum dan jalan-jalan yang sempurna. Kemiskinan mereka di antara lain disebabkan ketiadaan infrastruktur ekonomi seperti sistem pengairan pertanian. Suatu paradox, dengan

izin, yang dihadapi sekarang ini ialah segala sumber air untuk rancangan pengairan MUDA di dataran Kedah/Perlis adalah diambil dari kawasan Padang Terap.

Air yang beratus juta gelen ini mengalir di depan rumah dan di tepi sawah penduduk-penduduk Padang Terap tetapi tidak memberi manfaat langsung kepada mereka kerana mereka tidak boleh menggunakan air ini sebab ketiadaan infrastruktur untuk penggunaannya. Di sebaliknya air ini mendatangkan manfaat yang besar kepada penduduk MADA yang tinggal sejauh 60 batu dari sumber air ini.

Saya pohon supaya pisang tidak berbuah dua kali, biarlah kali ini diberi keutamaan kepada penduduk-penduduk yang berdekatan dengan sumber air ini iaitu penduduk-penduduk miskin di kawasan Padang Terap.

Tuan Pengerusi, mengenai Kertas Perintah 9A ini juga, saya ingin mengingatkan Kementerian Kerjaraya di dalam perencanaan bekalan air luar bandar yang dibawah projek Antah Biwater di mana kemungkinan kos bertambah atau dengan izin, cost over-runs yang banyak. Saya cadangkan dalam projek yang menelan belanja beribu juta ringgit ini suatu skim menyalur dan membendung pelaburan banyak itu ke dalam ekonomi luar bandar disediakan dengan rapi. Misalannya kerja-kerja kontrak dan business transaction, dengan izin, mengenai projek ini mestilah dibuat di dalam pasaran tempatan. Justeru itu boleh berlakulah suatu spin-off effect yang betul-betul menyumbangkan kepada suatu pembangunan ekonomi yang adil.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula merujuk kepada muka surat 120, Maksud Perbelanjaan P.61 mengenai pindaan kepada ongkos membaiki

jalan-jalan. Kalau kita perhatikan di sini boleh dikatakan kesemua jalan yang diperbaiki dan diperbelanjakan peruntukan ini, ialah jalan-jalan bandar, jalan-jalan yang menghubungkan bandar-bandar serta jalan-jalan yang baru dibina di kawasan luar bandar.

Saya tidak mempertikaikan ini kerana banyak jalan-jalan bandar adalah jalan-jalan yang sudah lama berbanding dengan jalan-jalan luar bandar yang kebanyakannya hanya baru dibina. Tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada kawasan-kawasan luar bandar di mana pelaburan industri besar dilakukan—saya ulang, kepada kawasan-kawasan luar bandar di mana pelaburan industri besar dilakukan. Di kawasan-kawasan ini kebanyakan jalan-jalan raya dan jalan-jalan Persekutuan telah rosak akibat dari penggunaan loji-loji dan alat-alat pengangkutan berat dan sudah bertahun-tahun lamanya jalan-jalan ini tidak diperbaiki. Dan akibat lanjutan dari itu jalan-jalan kecil ataupun state roads habis rosak.

Saya memohon agar pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kerjaraya menggunakan dasar yang berlainan untuk menentukan putaran pembaikan jalan-jalan di kawasan seperti ini. Misalnya kalau satu-satu jalan yang biasa di sekeliling bandar diperbaiki 5 tahun sekali jangka yang lebih pendek harus ditentukan untuk kawasan luar bandar yang terlibat dengan industri besar yang saya katakan tadi. Perkara ini adalah satu perkara yang ironical, dengan izin apabila didapati bahawa industri besar yang berkenaan adalah dipunyai oleh Kerajaan sendiri. Tujuan diadakan industri ini ialah untuk meningkatkan lagi taraf sosio-ekonomi penduduk tempatan di samping menguatkan ekonomi negara.

Misalnya pelaburan Gula Padang Terap yang lebih dari 70% ekuitinya dimiliki oleh Perbendaharaan

Malaysia. Usaha ini pertama sekali mengambil alih berpuluh ribu hektar tanah Kerajaan untuk penanaman tebu yang mana rakyat miskin di Padang Terap diharap dapat mencari makan dengan mengambil upah sebagai pekerja ladang dan kilang tebu. Maka dari segi teorinya akan kuranglah tahap kemiskinan di daerah yang paling miskin di Malaysia ini. Tetapi apakah yang telah berlaku sekarang ini. Kenyataan telah menunjukkan bahawa walaupun pendapatan tunai bulanan keluarga-keluarga yang terlibat dengan industri ini meningkat mutu hidup atau quality of life, dengan izin, di kalangan penduduk-penduduk di situ menjunam turun akibat dari kerosakan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, apa ada sangkut dengan bekalan air luar bandar itu?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Ini berkenaan dengan muka surat 120, butiran mengenai perbelanjaan pembaikan jalan.

**Tuan Pengerusi:** Di bawah "P" berapa Yang Berhormat bercakap itu?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** P.61, muka surat 120 iaitu pembaikan jalan. Jadi, saya beri pandangan ini untuk memberi kesimpulan bahawa akibat ini adalah disebabkan oleh jalan raya sebagai menyokong saranan-saranan untuk diperbaiki jalan-jalan di kawasan itu.

**Tuan Pengerusi:** Dari mana Yang Berhormat baca muka surat 120 itu, Kertas Perintah 9/1987 di bawah mana?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Muka surat 120, Jalan raya dan Jambatan—Memperbaiki Jalan dan Jambatan-jambatan iaitu Butiran 1, Butiran 2, Butiran 3 dan Butiran 4.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, mintalah ringkaskan.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengapa saya buat saranan-saranan ini? Jikalau Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pergi ke kawasan Padang Terap, dari Pedu turun ke Padang Sanai sehingga ke pekan Kuala Nerang pada bila-bila musim pun, saranan saya ini boleh dibuktikan.

Misalnya kalau Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengarah pegawainya membuat kajian mengenai status kesihatan di kawasan berkenaan saya pasti peratusan pesakit-pesakit respiratory track dengan izin, adalah tinggi. Ini disebabkan oleh debu-debu yang sentiasa meliputi udara selama 4 bulan di dalam satu tahun iaitu musim kemarau daripada bulan Disember hingga bulan April akibat dari laluan lori-lori tebu yang banyak di musim menuai tebu. Tidak keterlaluan jika saya menyebut kes keluarga yang terpaksa makan pagi, tengah hari dan malam di dalam kelambu untuk mengelak dari debu-debu ini.

Di musim hujan pula saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pelajaran meninjau angka-angka ketidakhadiran atau absenteeism, dengan izin, di sekolah-sekolah di kalangan penuntut-penuntut di situ. Saya pasti Menteri akan terkejut melihat angka-angka yang tinggi. Ini adalah disebabkan ketidakupayaan penuntut-penuntut itu keluar rumah akibat dari jalan-jalan yang tidak dapat dilalui. Yang tabah hati kebanyakannya terpaksa pulang semula ke rumah lantaran seluruh badan dipenuhi lumpur dan warna merah. Justeru itu rata-rata tahap pencapaian pelajaran menurun.

Tuan Pengerusi, kedua-dua misalan yang saya sebut secara sepintas lalu ini menunjukkan bahawa di Padang

Terap akibat dari industri gula ini adalah amat tinggi sehingga ianya menenggelamkan manfaat ekonomi yang mereka perolehi. Kos sosial ini disebabkan oleh kerosakan jalan yang berada di sekeliling tempat itu baik jalan-jalan Federal mahupun jalan-jalan State.

Tuan Pengerusi, kayu pengukur taraf sosio-ekonomi sesuatu masyarakat adalah terdiri dari 3 faktor berikut . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Di sini Yang Berhormat bercakap atas dasar tetapi sekarang kita dalam Committee Stage. Maka berapa Yang Berhormat kata tadi?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Muka surat 120.

**Dato' S. Samy Vellu:** Perkara yang kita bincangkan sekarang ialah berkaitan dengan Bekalan Air Luar Bandar—Rancangan Khas sahaja iaitu \$216 juta. Tidak ada apa-apa berkaitan dengan perkara-perkara dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya harap kita boleh bincangkan ini pada masa yang akan datang apabila kita minta perbelanjaan untuk jalan-jalan itu.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kalau begitu . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Muka surat 120 itu token vote belaka.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, dan saya mengambil peluang ini menyokong peruntukan tambahan untuk bekalan air. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Saya mintalah sebab kita sekarang sudah lambat, Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.56 ptg.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Pengerusi, saya suka

mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Terap yang telah membahas atas Kementerian saya iaitu permintaan daripada Kementerian saya atas maksud P.61 sebanyak \$216,680,380.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1986 kita telah merancang untuk mengadakan rancangan khas iaitu rancangan khas untuk kawasan luar bandar. Di dalam rancangan ini kita telah menetapkan satu projek iaitu sebanyak \$1,400 juta . . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ada yang minta penjelasan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Ya.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, rancangan khas ini adakah berkaitan dengan rancangan Antah Biwater? Terima kasih.

**Dato' S. Samy Vellu:** Dan satu kajian seperti apa saya terangkan kepada Dewan yang mulia ini dua atau tiga hari yang lalu dalam jawapan saya bayaran \$216,680,000 ialah bayaran pertama kepada . . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, Menteri yang berkenaan menggulung atau menjawab ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli yang berucap tetapi nampaknya Tuan Pengerusi telah menetapkan ucapan daripada kawan saya. Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap itu tidak kena mengena dengan perbelanjaan itu dan mengapa jawapan itu diberi?

**Tuan Pengerusi:** Yang mula itu masuk, yang hujung tidak.

**Tuan Lau Dak Kee:** Depan itu masuk, belakang itu tidak masuk (*Ketawa*). Terima kasih.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya jawab sebab tadi saya katakan dalam jawapan saya saya jawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap sahaja. Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan beberapa hal berkaitan dengan bekalan air luar bandar dan juga perkara-perkara yang lain berkenaan dengan jalan dan lain-lain. Tetapi seperti apa yang saya terangkan tadi \$216,680,000 ialah untuk memberi bayaran pertama kepada Antah Biwater untuk menjalankan projek. Itu sahaja. Itulah kita telah membelanjakan dalam tahun 1986 yang mana saya minta kelulusan peruntukan itu daripada Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.61 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1985; dan perbelanjaan sebanyak \$216,680,370 yang disebutkan dalam Maksud P.61 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Kerjaraya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985; dan wang sebanyak \$216,680,370 untuk Maksud P.61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985)—*

*Maksud P.62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Perbelanjaan Kepala P.62 tahun 1985 dan P.62

tahun 1986 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datin Hajjah Paduka Zaleha binti Ismail):** Kesemuanya adalah token vote.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Maksud P.62 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1985; dan perbelanjaan sebanyak \$580 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985; dan wang sebanyak \$580 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud B.63 (Jadual)—*

*Maksud P.63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.63 dan P.63 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

**Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi Maksud P.63 di mana saya dapati \$239,800 untuk

membayai projek Kemajuan Infrastruktur berikutan dengan pemindahan projek Kemajuan Perkampungan ke Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, nampaknya angka peruntukan ini begitu kurang untuk membayai projek kemajuan infrastruktur di kampung-kampung khususnya kampung tradisional, kampung-kampung baru yang didapati keadaan infrastruktur-infrastruktur di kampung-kampung tersebut begitu teruk dan begitu kurang di mana peruntukan ini nampaknya kecil dan saya mencadangkan Kerajaan akan menambahkan lebih banyak seperti . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh mencadangkan tambahan, yang ini telah pun dibelanjakan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Ya, saya cadang akan ditambah lagi.

**Tuan Pengerusi:** Akan ditambah lagi tidak bolehlah. Yang kita boleh bahas sekarang di atas perkara yang telah pun dibelanjakan. Jikalau Yang Berhormat minta supaya tambahkan lagi itu bukanlah maksudnya di bawah Peraturan Mesyuarat 67 (9). Yang Berhormat boleh bercakap—berbahas sekarang di atas perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibuat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Okay, Tuan Pengerusi, cadangan pun tidak boleh buat, tak apalah, saya akan buat cadangan itu pada masa yang akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Ya, dalam Budget.

**Tuan Lau Dak Kee:** Dalam Budget. Terima kasih. Walaupun cadangan tidak boleh dibuat tetapi memandangkan angka-angka yang begitu kecil ini peruntukan bagi infrastruktur untuk menambahkan kemajuan perkampungan adalah tidak

mencukupi. Tetapi saya ingin menarik perhatian daripada Kementerian yang berkenaan supaya memberi perhatian lebih berat kepada perkembangan dan kemajuan bagi kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung baru di mana terdapat infrastruktur-infrastruktur seperti jalan-jalan, lorong-lorong yang masih banyak belum ditarkan lagi dan klinik-klinik kesihatan, klinik-klinik untuk kanak-kanak juga kurang khasnya klinik-klinik kesihatan dan klinik-klinik kanak-kanak sangat-sangat kurang di kampung-kampung tradisional, khasnya kampung yang terpencil atau kampung-kampung pedalaman di mana anak-anak daripada kampung pedalaman itu tidak dapat perubatan dan rawatan yang cukup, yang sempurna oleh kerana kekurangan klinik di satu-satu tempat. Saya berasa Kerajaan akan mengambil langkah untuk menyempurnakan klinik-klinik dan menambahkan klinik-klinik di kawasan yang saya sebutkan itu.

Tuan Pengerusi, sampailah masanya kita mengambil berat di atas perkembangan kemajuan kampung-kampung baru di mana telah dipindahkan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya berharap pemindahan itu akan dapat mengembangkan lebih lanjut lagi, lebih sempurna lagi di mana keadaan sekarang ini boleh dapat diperbaiki lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kwei):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai peruntukan tambahan yang dipohon

petang ini. Saya ingat beliau telah menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Kesihatan yang sepatutnya dibangkitkan semasa perbincangan mengenai Kementerian Kesihatan. Dan apa yang disebutkan oleh beliau mengenai peruntukan tambahan dan perbelanjaan tambahan untuk infrastruktur baik di kampung-kampung tradisional mahupun kampung-kampung baru, itu adalah bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan. Jadi, apa yang disebutkan oleh beliau mengenai longkang-longkang, lorong-lorong ini semua adalah berkisar kepada kemampuan kewangan Kerajaan. Beliau telah sebutkan mengenai kampung baru yang telah dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, perkara-perkara yang disebutkan oleh beliau akan diambil perhatian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$584,700 untuk Maksud B.63 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$584,700 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$936,890 yang disebutkan dalam Maksud P.63 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$936,890 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

**Tuan Pengerusi:** Fasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,169,564,368 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$23,527,590 bagi maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$1,146,036,778 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang

dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang

diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,169,564,368 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$23,527,590 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$1,146,036,778 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut.

disetujui.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,169,564,368 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$23,527,590 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$1,146,036,778 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Pojek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut.

## PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat 16 (3), Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### BALAI BOMBA DIRANTAU PANJANG

7.16 *ptg.*

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob (Rantau Panjang):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang di Dewan yang mulia ini untuk saya menyampaikan satu Ucapan Penangguhan iaitu saya ingin memberi ucapan di Dewan yang mulia ini. Ucapan ini ialah bagi pihak penduduk di kawasan saya Rantau Panjang bahawa satu usul memohonkan kepada Kerajaan supaya meluluskan satu peruntukan untuk mewujudkan balai bomba di pekan Rantau Panjang.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini dimajukan kerana memandangkan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku kebakaran di pekan Rantau Panjang sahaja sudah pun lapan kali berlaku, satu pun tak dapat memberi pertolongan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali berlaku kebakaran, pegawai-pegawai bomba dari pekan Pasir Mas dan Kota Bharu tak dapat memberi pertolongan yang sewajarnya, manakala mereka itu sampai sahaja di tempat peristiwa yang berlaku maka kebakarannya pun boleh dikatakan sudah hanya mereka

mengawal supaya kebakaran itu tidak merebak ke bangunan-bangunan lain sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak bangunan-bangunan dan harta benda rakyat di kawasan itu telah pun menerima kerugian akibat dari kebakaran yang telah pun lapan kali berlaku satu pun tak dapat dikawal dan tak dapat dijaga dengan sempurna. Sekarang pula memandangkan bahawa di kawasan itu banyak sudah bangunan-bangunan baru yang dibina, umpama satu pasar di Rantau Panjang dan juga gedung-gedung perniagaan, rumah kediaman awam, pejabat-pejabat Kerajaan, bangunan-bangunan Kerajaan yang baru dibangun, ada pula projek-projek perumahan JPN dan projek perumahan swasta di kawasan itu nampaknya pesat membangun, sekiranya berlaku pula kebakaran, diharapkan tidak berlaku, insya Allah, maka dikhuatirkan banyak pula kerugian yang dialami oleh rakyat terutama sekali penduduk di kawasan pekan Rantau Panjang. Dengan hal demikian, maka disyorkan moga-moga bagi pihak Kerajaan dapat menimbangkan dan dapat meluluskan peruntukan satu balai bomba di kawasan Rantau Panjang dengan sekadar yang segera. Sekian.

7.18 *ptg.*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebenarnya tiap-tiap kali kebakaran berlaku di Rantau Panjang, pasukan-pasukan bomba dari Pasir Mas dan Kota Bharu telah datang untuk memberikan khidmat memadam kebakaran dan dalam peristiwa kebakaran yang terakhir iaitu yang telah berlaku pada 15hb Mei, 1986, terawal daripada

pasukan-pasukan bomba datang ke tempat kebakaran, sebanyak 4 buah kereta bomba dari pekan Golok telah pun memberi bantuan dan pasukan itu hanya balik setelah api dapat dikawal. Walau bagaimanapun, dalam hal ini, jika pihak Bomba lambat menerima panggilan, Pasukan Bomba akan lewat sampai memandangkan jaraknya agak jauh sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Bomba telah pun mengambil langkah awalan dengan menempatkan satu Pasukan Bomba seramai 6 orang anggota dengan sebuah kenderaan lengkap dengan peralatan pam dan lain-lain alatan untuk memberikan bantuan permulaan sekiranya berlaku kebakaran di Rantau Panjang. Dengan kerjasama Majlis Daerah Pasir Mas, sebuah bangunan telah diperuntukkan untuk dijadikan Balai Bomba sementara. Jabatan Bomba sedang berusaha untuk mendapatkan tapak tanah yang sesuai dan strategik daripada Kerajaan Negeri bagi tujuan pembinaan Balai Bomba baru.

Pada masa ini juga, sepasukan Bomba gotong-royong dengan anggota seramai 24 orang telah pun ditubuhkan di pekan Rantau Panjang. Latihan yang sesuai kepada pasukan ini sedang diselenggarakan di bawah bimbingan Pasukan Bomba, Jabatan Bomba Negeri Kelantan. Maka Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah menerima cadangan Ahli Yang Berhormat itu dengan baik dan Kementerian sendiri ada cadangan untuk membina Balai Bomba di Rantau Panjang selepas kita dapat diperuntukkan sekeping tanah yang sesuai dan selepas kita menerima peruntukan bagi tujuan pembinaan Balai Bomba daripada Kerajaan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

## KUIL SRI THANIGAMALAI DI SENAWANG

7.22 mlm.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Speaker, Kuil Sri Thanigamalai telah dibina pada tahun 1978 dan pembinaannya adalah secara spontaneous, dengan izin, dan juga secara permintaan popular oleh lebih seribu penganut Hindu yang tinggal dalam dua estet perumahan iaitu Taman Marida dan Taman Senawang Jaya di Seremban.

Walaupun estet perumahan ini adalah moden dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri, tetapi dalam estet ini tidak ada peruntukan pelan-pelan untuk pembinaan sebuah kuil Hindu, sebuah gereja atau sebuah tokong Buddha. Di sempadan salah satu daripada estet perumahan ini terdapat sebidang tanah kosong kepunyaan Kerajaan Negeri dan tanah ini tidak digunakan untuk apa-apa kegunaan awam. Atas tanah ini penganut-penganut Hindu telah membina sebuah kuil kecil untuk bersembahyang dan berkumpul bersama pada hari perayaan. Tidak terdapat sebarang kuil Hindu yang lain dan kuil Hindu yang terdekat adalah terletak beberapa batu jauhnya dari kedua-dua kawasan perumahan ini.

Masa telah berlalu dan jumlah penganut Hindu telah bertambah dan mereka berasa perlu untuk memperbaiki kuil itu. Oleh itu dalam tahun 1980, kuil tersebut telah dibina semula dan pada Disember, 1986 kerja memperbaiki yang selanjutnya telah dijalankan. Dalam masa itu mereka telah bersembahyang di kuil itu dan tidak timbul apa-apa kacau-bilau atau aduan dari mana-mana pihak.

Pada 17hb Januari, 1987 satu kumpulan orang yang terdiri daripada 20 pegawai dari Pejabat Daerah Seremban bersama-sama dengan

Pegawai-pegawai Polis telah pergi ke kuil itu dan merobohkan sebahagian dari kuil itu. Ahli-ahli dalam komiti kuil berkata tidak ada sebarang notis mengosongkan tempat sama ada dari Kerajaan Negeri atau Majlis Perbandaran Seremban diberikan kepada mereka.

Sekarang apa yang tinggal sahaja ialah tembok kuil itu tanpa apa-apa perlindungan yang sesuai untuk tuhan dan penganut-penganut Hindu. Penganut-penganut Hindu dalam kawasan ini telah membantah secara keras atas perbuatan perobohan yang bodoh serta luar biasa ini. Perbuatan ini juga adalah satu perbuatan yang tidak penting.

Kawasan itu adalah satu kawasan yang kosong dan tidak terdapat apa-apa kerja pembangunan dijalankan oleh Kerajaan Negeri di atasnya. Jadi mengapakah kerja ini dijalankan secara terburu-buru? Tindakan disiplin patut diambil ke atas pegawai-pegawai yang bertanggungjawab melakukan perbuatan perobohan yang kejam ini kerana tidak terdapat apa-apa sebab yang menasabah untuk menjalankan perbuatan ini.

Di samping itu perbuatan ini adalah serius dan melanggar hak kebebasan beragama seribu penganut Hindu di kawasan itu. Hak kebebasan beragama ini adalah tertakluk dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam pelan perumahan Taman Marida dan Taman Senawang Jaya tidak terdapat peruntukan untuk satu tempat bersembahyang. Inilah sebab yang utama mengapa seribu penganut Hindu membina sebuah kuil atas tanah Kerajaan untuk dijadikan tempat bersembahyang.

Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh kedua-dua estet perumahan ini kerana di kebanyakan estet perumahan di seluruh negara ini tidak

terdapat apa-apa kawasan untuk pembinaan gereja, kuil atau tokong Buddha. Oleh sebab itu saya ingin menyeru kepada Menteri yang berkenaan supaya menyedari tentang masalah ini dan memastikan peruntukan untuk tempat bersembahyang terdapat dalam pelan mereka.

Seruan ini dibuat untuk memberi erti kepada hak kebebasan beragama seperti yang tertakluk dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga untuk mempertingkatkan moral dan integrasi negara ini melalui kepercayaan dan agama seseorang.

*7.25 mlm.*

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman):** Yang Berhormat Tuan Speaker, perobohan kuil Sri Thanigamali di Taman Senawang Jaya pada 17hb Januari, 1987 telah dilakukan setelah Kerajaan menerima laporan dari salah seorang penduduk di Taman Senawang Jaya pada 14hb Januari, 1987 mengatakan bahawa kuil berkenaan telah didirikan secara haram. Walaupun begitu, tindakan hanya diambil setelah siasatan dibuat.

Dari siasatan yang telah dilakukan pada 15hb Januari, 1987, Kerajaan mendapati adalah benar sebuah kuil bersimen dan beratap zink telah dibina secara haram di atas tanah Kerajaan seluas 4,200 kaki persegi. Keadaan tanah di mana kuil itu dibina adalah berlurah dan bergaung dan tidak mempunyai jalan masuk yang sah. Tanah itu terletak di belakang sebuah rumah No. 755 Taman Senawang Jaya di Senawang Estate.

Siasatan yang dilakukan itu juga mendapati bahawa bekalan elektrik juga telah disambung dari rumah No. 745 Taman Senawang Jaya secara haram. Pada bangunan kuil yang

dibina itu terdapat busut dan pokok besar yang dijadikan lambang pujaan penganut Hindu di situ. Siasatan seterusnya menunjukkan bahawa terdapat kira-kira 150 orang penganut agama Hindu di sekitar Taman Senawang Jaya dan Taman Marida yang berhampiran bersembahyang di kuil itu. Mereka itu telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa berkaitan dengan pembinaan kuil itu dengan menamakan Kuil Sri Thanigamali. Tindakan merobohkan bangunan ini telah diambil pada 17hb Januari, 1987 setelah Kerajaan berpuas hati dalam siasatan yang telah dilakukan bahawa pembinaannya tidak mendapat sebarang kelulusan dan didirikan pula di atas tanah Kerajaan. Di samping itu pembinaan itu telah menimbulkan masalah kepada masyarakat di kawasan tersebut.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan perobohan kuil tersebut telah melanggar kebebasan untuk beragama, adalah tidak berasas seperti yang kita dengar tadi kerana ianya tidak ada kena mengena langsung dengan persoalan, kerana apa yang dibangkitkan dalam soal ini ialah membina sebuah kuil tanpa mengikut peraturan-peraturan dan dibina pula di atas tanah Kerajaan. Walaupun begitu, perobohan yang dilakukan hanyalah ke atas bangunan kuil tersebut, akan tetapi busut dan berhala yang terdapat di situ tidak dimusnahkan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*